

Samudera



TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA • ROYAL MALAYSIAN NAVY

BIL 02 2004 • ISSN 0127-6700



Tangkas dan Berbisa
TLDM KE ARAH KECEMERLANGAN

ISSN 0127-6700



9 770127 670004

SECOND

Electronic Warfare 2004

CONFERENCE & EXHIBITION

27-29 SEPTEMBER 2004

PWTC · KUALA LUMPUR · MALAYSIA

**Incorporating
Information Warfare & UAVs**

www.fr-exhibitions.com.my

"Acquiring EW capability is essential for Malaysia's defence and security. EW provides access to the battle space, degrades our enemy's capability to attack, and, most importantly, saves lives."

Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak
Deputy Prime Minister Malaysia

"The Malaysian Armed Forces recognized the importance of updating our resources with the current technologies and development in Electronic Warfare. As such, Electronic Warfare 2004 Conference and Exhibition provides the avenue for the defence related industry and government agencies alike to further enhance the existing relationship, and at the same time synergies our objectives of supporting local defense industries, which will eventually provide us with the much needed logistic support."

Gen. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zahidi Bin Haji Zainuddin
Chief of Armed Forces Malaysia

"The finest and state-of-the-art defence technology available is always of interest to the Malaysian Armed Forces. Electronic Warfare is an ever-growing and expanding industry which involves the development and integration of several disciplines and skills. The Ministry of Defence Malaysia lends its support to the staging of the Electronic Warfare 2004 Conference and Exhibition in Kuala Lumpur."

Datuk Subhan Jasmon
Secretary General
Ministry of Defence Malaysia

Supported by



MINISTRY OF DEFENCE
MALAYSIA



MALAYSIAN ARMED FORCES

Strategic Partner




NISER
National ICT Security and
Emergency Response Centre

Organised by



FR EXHIBITION AND CONFERENCE
SERVICES

Main Sponsor



Dinner Sponsor

BAE SYSTEMS

Media Partners



PERAJURIT

Official Hotel



Official Airline



Unit C-17-1, Block C
17th Floor, Megan Avenue II
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur, Malaysia
TEL: +603-2161 0951
FAX: +603-2161 1106

EMAIL: info@fr-exhibitions.com.my

Kandungan

NORMAHAILY BINTI MOHD NOR
5500341 PW II PRL
Pegawai Waren Tadbir
Sel Perhubungan Awam TLDM
Markas Tentera Laut

FOKUS: Skuadron 501	6
PERBARISAN DIRAJA: Istiadat Perbarisan Diraja	8
INTERNATIONAL RELATION: FPDA	11
ASET BARU: PAHANG - Kemampuan TLDM Diperkasa	14
BAKAT LAUT: BAKAT (L) LUMUT Berubah Angin	17
KUALITI: Ke arah Organisasi Pembelajaran	18
ARMADA: Hari Terbuka Armada	20
ARMADA: Skuadron Ke-16 OPV	22
NAVAL TERMS: Istilah Tentera Laut	25
SUKAN: Kejohanan Mini Olimpik Ke XVIII	26
ILMU KELAUTAN: Pelayaran Kali Pertama	28
NAVY PEOPLE	30
KAUNSELING: Pengurusan Konflik	32
PEPERANGAN: Dimensi Peperangan Psikologi	33
JOIN THE NAVY: Patkor MALINDO 84/2004	34
RIADAH: Sukan PETANQUE	35
NOSTALGIA: KD SERAMPANG	36
NOSTALGIA: KD RAHMAT	38
PROFIL: Tentera Laut Antarabangsa	41
PROFIL: Pusat Latihan Rekrut TLDM	42
SIHAT: Obesiti	44
SUKAN: Piala Zain	45
BSC: Pelaksanaan BSC Dalam TLDM	46
NGPV: The Challenge	48
ISU MARITIM: Kebangkitan China dan Niat Amerika Di selat Melaka	50
TRED KERJAYA: PBS dan PBK	52
CERPEN: Hanya Kerana Coklat	54
GALLEY SAMUDERA: Nasi Tomato Pulau Jarak	56
TINTA ROHANI: Peradaban	57
SAJAK	58
GELAGAT	59
KRITIS	60



Dari Meja Ketua Pengarang



Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,

Seiring dengan konsep majalah Tentera Laut yang berteraskan perkongsian pengetahuan, isu **Samudera** kali ini memaparkan beberapa ruangan menarik mengenai perkembangan baru dalam TLDM serta isu-isu baru bagi memupuk budaya maritim di kalangan pembacanya.

Fokus bagi keluaran kali ini adalah aset terbaru TLDM iaitu pesawat Super Lynx. Aset baru ini merupakan *force multiplier* yang boleh melipatgandakan keupayaan tempur Armada TLDM terutama sekali dengan peluru berpandu anti-kapal serta torpedo anti-kapal selam. Pesawat ini juga merupakan pesawat tempur maritim yang tercanggih di rantau Asia-Pasifik. Pelancaran kapal ronda generasi baru kedua PAHANG juga merupakan berita menarik dalam keluaran **Samudera** kali ini. Bagaimanapun, dengan adanya aset-aset baru yang serba canggih ini, ia masih tidak berkesan tanpa anggota yang terlatih dan bercekapan tinggi. Oleh itu, **Samudera** juga dalam keluaran ini memaparkan usaha TLDM ke arah mewujudkan *Learning Organization* bagi membudayakan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan warganya sebagai pemangkin kepada pembangunan *Navy People* yang lebih intelektual dalam era yang berteraskan pengetahuan.

Samudera kali ini juga memaparkan isu keselamatan maritim bagi memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai isu keselamatan negara kerana ia secara tidak langsung memberi kesan kepada kehidupan kita seharian. Keselamatan maritim merupakan cabaran yang harus ditangani oleh Malaysia secara berterusan. Pergolakan baru-baru ini mengenai kebimbangan pihak luar khususnya Amerika Syarikat mengenai potensi ancaman keganasan di Selat Melaka menjadi peringatan bagi kita ke atas betapa pentingnya perairan maritim negara kepada dunia kesan dari globalisasi. Kebimbangan ini juga mempunyai impak kepada keselamatan negara kita dari aspek kedaulatan dan kestabilan ekonomi. Dalam hal ini, peranan yang dimainkan oleh TLDM sangat penting dan wajar mendapat perhatian masyarakat. Komitmen kami ke atas peranan penting ini dipaparkan di muka 30 - **The Navy People !**

Akhir sekali, kami berharap majalah **Samudera** akan terus mendapat sambutan pembaca dari semua lapisan masyarakat. Segala idea bernas serta kritikan membangun sentiasa dihargai bagi terus meningkatkan lagi kualiti penerbitannya sejajar dengan visi TLDM sebagai organisasi yang berkualiti.

Terima kasih diucapkan kepada semua penyumbang yang telah menjayakan penerbitan **Samudera** secara langsung atau tidak langsung.

SEDIA BERKORBAN

Samudera



SIDANG REDAKSI

PENAUNG/PENASIHAT

Laksamana Madya Dato' Ilyas bin Hj Din

KETUA PENGARANG

Kept Ahmad Kamarulzaman bin Hj Ahmad Badaruddin TLDM

PENGARANG

Lt Kdr Khir Junaidi bin Idris TLDM

Lt Rosdi bin Mohamad TLDM

WARTAWAN

BK PBS (I) Sabarudin bin Abas

LK 1 KNA Iswardi bin Rashidi

WAKIL LUMUT

Lt Karimah binti Awi TLDM

Lt Masliza binti Maaris TLDM

LK 1 RGR Normahaily binti Mohd Nor

WAKIL MAWILLA 1

Lt Kamaruzaman bin Ahmad TLDM

LK 1 RDP Jeply AK Miseng

WAKIL MAWILLA 2

Lt Che Hanifa Suriani binti Che Jaafar TLDM

WAKIL PULAREK

Lt Nurkahayu @ Nurfatimah binti Khalid TLDM

GAMBAR EHSAN

PR KEMANTAH

PR Markas Tentera Laut

PR Markas Armada

Warisan Advertising

REKABENTUK

Azman bin Ahmad

Warisan Advertising Sdn Bhd

No. 25-2, Wisma Warisan

Jelatek Business Park, Jalan Jelatek

54200 KUALA LUMPUR

Tel: 03-42527279

Faks: 03-42527281

Samudera diterbitkan sebanyak empat kali setahun oleh Markas Tentera Laut Diraja Malaysia dan diedarkan secara percuma. Samudera mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya daripada seluruh warga TLDM dan para pembaca yang budiman. Sila hantarkan sumbangan anda sama ada secara pos atau E-mel kepada:

**Pengarang Samudera,
Markas Tentera Laut,
Kementerian Pertahanan,
Jalan Padang Tembak,
50634 KUALA LUMPUR.
Tel: 03-20713165/3218
Faks: 03-26927677**

E-mel: editorsamudera@yahoo.com

"Come like the wind, go like lightning."

SUN TZU (*The Art of War*)

Integrating your Naval Defense

A new major player has just arrived in the world of naval shipbuilding: ARMARIS... Its name evokes the art of the sea ("ars maris") and the arms of the sea ("arma maris").

Armaris is the offspring of two of Europe's leading naval contractors: **DCN and Thales** who combine the ability to design, build, integrate and support fully-equipped surface ships and submarines.

BECAUSE THE SEA IS A GLOBAL ELEMENT...

ARMARIS TAKES A GLOBAL APPROACH TO YOUR NAVAL DEFENSE REQUIREMENTS.

Drawing on these joint strengths, **Armaris** will help fleets and navies achieve a new level of defense integration and capability by acting as:

- Reliable partner for all your defense needs
- Prime contractor for complete, international naval programs
- Supplier of a complete range of standard and custom naval products
- Project manager for turnkey naval contracts
- Service provider for training, support, infrastructure and shore facilities
- Catalyst for alliances, cooperation and technology transfers
- Advisor in financing, planning, standards and logistics

Armaris
STRENGTH AT SEA



SKUADRON 501

OLEH: LT KHAIRIL HARISS BIN HAJI KHAIRUDDIN TLDM

Perolehan pesawat SUPER LYNX Mk 100 telah membuka satu dimensi baru di dalam perkhidmatan TLDM amnya dan Cawangan Udara TLDM (CUT) khususnya. Sebagai langkah pemodenan CUT, perolehan ini telah memantapkan lagi keupayaan tempur serta *survivability* Armada TLDM. Pastinya dengan keupayaan ini, ianya menjadi amaran kepada mana-mana anasir yang ingin mengancam kedaulatan dan keselamatan maritim negara.

SEJARAH PENUBUHAN

CUT telah beroperasi lebih daripada 14 tahun semenjak ditauliahkan pada tahun 1990. Sepanjang penubuhan tersebut TLDM telah berjaya melahirkan krew udara yang berwibawa dengan tahap profesionalisme yang tinggi. Ianya terbukti dengan pengekalahan tahap kemalangan sifar sehingga kini.

Sejajar dengan perkembangan peranan TLDM yang lebih mencabar, maka perancangan telah dibuat bagi menyediakan sebuah skuadron pesawat barisan hadapan bagi memenuhi keperluan Armada. Di sini bermula detik penubuhan SKUADRON 501 yang didokong oleh pengoperasian pesawat SUPER LYNX Mk 100. Setelah kontrak persetujuan ditandatangani, satu tim projek telah dihantar ke United Kingdom bagi merealisasikan perolehan ini.

Pesawat pertama tiba pada Jun 2003 dan sehingga kini, 5 buah pesawat telah diterima oleh TLDM mulai Sep hingga Okt 2003. Satu lagi pesawat masih menjalani proses integrasi Misil SEA SKUA (*Anti Ship*) di United Kingdom dan dijangka tiba di Malaysia pada Ogos 2004.

FUNGSI

Fungsi setiap skuadron adalah berdasarkan kepada jenis pesawat, kerana setiap pesawat telah direka bentuk untuk memenuhi keperluan yang berbeza. Bagi pesawat SUPER LYNX Mk 100, ianya telah direka bentuk khusus bagi melakukan operasi-operasi maritim yang pelbagai dimensi. Pesawat ini mampu melaksanakan tugas-tugas penting seperti berikut:



Pendaratan di KD JEBAT



Megah di angkasa...

- Peperangan Anti Permukaan.
- Peperangan Anti Kapal Selam.
- Pemantauan Permukaan.
- Penembakan Melampaui Ufuk (OTH).

Setiap tugas tersebut merupakan peranan utama yang perlu dilaksanakan terutamanya jika negara terlibat di dalam sesuatu krisis yang memerlukan TLDM bertindak mempertahankan kedaulatan negara. Selain daripada tugas-tugas utama di atas, pesawat SUPER LYNX juga mampu melaksanakan tugas-tugas sekunder seperti Bantuan Penembakan Laut (NGS), Operasi Amfibi dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, skuadron ini juga tidak sunyi daripada tugas semasa aman. Antara tugas yang perlu dilaksanakan semasa keadaan aman adalah seperti berikut:

- Latihan Krew Pesawat.
- Medical Evacuation (MEDEVAC).
- Operasi Mencari dan Menyelamat.



Melakukan pemeriksaan sebelum penerbangan

- Operasi Khas.
- Operasi Menggeledah.
- VERTREP seperti Load Lifting dan Winching.
- CASEVAC.
- Penguatkuasaan Zon Ekonomi Eksklusif.

ORGANISASI

Pelantikan Pegawai Memerintah SKUADRON 501 telah dilakukan secara rasminya pada 1 Mac 2004. Kesemua krew, sama ada krew udara dan juga krew teknikal telah pun menjalani latihan khas pengendalian atau senggaraan pesawat di United Kingdom. Kumpulan krew udara pertama

yang terdiri daripada 4 x Juruterbang (JT) dan 3 x Pegawai Taktikal Udara (PTU) sedang menjalani Latihan Peralihan Pesawat serta dijangka akan beroperasi pada Julai tahun ini. Walau bagaimanapun, buat masa ini, mereka mampu untuk melaksanakan tugas-tugas penerbangan yang tidak melibatkan manuvera taktikal.

KEUPAYAAN PESAWAT SUPER LYNX MK 100

Untuk memastikan pesawat sentiasa berada di tempat yang betul dan pada masa yang tepat, ianya telah dilengkapi dengan peralatan navigasi seperti yang terdapat pada pesawat perang udara yang lain. Di samping itu pesawat ini juga dilengkapi dengan sistem avionik yang diintegrasikan sepenuhnya bagi kawalan radio, navigasi, radar, *Forward Looking Infra Red* (FLIR), dan sistem kawalan misil. Paparan data juga menggunakan pengaplikasian *Cockpit Display System* (CDS) yang canggih dengan menggunakan teknologi *Liquid Control Display* (LCD) dan ini memudahkan krew udara di dalam mengendalikan pesawat. Secara amnya, ianya dipanggil *Glass Cockpit*.

Bagi tujuan menjejak, mengesan dan mengenal pasti kontak pula pesawat ini dilengkapi dengan penerima-penerima yang mampu memastikan kejayaan sesuatu misi yang dilaksanakan. Antara penerima yang terdapat pada pesawat adalah:

- SEASPRAY 3600 (*Search Radar*)
- ESM SKY GUARDIAN 2500.
- *Forward Looking Infra Red* (FLIR).

Dari segi keupayaan tempur, pesawat ini dilengkapi dengan sistem persenjataan yang baik dan telah terbukti keberkesannya. Senjata-senjata tersebut adalah seperti berikut:

- Misil SEA SKUA - 3 buah bagi setiap pesawat.
- Torpedo A244/S - 2 buah.
- Mesingan M3M 0.5 inch.
- Keupayaan Penembakan Misil Otomat menggunakan Sistem TG2 (OTH).

KESIMPULAN

Perolehan pesawat baru TLDM ini nyata membuka banyak ruang kepada TLDM untuk meneroka dimensi baru dalam pengoperasian pesawat udara. Pesawat SUPER LYNX bakal menjadi pesawat barisan hadapan yang mampu menambahkan keupayaan tempur (*Force Multiplier*) Armada. Pengoperasian pesawat ini perlu disokong oleh semua peringkat demi menjamin keberkesanan dan kejayaan peranan pesawat-pesawat tersebut. Pasti penerbangan SKUADRON 501 ini merupakan cabaran yang perlu ditangani dengan bersungguh-sungguh dan bijak. Selamat bertugas diucapkan dan semoga penerbangan skuadron ini terus menjaga kecemerlangan kepada Armada TLDM. **S**



Siap dan sedia...



Istiadat Perbarisan Diraja dan Istiadat Pengurniaan Tauliah

OLEH: LT MASLIZA MAARIS TLDM PRO, NETC



Istiadat pemeriksaan Perbarisan Tamat Latihan

Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong XII Tuanku Syed Sirajudin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail telah berkenan mencemar Duli ke Pangkalan TLDM Lumut bagi menghadiri Istiadat Perbarisan Diraja dan Pengurniaan Watikah Tauliah kepada 121 orang Pegawai Dalam latihan TLDM yang terdiri daripada Pegawai Graduan ke 13, Pegawai Tugas Khas ke 27 dan Pegawai Tauliah Jangka Pendek ke 52 TLDM.

Seramai 20 orang pegawai Graduan, 14 orang Pegawai Tugas Khas dan 87 orang Pegawai Tauliah Jangka Pendek telah ditauliahkan di dalam Istiadat Perbarisan Diraja dan Pengurniaan Watikah Tauliah yang telah dilaksanakan di Padang Kawat Markas Pendidikan dan Latihan TLDM pada 22 Jun 04 yang lalu.

Turut hadir dalam istiadat ini ialah Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan YBhg Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohd Zahidi bin Hj Zainudin, Panglima Tentera Laut, Laksamana Dato' Sri Mohd Anwar bin Hj Mohd Nor dan Panglima Pendidikan TUDM, Brigedier Jeneral Datuk Abu Bakar bin Mat Said.

Di dalam titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong telah menasihatkan agar para pegawai muda tersebut terus menunjukkan keterampilan yang tinggi agar masyarakat akan menghormati dan memandang



PKK Syahrudin bin Hassim - Terbaik keseluruhan dan Akademik Terbaik Keseluruhan

tinggi ke atas profesion Tentera Laut khasnya dan Angkatan Tentera amnya. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong juga memaklumkan sejak kebelakangan ini, cabaran-cabaran yang dihadapi terutamanya daripada sudut perubahan senario keselamatan secara global mahupun serantau memerlukan TLDM mengolah strategi yang lebih proaktif untuk sentiasa relevan dan siaga menangkis apa jua ancaman sama ada konvensional ataupun asimetrik. Walaupun TLDM memiliki aset tempur yang canggih, apa yang penting sekali ialah memastikan warganya sentiasa kompeten dan mahir mengendalikan sistem-sistem berteknologi tinggi. Oleh itu kunci kepada kejayaan adalah pengetahuan dan ilmu.

Sempena Istiadat Perbarisan Diraja dan Pengurniaan Watikah Tauliah pada tahun ini PKK Syahrudin Bin Hassim telah dipilih sebagai Pegawai Pengambilan ke 52 Terbaik Keseluruhan dan Pegawai Pengambilan ke 52 Akademik Terbaik Keseluruhan. Manakala Lt Mohd Arif Bin Yusof TLDM dipilih sebagai Pegawai Graduan Terbaik Keseluruhan. Bagi Pegawai Tugas Khas Terbaik Keseluruhan pula, berjaya disandang oleh PKK Wang Tek Chang.

Seperkara yang menarik mengenai Istiadat Perbarisan Diraja kali ini ialah di mana penglibatan bapa dan anak dalam satu istiadat. Bagi PW 1 TLR Ishak bin Supaat beliau begitu berbangga kerana terlibat sama dalam perbarisan pentauliahannya anaknya PKK Isnornazim bin Ishak.

Pegawai Kadet (PK) Pengambilan Ke-52 mula menjalani Latihan Asas Ketenteraan di Kolej Tentera Laut Diraja pada 29 Mei 02 dan merupakan kumpulan ke sembilan Program Diploma Pengurusan Teknologi – Pertahanan dan Pengangkutan Maritim (DPT-PPM) yang dilaksanakan bagi meningkatkan taraf akademik pegawai muda TLDM agar setanding dengan Institusi Pengajian Tinggi yang lain.

Bagi mendedahkan mereka kepada asas pelaksanaan tugas dan kehidupan di laut, mereka telah mengikuti pelayaran bersama MV FAJAR SAMUDERA. Di sini mereka telah didedahkan kepada asas kehidupan sebagai anggota TLDM.



PKK Wang Tek Chang - Pegawai Tugas Khas Terbaik Keseluruhan



Lt Mohd Arif bin Yusof - Pegawai Graduan Terbaik Keseluruhan

Pada tahun kedua, mereka telah menjalani latihan praktikal di kapal, di mana mereka berpeluang mempelajari dengan lebih dekat lagi mengenai pelaksanaan tugas sebagai seorang pegawai TLDM, di samping dapat mempraktikkan segala pelajaran yang dipelajari secara praktikal. Bagi memenuhi objektif itu, mereka telah dihantar ke kapal-kapal TLDM di Lumut, Kuantan, Labuan dan Sandakan. Program ini dikenali sebagai Latihan Laut Fasa Pertama. Sejurus selepas itu mereka dikehendaki mengikuti Latihan Laut Fasa Kedua di lokasi latihan yang berlainan bagi memberi pendedahan yang lebih berkesan kepada mereka. Di tahap ini mereka didedahkan kepada tugas dan tanggungjawab sebagai seorang pegawai TLDM.

Pegawai Graduan Pengambilan Ke – 13 terdiri daripada 14 orang pegawai lelaki dan 6 orang wanita lulusan IPTA dari pelbagai cabang kelulusan dan kepakaran.





Segak dan bergaya...

Mereka mula menjalani Latihan Asas Ketenteraan di Kolej Tentera Laut Diraja pada 18 Nov 03. Mereka telah menjalani Program Orientasi selama 6 minggu di mana ia merupakan satu proses transaksi daripada kehidupan awam kepada kehidupan harian sebagai seorang anggota tentera.

Bagi mendedahkan mereka dengan ilmu kelautan dan pelayaran mereka telah mengikuti pelayaran ke Belawan, Indonesia bersama KLD TUNAS SAMUDERA selama dua minggu. Ini bagi mendedahkan mereka kepada kehidupan dan tugas di laut. Seterusnya mereka telah mengikuti modul umum bagi mendalami aspek asas Tentera Laut yang diperlukan apabila mereka mula bertugas kelak.

Seramai 9 orang Pegawai Graduan Bekalan dan 2 orang Pegawai Graduan Eksekutif telah mengikuti latihan sambil kerja yang bersesuaian dengan kepakaran mereka di unit-unit TLDM di Pangkalan Lumut. Mereka didedahkan kepada tugas dan tanggungjawab sebagai seorang pegawai TLDM yang bakal mereka lalui kelak.

Bagi 9 orang Pegawai Graduan Teknikal pula, mereka dikehendaki mengikuti modul profesional di Fakulti Kejuruteraan KD PELANDOK sebelum menjalani latihan amali di kapal dan pangkalan TLDM sebelum mereka diperjawatkan.

Pegawai Tugas Khas Pengambilan Ke - 27, seramai 14 orang telah menjalani latihan bermula pada 12 Jan 04. Mereka merupakan anggota lain-lain pangkat, dari cawangan kepakaran Pelaut, Teknikal dan Bekalan yang akan dilatih untuk menjadi pegawai TLDM.

Kursus Bakal Pegawai Tugas Khas telah dibahagikan kepada 4 peringkat. Pada peringkat pertama mereka menjalani Program Orientasi selama 4 minggu untuk membentuk ketahanan mental dan fizikal di samping menerapkan ciri-ciri kepegawaian.

Seterusnya, mereka mempelajari mata pelajaran Modul Umum selama 8 minggu bagi memberi pendedahan dengan lebih dekat lagi mengenai pelaksanaan tugas sebagai seorang pegawai TLDM. Mereka kemudian dinaikkan ke

pangkat Pegawai Kadet Kanan (PKK) apabila kesemua mereka mempamerkan prestasi yang baik serta telah lulus dalam semua peperiksaan dengan cemerlang.

Mereka kemudiannya menjalani Latihan Sambil Kerja (LSK) di pelbagai unit dan kapal TLDM sehingga mereka melapor semula ke KTLD bagi persiapan tamat latihan. Segala kerja keras dan usaha yang mereka lakukan membuahkan hasil apabila ditauliahkan ke pangkat Leftenan Madya TLDM setamatnya latihan mereka. **S**



FIVE POWER DEFENCE ARRANGEMENTS (FPDA)

By: Kdr Roslan bin Idris TLDM
Markas ATM – BOLP

• This article may be considered as informative and Educative for the benefit of the younger officers in the RMN •

BACKGROUND

The Five Power Defence Arrangements (FPDA) was agreed when the Ministers of Governments of Australia, Malaysia, New Zealand, Singapore and the United Kingdom met in London on 15 and 16 April 1971, in order to consider matters on common interest to all the five governments relating to the external defence of Malaysia and Singapore. The Ministers declared, that, in the event of any form of armed attack externally or the threat of such attack against Malaysia or Singapore, their governments would immediately consult together for the purpose of deciding what measures should be taken.

COMMITTEES

From this arrangement, committees were established as follows:

- **FPDA Defence Ministers' Meeting (FDMM)** meets every 3 years. The ministers will also meet annually on informal meetings.
- **FPDA Defence Chiefs' Conference (FDCC)** meets at a frequency of between 12 to 18 months, chaired by the Chief of Defence Forces of Malaysia or Singapore. It would endorse exercise concepts, objectives, commitment of forces in exercises and activities, as well as to provide guidance and direction on lessons learnt and the way ahead.
- **FPDA Consultative Council (FCC)** meets every 6 months chaired alternately by KSU KEMENTERAH and the First Permanent Secretary (Defence) Singapore.
- **FPDA Activities Co-ordinating Committee (FACC)** meets every 6 months and Co-Chaired by AKS OLP, MK ATM and Director Joint Operations & Planning Directorate (DJOPD) of Singapore.

ACTIVITIES

FPDA activities comprise of exercises, training courses, seminars, meetings, working group's activities and staff visits. Working Groups established include the FPDA Communications Working Group (FCWG), FPDA Logistics Working Group (FLWG) and the Land Planning Group (LPG) which will report directly to the FACC. All the committees will be hosted alternately between Malaysia and Singapore except for staff visits which will be co-ordinated by HQIADS.



FPDA Defence Ministers' Informal Meeting

EXERCISES

Beginning 2004, the names of exercises in FPDA were changed to reflect their more joint nature as below:

- ADEX becomes **BERSAMA SHIELD**
- STARDEX becomes **BERSAMA LIMA**
- FLYING FISH becomes **BERSAMA PADU**
- **SUMAN WARRIOR** – Tactical Level Land CPX
- **SUMAN PROTECTOR** is a Joint Operational

Level CPX every 4 years, commencing in the year 2007.

CONCLUSION

Since its existence 33 years ago, FPDA has been important in not only contributing to the security of Malaysia and Singapore, but also to the region as a whole. It has established an international reputation for conducting high quality multilateral combined and joint exercises. Further to that, it has also enhanced interoperability and strengthened the professional relationship among the defence forces of the FPDA nations. **S**



FPDA Consultative Council Meeting



Hubungan Antarabangsa

OLEH: LT KDR KHIR JUNAIDI TLDM

Terletak di kawasan negara serantau yang berkongsi sempadan laut, Malaysia tidak dapat mengelak dari mempunyai minat dan kepentingan strategi yang bertindih dengan negara jirannya. Oleh yang demikian ia adalah penting agar kerjasama pertahanan menjadi mekanisme yang efektif untuk mengemukakan perkara yang melibatkan kepentingan sekuriti dan kerjasama yang tinggi di peringkat negara serantau atau antarabangsa. Dengan itu, keyakinan dan transparensi yang diwujudkan melalui kerjasama tersebut akan berkemungkinan mengurangkan sebarang ancaman di rantau ini.

Globalisasi telah merapatkan hubungan perdagangan dan meningkatkan pergantungan negara-negara berjiran terhadap satu sama lain. Keamanan juga telah meningkatkan aliran dana ke rantau ini. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya usaha mengekalkan keamanan serantau akan juga menguntungkan negara rantau ini.

TLDM berfungsi melaksanakan tugas dan tanggung jawab menjaga keselamatan maritim negara dan menentukan keamanan serantau melalui kerjasama keselamatan dalam menjunjung polisi luar negara Malaysia. Pelaksanaan ini merupakan salah satu peranan TLDM dalam mendokong dasar luar negara Malaysia. Kerjasama ini turut membina keyakinan dan kepercayaan di antara semua anggota terlibat.

Sebagai salah sebuah negara pengasas ASEAN,

Malaysia percaya asas kemajuan ekonomi ialah kestabilan dan keamanan serantau. Sejak penubuhan ASEAN, ia nyata sekali telah menyumbang ke arah menguatkan kerjasama pertahanan negara serantau. Ikatan kerjasama yang telah terjalin di antaranya ialah *ASEAN Post Ministerial Conference (PMC)*, *ASEAN Regional Forum (ARF)*, *Council for Security Cooperation in the Asia Pacific (CSCAP)*, *International Seapower Symposium (ISS)* dan *Western Pacific Naval Symposium (WPNS)* telah membuktikan kebaikannya di dalam mempromosikan dialog yang aktif di kalangan cendekiawan dan perancang keselamatan negara. Di dalam konteks ini TLDM tidak ketinggalan untuk terus menempah nama di rantau ini dan secara tidak langsung menempatkan nama serta kredibiliti ATM di mata dunia.

Di peringkat TLDM, kerjasama tentera laut di antara negara serantau telah di dimaksimumkan melalui eksekusi dan operasi gabungan, sama ada secara dua hala (bilateral) atau pelbagai hala (multilateral). Kerjasama ini memberikan laluan kepada TLDM untuk mencapai dan membina hubungan yang positif di antara tentera laut serantau dan juga antarabangsa. TLDM telah mendapat manfaat yang besar dari eksekusi tersebut oleh kerana tahap profesionalismenya tinggi, kompleksiti dan cabaran yang ekstrem sama ada dalam senario strategi atau operasi. Eksekusi ini juga mempromosikan transparensi yang lebih besar, meningkat *Confidence Building Measure*

(CBM), menambah persefahaman dan keupayaan kerjasama sesama negara ahli. Selepas insiden 11 September, konsep eksekusi dua hala dan pelbagai hala telah beranjak ke dalam skop yang lebih luas termasuk peperangan tak simetri (asymmetric warfare) dan aktiviti mencegah keganasan. Ia membenarkan perkongsian maklumat dan risikan bagi mengukuhkan pencegahan dan tindakan berkesan terhadap aktiviti penganas dan penjenayah lain. Dengan pertambahan dan peningkatan aset-aset TLDM, matlamat untuk keamanan di rantau ini dapat dicapai dengan lebih efektif. Aset-aset baru TLDM antara lain seperti *New Generation Petrol Vessel (NGPV)*, *Super Lynx* dan kapal selam akan menambahkan kekuatan unsur maritim negara.

Kerjasama Dua Hala TLDM

Hubungan dua hala telah lama terjalin antara TLDM dan tentera laut negara jiran seperti Brunei, Filipina, Indonesia, Singapura dan Thailand. Pada tahun 2001, TLDM dan Tentera Nasional Indonesia Angkatan Laut (TNI AL) telah mementerai persefahaman di panggil "*Malindo Prevention of Sea Incidents Cooperative Guidelines*". Persefahaman ini, yang pertama seumpamanya di rantau ini, bermatlamat untuk mencegah pengulangan insiden di laut antara kedua tentera laut apabila melakukan operasi berdekatan antara satu dengan lain.

Menyadari kepentingan merealisasikan CBM, TLDM berharap persefahaman yang



Dua pemimpin merealisasikan Hubungan Antarabangsa yang berkesan

seumpamanya dapat dilaksanakan dengan negara jiran yang lain. Sejak beberapa tahun yang lalu, rondaan terkoordinasi dan eksekusi telah dilaksanakan antara TLDM dan TNI AL. Eksekusi dan operasi seperti PATKOR dan MALINDO JAYA telah berjaya merapatkan hubungan kerja dua hala. Pertukaran anggota, perbincangan antara staf dan sesi perancangan bersama yang kerap diadakan telah memudahkan perkongsian sumber dan pertukaran maklumat.

Kerjasama dengan Tentera Laut Diraja Thailand telah dipertingkatkan melalui rondaan sempadan terkoordinasi melibatkan kedua tentera laut dan juga agensi keselamatan maritim lain. Ia merangkumi dua kawasan iaitu di persisiran pantai Teluk Thailand dan Laut Andaman. Eksekusi SEAEX THAMAL telah dilaksanakan antara kedua tentera laut bertujuan untuk menjalin persefahaman yang lebih baik tentang prosedur maritim dan tentera laut.

TLDM dan Tentera Laut Singapura pula telah mengadakan kerjasama dua hala tahunan yang dinamakan Eksekusi MALAPURA sejak 1984. Kedua-dua tentera laut juga telah bekerjasama di dalam eksekusi Mencari dan Menyelamat (SAR) dua hala di bawah persefahaman *Joint Malaysia-Singapore SAREX* untuk memperbaiki keupayaan kerjasama antara organisasi SAR kedua negara.

Kerjasama TLDM dan Tentera Laut Filipina (TLF) pula diadakan di bawah persefahaman *Malaysia-Philippines Joint Commission and Border Committee (JCBC)*. Komiti ini mula beroperasi pada tahun

1995 di bawah panggilan PHIMAL. Operasi ini menyaksikan kerjasama yang relatif melibatkan dua atau tiga buah kapal dari kedua negara.

Kerjasama TLDM dan Tentera Laut Diraja Brunei melibatkan Eksekusi HORNBILL yang diadakan setiap tahun di antara kedua tentera laut. Eksekusi dua hala ini dilaksanakan di perairan Sabah dan Brunei.

Dalam meningkatkan kerjasama dengan tentera laut negara bukan ASEAN di rantau ini, TLDM telah mewujudkan *Naval Working Group (NWG)* dengan Tentera Laut Republik Korea. Mesyuarat tahunan staf kedua-dua tentera laut ini bertujuan untuk mengadakan rundingan dan mengkoordinasi perkara-perkara berkaitan latihan dan operasi. TLDM juga mengadakan hubungan dua hala dengan Tentera Laut Amerika melalui kerjasama latihan dan eksekusi seperti eksekusi CARAT, SEACAT dan lain-lain eksekusi.

Kerjasama Pelbagai Hala

Sebagai langkah mengiktiraf kerjasama pelbagai hala yang akan meningkatkan hubungan baik dua hala sesama negara serantau, Malaysia telah melibatkan diri dalam beberapa inisiatif kerjasama pelbagai hala. Buat masa ini, Malaysia merupakan ahli kepada organisasi pelbagai hala *Five Power Defence Arrangement (FPDA)* bersama Singapura, United Kingdom, Australia dan New Zealand. Melalui persefahaman ini, *FPDA* telah berjaya menyerap dimensi ketenteraan dan hubungan politik yang stabil di antara ahli. Eksekusi *FPDA* seperti BERSAMA PADU (*FLYING FISH*), BERSAMA LIMA (*STARDEX*) dan BERSAMA SHIELD (*ADEX*) adalah sangat berharga kepada TLDM dan negara ahli lain dari segi pengalaman dan latihan yang diperolehi.

Pertembungan Pemikiran

Oleh kerana sebahagian dari negara Asia Pasifik

terdiri dari negara kepulauan dan berpantai, kebanyakan dari interaksi geostrategik mereka menjangkaui sempadan laut. Oleh itu, *CBM* menjadi agenda hubungan antarabangsa serantau yang penting. *ISS* dan *WPNS* yang melibatkan *CBM* sebagai agenda utama mereka, telah terbukti berjaya mempromosikan kerjasama antara tentera laut. Kemajuan yang teguh boleh dicapai dalam isu kebolehan kerjasama yang tidak sensitif memandangkan perkumpulan itu melibatkan profesional yang tidak berkepentingan politik.

Pada tahun 2006, TLDM dirancarkan untuk menjadi hos kepada Eksekusi *WPNS MCMEX/DIVEX 2006* yang bakal diadakan di Malaysia. Eksekusi ini bertujuan untuk mencapai kebolehan kerjasama yang lebih teguh di dalam aktiviti peperangan ranjau dan penyelaman (*Mine warfare and diving*) di antara 18 negara *WPNS* yang dijangka mengambil bahagian. Seminar dan eksekusi ini akan dengan berkesan mencambahkan pertukaran fikiran, pengalaman dan pengetahuan di dalam peperangan ranjau dan penyelaman yang kompleks.

Di dalam komuniti ASEAN, TLDM telah dengan jayanya menjadi tuan rumah kepada persidangan *2nd ASEAN Navy Interaction 2003 (2nd ANI 2003)* yang dihadiri oleh Panglima Tentera Laut negara ASEAN atau wakil mereka. Perjumpaan tidak formal ini diperkenalkan sebagai arena untuk membincangkan isu yang memfokuskan kepada ancaman bukan ketenteraan maritim dan menstrukturkan kerjasama tentera laut serantau yang lebih rapat.

Penglibatan TLDM di dalam arena kerjasama pertahanan serantau bukan sahaja memberi lebih banyak pengalaman dan pengetahuan kepada TLDM malah membuka TLDM kepada pilihan dan dimensi yang lebih luas. Pengalaman berinteraksi bersama tentera laut lain yang lebih berpengalaman adalah sesuatu yang tak dapat dinilai, terutama dengan negara yang tidak pernah mempunyai hubungan dengan TLDM sebelum ini.

IMB melaporkan perairan negara di Selat Melaka berjaya mengekalkan sifar jenayah bagi kapal dagang buat tahun kedua berturut-turut, pada tahun lalu. Ini adalah hasil rondaan 24 jam tentera laut dan polis marin Malaysia dengan kerjasama negara jiran di perairan itu yang berjaya mengekang aktiviti lanun yang selama ini sering menghantui kru dan pemilik kapal dagang. Sebagai laluan paling sibuk di dunia dengan hampir 500 sehingga 600 kapal melaluinya setiap hari, sudah pasti tugas mengawal Selat Melaka bukan mudah. Namun Malaysia sudah membuktikan kemampuannya dengan kapal ronda dan aset milik TLDM yang telah berjaya mengekang kegiatan pelancongan di perairan negara.

Secara ringkas, situasi keselamatan serantau ketika ini memerlukan dan menjadi batu loncatan TLDM untuk mempromosikan kerjasama antara negara serantau. Kita percaya kerjasama tentera laut boleh menjadi arena asas untuk mencapai cita-cita ini dan TLDM sedang meningkatkan usaha untuk mempertingkatkan kerjasama ini di peringkat yang lebih tinggi. **S**



Perbincangan kearah persefahaman

PAHANG KEMAMPUAN TLDM DIPERKASA

OLEH: ABOY PR FOC RMN

Kelahiran PAHANG sebagai kapal ronda generasi baru kedua selepas NGPV KEDAH (*New Generation Patrol Vessel*) membawa dimensi baru di dalam industri pertahanan negara khususnya Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di dalam usaha melengkapkan struktur aset maritim TLDM yang canggih.

Justeru, hasrat TLDM ingin memantapkan pertahanan perairan negara dan memperlihatkan potensinya dalam mengawal keselamatan maritim dari anasir-anasir yang mampu menggugat keselamatan negara pasti terlaksana dengan kehadiran PAHANG dari sejumlah enam buah kapal ronda yang sedang dibina oleh Syarikat Kumpulan Business Focus, PSC-Naval Dockyard.

Menyingkap sejarah, Negeri Pahang yang juga dikenali sebagai 'Inderapura' dipilih sesuai dengan kemasyhuran dan kehebatan Negeri Pahang pada masa dahulu dan juga sekarang. Nama Pahang turut diabadikan oleh pihak British ke atas sebuah kapal perangnya iaitu *Her Majesty Ship (HMS) PAHANG* yang asalnya kepunyaan syarikat *Straits Steamship* yang telah diubahsuai dan dilengkapi senjata bagi menghadapi ancaman tentera laut Jepun semasa Perang Dunia Kedua.



Dengan lafaz Bismillah...

Kehebatan HMS PAHANG serta anak kapalnya dalam peperangan tersebut diabadikan sekali lagi ke atas sebuah kapal lain yang dinamakan *Her Majesty Malayan Ship (HMMS) PAHANG*. HMMS PAHANG terlibat dalam pemeriksaan Diraja British yang pertama pada 7 September 1958. Kerajaan Malaysia pula telah menamakan salah sebuah daripada Kapal Ronda Kelas Kedah yang dibina di England pada akhir 1963 sebagai KD SRI





Aset Kebanggaan Negara

PAHANG. KD SRI PAHANG, akhirnya dilucutkan tauliahnya pada tahun 1983 setelah berkhidmat dengan cemerlang selama 20 tahun. Bagi meneruskan tradisi, nama KD PAHANG kini terus diabadikan untuk kapal yang baru dilancarkan baru-baru ini.

Upacara penamaan dan pelancaran kapal yang dilaksanakan ini merupakan satu tradisi tentera laut sejak dahulu lagi serta menjadi detik sejarah yang istimewa dan bermakna bagi sesebuah kapal perang. Pelancaran kapal ini juga merupakan satu aktiviti sebelum kapal diserahkan dan seterusnya ditauliahkan dalam perkhidmatan TLDM. Nama yang diberikan menjadi identiti kapal sepanjang hayatnya dan menjadi kebanggaan warganya kelak.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah dan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah turut berangkat bagi menyaksikan upacara yang penuh bersejarah ini. Hadir sama, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Sri Mohd Anwar Mohd Nor dan Pengerusi Eksekutif PSC-NDSB, Tan Sri Amin Shah Omar Shah. Pelancaran kapal itu yang akan dinamakan Kapal Diraja PAHANG pada tahun 2005 telah disempurnakan Duli Yang Maha Mulia Sultanah Pahang, Sultanah Hajjah Kalsom.

Program pembinaan kapal ini bertujuan bagi menggantikan kapal peronda TLDM yang sudah usang, sekaligus memperkasa kemampuan TLDM kerana kapal baru ini lebih berkemampuan dengan menggunakan teknologi terkini.

Ia juga memperlihatkan hasrat kerajaan mempertingkatkan keupayaan TLDM dan seterusnya kemampuan kita mengawal perairan daripada semua ancaman, sama ada luar mahupun dalam bentuk bukan konvensional termasuk penganas.

Kapal baru sepanjang 91.1 meter dengan berat 1,600 tan metrik itu dibina bagi menggantikan KD SRI PAHANG yang dilucutkan tauliahnya pada 1983 kerana terlalu usang. KD SRI PAHANG yang dibina di England pada 1963, adalah kapal ronda pertama negara. Kapal ronda pertama generasi baru yang dinamakan KEDAH dilancarkan September tahun lalu dan dijangka ditauliahkan September ini.

Kapal ronda ini bukan sahaja akan diberi peranan penting dalam menjaga perairan negara bahkan membantu mempertingkatkan keupayaan tempur Armada TLDM. Malaysia adalah *a true maritime trading nation* atau sebuah negara perdagangan maritim yang penting di rantau ini. Justeru, negara ini wajar mempunyai keupayaan yang mencukupi untuk menjaga kepentingan maritim negara dan kedaulatan perairannya.

Ia juga memperlihatkan hasrat kerajaan mempertingkatkan kemampuan TLDM dan seterusnya kemampuan kita mengawal perairan daripada semua ancaman, sama ada luar mahupun dalam bentuk bukan konvensional termasuk penganas.

Bertitik-tolak dari hakikat itu, kerajaan telah bersetuju melaksanakan perolehan siri pertama 6 buah NGPV oleh Syarikat PSC-ND yang merupakan satu



Untuk Kenangan...

projek nasional kerajaan Malaysia bagi menggantikan kapal ronda yang kini tidak lagi sesuai digunakan oleh TLDM. Langkah ini sesuai dengan perkembangan situasi keselamatan sejagat yang begitu mencabar peranan TLDM serta agensi maritim lain. Dihantui kejadian 11 September, ancaman asimetri khususnya penganas kini turut mengancam keselamatan perairan dan laluan strategik seperti Selat Melaka.

Persepsi ancaman sebegini bukan sahaja memberi implikasi buruk terhadap keselamatan negara dari aspek pembangunan ekonomi malah boleh mengundang campur tangan kuasa luar dalam pengurusan keselamatan di perairan negara.

Memetik ucapan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak pada majlis pelancaran Jun lalu, beliau menerangkan bahawa perolehan kapal ronda ini adalah sebahagian daripada perancangan strategik TLDM dalam program modenisasi yang melibatkan proses transformasi armadanya supaya lebih kredibel dengan keupayaan tempur yang seimbang.

Dato' Sri Najib juga menegaskan, selain mengambil faedah dari projek nasional ini melalui program *offset* yang menyumbang ke arah perkembangan industri pertahanan tempatan iaitu menghasilkan pemindahan teknologi tinggi, perolehan pengalaman serta pengetahuan baru dalam bidang tertentu dan berjaya mempertingkatkan keupayaan syarikat tempatan, pendedahan yang diperolehi dalam pelaksanaan projek ini dengan konsortium luar negara seperti *German Naval Group (GNG)* boleh memupuk budaya kerja berkualiti yang paling optimum.

Malaysia sebagai negara maritim dan perdagangan perlu menggunakan perairannya yang strategik untuk mengeksport dan mengimport barangan. Justeru, rondaan termasuk mengatasi pelancongan perlu ditingkatkan dengan kerjasama Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia yang baru.

Program pembinaan kapal peronda tersebut membolehkan rakyat mendapat kemahiran dalam bentuk mengintegrasikan alat elektronik dan sistem persenjataan di atas sebuah kapal perang yang moden. PSC-NDSB telah meningkatkan kemampuannya melalui pelaburan yang dilakukan di limbungan ini dan mereka akan memastikan empat kapal ronda yang akan dibina di sini bukan sahaja siap mengikut jadual tetapi dapat mencapai mutu dan spesifikasi yang begitu tinggi yang ditetapkan TLDM. Perkara itu sedang ditingkatkan melalui kerjasama dengan *GNG* yang berpusat di Hamburg, Jerman, iaitu syarikat asal yang membuat kapal itu yang kini telah memindahkan teknologinya kepada PSC-NDSB.

Kapal ronda generasi baru ini dibina dengan konsep '*fitted but not with*', ini bagi memudahkan ia di tukar peranan dari kapal ronda kepada kapal korvet lengkap dengan sistem misil udara, permukaan dan senjata bawah permukaan. TLDM sedang dalam perancangan untuk menukarkan peranan ini dengan meningkatkan keupayaannya apabila situasi kewangan mengizinkan.

Setelah penamaan dan pelancaran ini, kapal ronda PAHANG akan

menjalani kerja-kerja ujian di pelabuhan dan di laut sebelum diserahkan kepada TLDM secara rasmi pada Mac 2005. Kerja-kerja mengintegrasikan sistem dan ujian sebelum penerimaan kapal merupakan satu cabaran yang paling getir dan penting kepada mereka yang terlibat dalam projek ini.

Istimewanya, kesemua kerja-kerja pembinaan kapal ronda TLDM ini dilaksanakan dengan penglibatan penuh tenaga kerja PSC-ND dengan jumlah tenaga kerja terlatih melebihi 1500 orang, PSC-ND yakin dan mampu memikul tugas dan tanggungjawab merealisasikan hasrat kerajaan dalam usaha ke arah '*self-reliance*' dalam bidang ketenteraan maritim dan pertahanan negara. Tambahan lagi PSC-ND mempunyai keupayaan di dalam bidang

pembinaan, pembaikan dan penyelenggaraan kapal-kapal TLDM, kakitangan PSC-ND juga cukup terlatih dalam pembaikan dan penyelenggaraan persenjataan berat seperti sistem misil, meriam dan peralatan ketenteraan yang lain yang disokong oleh syarikat-syarikat tempatan dan vendor tempatan. Dengan itu, mereka lebih yakin dan bersedia untuk memikul tanggungjawab dan cabaran membina baki 21 buah kapal ronda sebagaimana di dalam perancangan kerajaan atau lain-lain projek pertahanan negara.

Walau bagaimanapun, sikap positif, komitmen serta semangat kerjasama yang ditunjukkan oleh semua yang terlibat akan membantu kelancaran proses penyerahan PAHANG kepada kerajaan kelak dan menepati jadual. **S**



Setelah lebih sepuluh bulan Badan Kebajikan Isteri Angkatan Tentera (BAKAT) Laut Lumut diterajui isteri kepada seorang pemimpin yang tegas dan penuh disiplin, kini badan kebajikan itu mengalami perubahan angin dengan pertukaran pucuk pimpinannya, YBhg Datin Noor Asmah yang menyerahkan kuasa tertinggi kepada YBhg To' Puan Rohani bte Yahya, isteri Panglima Armada yang baru, YBhg Laksamana Madya Dato' Mohammed bin Nik.

Upacara Serah Terima Tugas Pengerusi BAKAT (L) Lumut telah berlangsung dengan rasminya pada 25 Mei yang lalu bertempat di Rumah BAKAT (L) Lumut. Majlis penuh bermakna ini telah disaksikan ahli-ahli Jawatankuasa BAKAT (L) Lumut serta ahli-ahlinya yang terdiri daripada para isteri pegawai dan anggota TLDM yang berpangkalan di Lumut.



MAJLIS SERAH MENYERAH TUGAS
PENGURUSI BAKAT (L) LUMUT
25 MEI 04

BAKAT (L) LUMUT *Berubah Angin*

OLEH: ABOY PR FOC RMN

Datin Noor Asmah yang mula memegang teraju pimpinan BAKAT (L) Lumut pada 14 Ogos tahun lalu secara rasminya menyerahkan tugas kepada To' Puan Rohani bagi mengikuti suami beliau, YBhg Laksamana Madya Datuk Ramlan Mohamed Ali yang bertukar keluar dan memulakan tugas sebagai Ketua Staf Markas Angkatan Tentera Malaysia (MATM) mulai Jun tahun ini. Bak kata bekas Perdana Menteri kita, Tun Dr Mahathir Mohamad **'Perjuangan Belum Selesai'**, demikianlah yang dilalui Datin Noor Asmah yang kini mula menapakkan diri sebagai Pengerusi BAKAT Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) yang mana kepercayaan yang diberi oleh badan tersebut begitu tinggi dan menuntut komitmen yang jitu terhadap tanggungjawab yang dipikul. Secara tidak langsung beliau menjadi orang kedua terpenting bagi badan-badan isteri tentera.

Sungguhpun begitu, **'Patah tumbuh hilang berganti'**—hilang yang lama muncul pula yang baru bagi menyambung perjuangan yang tidak berpenghujung. Pasti perjuangan perlu diteruskan oleh BAKAT (L) Lumut bagi memastikan urusan pentadbiran sentiasa berjalan lancar yang mana kebajikan isteri-isteri warga TLDM sentiasa memerlukan perlindungan dan sokongan. BAKAT (L) Lumut mula meneruskan langkah dengan pelbagai aktiviti sama ada majlis-majlis rasmi mahupun tidak rasmi. Badan tersebut yang kini diterajui oleh YBhg To' Puan Rohani sentiasa bergerak cergas seperti mana ia dipimpin oleh pengerusi-pengerusi sebelum ini. Jelas sekali badan ini sentiasa 'terpelihara' dengan komitmen para isteri yang sentiasa berfikir terbuka dan berpendapat walaupun mereka agak tersepit dengan kesibukan menguruskan keluarga, namun ianya tidak menghalang mereka memperuntukkan masa dan tenaga demi melihat BAKAT (L) Lumut sentiasa aktif.

Jika diselak tirai sejarah kejayaan BAKAT (L) Lumut ini, sebenarnya sudah acap kali badan ini meraih kejayaan dan menjulang pelbagai gelaran juara di pertandingan-pertandingan sama ada di peringkat perkhidmatan mahupun kebangsaan. Di samping itu, pelbagai aktiviti menarik sentiasa memenuhi ruang jadual BAKAT (L) Lumut yang mana ianya bukanlah aktiviti sia-sia sebaliknya menanam minat para isteri supaya sentiasa mengingati keluarga dan meletakkan keluarga di tempat teratas yang sekaligus menjadikan para isteri sebagai tulang belakang kepada suami yang bertugas. **S**



Untuk kenangan...



Menyambut ketibaan Pengerusi BAKAT baru



Ke arah Organisasi Pembelajaran (Towards A Learning Organization)

OLEH: KEPT AHMAD KAMARULZAMAN TLDM MBA (Strathclyde) MA (UKM)

APAKAH ITU ORGANISASI PEMBELAJARAN?

Organisasi pembelajaran atau *Learning Organization* (LO) adalah merupakan sebuah organisasi yang mana warganya, sama ada secara individu mahupun secara kumpulan sentiasa bertekad mempertingkatkan keupayaan mereka untuk menghasilkan yang terbaik melalui pembelajaran sepanjang hayat. Pembelajaran adalah satu-satunya kelebihan kompetitif yang boleh dikekalkan di dalam sesuatu organisasi yang fokus kepada kecemerlangan.

MENGAPA KITA HARUS BERUSAHA AGAR TLDM MENUJU KE ARAH ORGANISASI PEMBELAJARAN?

- Kerana kita mahukan pencapaian prestasi yang lebih baik dan memperoleh kelebihan persaingan atau *competitive advantage*.
- Mempertingkatkan kualiti.
- Memupuk inovasi.
- Mempertingkatkan keupayaan kita untuk menangani perubahan.
- Memotivasikan warga TLDM agar sentiasa komited.
- Memperluaskan *operating envelope* kita.
- Menentukan organisasi TLDM terus relevan pada masa mendatang.
- Menggunakan hasil pembelajaran untuk mencapai hasil yang lebih baik.

Dalam era globalisasi masa kini, TLDM sebagai organisasi yang ingin terus berjaya, perlu dinamik dan sentiasa sedia mengadaptasi kepada perkembangan atau perubahan persekitarannya. Bagaimanapun, usaha untuk mencapai tahap LO bukan sesuatu yang mudah dan semua warga TLDM harus berusaha dengan lebih gigih dan mempunyai komitmen yang jitu. Masalah yang sering dihadapi oleh sesebuah organisasi sering bergantung kepada faktor manusia seperti

kemahiran individu, sikap dan budaya organisasi tersebut.

APAKAH MANFAAT YANG BOLEH KITA PEROLEHI APABILA TLDM BERJAYA MENCAIPI TAHAP ORGANISASI PEMBELAJARAN SEPENUHNYA?:

- Wujudnya persekitaran yang positif dan semangat untuk belajar di kalangan warganya.
- Sentiasa memberi harapan kepada warganya bahawa masa depan akan lebih cerah untuk semua.
- Mewujudkan persekitaran yang baik untuk menjana idea yang lebih kreatif.
- Setiap pendapat atau idea warganya dihargai dan tidak terhad kepada jawatan atau kedudukan seseorang.
- Memupuk budaya pembelajaran sepanjang hayat.

Secara umum, LO akan mewujudkan satu tahap efisiensi dan keberkesanan yang tinggi dalam sesuatu organisasi tersebut. Ini adalah kerana pada masa kini dan mendatang semua organisasi akan menghadapi persaingan yang lebih serius dan cuma yang berjaya mewujudkan budaya LO akan terus berjaya dan mendapat tempat.

LO berupaya mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk menentukan pembelajaran dapat dilaksanakan dalam keadaan yang tenang, di mana seseorang itu tidak merasakan pembelajaran itu suatu obligasi sebaliknya merasakan pembelajaran merupakan sesuatu aktiviti yang menyeronokkan. Persekitaran ini adalah kritikal untuk kita menghadapi cabaran di masa akan datang di mana cuma organisasi yang berinovasi dan kreatif akan membezakan antara organisasi biasa dengan organisasi yang unggul. Untuk mencapai tahap ini, warga organisasi yang dimaksudkan perlu mempunyai pengetahuan serta kecekapan atau *competency*.

Imej yang ingin dipaparkan oleh TLDM melalui pendekatan LO adalah mewujudkan organisasi di mana pembangunan serta sumbangan seseorang

individu tersebut dihargai sama seperti pembangunan organisasi itu sendiri, kerana peranan seseorang warga TLDM tidak boleh dipisahkan dengan peranan organisasi itu sendiri.

BAGAIMANA UNTUK MEWUJUDKAN ORGANISASI PEMBELAJARAN?

Memang mudah untuk kita membincangkan secara konsep kerana dalam sesuatu pendekatan yang baru apa yang lebih sukar dan mencabar adalah pelaksanaan sesuatu konsep tersebut. Dalam hal ini, persoalan yang harus kita ajukan adalah bagaimana kita mewujudkan suatu organisasi di mana kebanyakan warganya bukan sahaja mempunyai keinginan untuk belajar bahkan sedia berkongsi pengetahuannya dengan anggota lain, iaitu warga yang sentiasa bermotivasi tinggi untuk belajar, untuk mengajar dan untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman.

"Organizations where people continually expand their capacity to create the results they truly desire, where new and expansive patterns of thinking are nurtured, where collective aspiration is set free, and where people are continually learning to learn together"

Peter Senge

JENIS ATAU TAHAP PEMBELAJARAN

Sesuatu organisasi pembelajaran bukan terhad kepada mengadakan lebih latihan. Walaupun latihan memang boleh membantu meningkatkan kepakaran serta kecekapan kita, organisasi pembelajaran merangkumi pembangunan kecekapan dan pengetahuan sehingga ke peringkat tertinggi setelah melalui 4 tahap:

Tahap 1 - Mempelajari fakta, pengetahuan, proses dan prosedur.

Tahap ini dianggap asas dan lebih sesuai dalam situasi di mana keadaan perubahan tidak begitu ketara. Contohnya di dalam TLDM adalah pembelajaran sebelum kita diperjawatkan di kapal dengan menimba ilmu di pusat latihan.

Tahap 2 - Mempelajari kepakaran baru dalam melaksanakan sesuatu tugas baru. Ini seperti keadaan apabila kita diperjawatkan di tempat baru yang memerlukan bimbingan atau tenaga pakar luar sebagai proses pembelajaran.

Tahap 3 - Mempelajari untuk mengadaptasi atau penyesuaian.

Tahap ini diperlukan apabila sesuatu penyelesaian tersebut perlu dibangunkan melalui kaedah eksperimentasi dan pembelajaran melalui kejayaan mahupun kegagalan. Contoh yang boleh kita rujuk adalah pembelajaran taktik peperangan yang dikendalikan di PUSTAKMAR, Lumut.

Tahap 4 - Mempelajari bagaimana untuk belajar (Learning to learn).

Pembelajaran ini adalah mengenai inovasi dan kreativiti; merekabentuk sesuatu yang belum ada

perubahan persekitaran agar sentiasa memikirkan kepada masa hadapan. Ia juga memerlukan pengaliran maklumat yang bebas dan akses kepada sumber maklumat agar sistem yang tersedia tidak menjadi penghalang sebaliknya menjadi *enabler* atau pamangkin bagi menggalakkan pembangunan pengetahuan dan kepakaran.

Budaya pembelajaran ini jika ingin dipupuk perlu didorong oleh pihak pengurusan kerana tanpa komitmen mereka segala usaha ke arah pencapaian organisasi pembelajaran akan terjejas.

Segala sumbangan idea walaupun kecil harus dihargai dan ini akan menghasilkan suatu kekuatan bagi organisasi kita. Bagaimanapun ia memerlukan persekitaran yang terbuka dan telus agar warga TLDM boleh menghasilkan sesuatu idea, tidak takut untuk mencabar proses kerja

Usaha memupuk pembangunan sumber manusia secara berkumpulan boleh dipertingkatkan menggunakan tenaga pakar atau perunding seperti yang dipraktikkan dalam program *Balance Scorecard* bagi merumuskan visi dan misi TLDM yang baru. Satu lagi program yang kini dalam pelaksanaan adalah *E-Learning* yang merupakan pelaburan terkini kita dalam usaha mempertingkatkan sistem pembelajaran TLDM agar lebih bersepadu dengan mengoptimumkan perkembangan teknologi.

Sejajar dengan wawasan Kementerian Pertahanan untuk menjadikannya sebagai Organisasi Pembelajaran atau *A Learning Organisation*, TLDM telah membangunkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi seiring dengan wawasan TLDM menjadikan Kolej Tentera Laut Diraja sebagai Kolej Bistari menjelang 2010. Kolej Bistari akan menerapkan



atau sesuatu untuk masa akan datang. Pendekatan kepada tahap ini dikira pembelajaran yang tertinggi di mana kita perlu mencabar proses serta pengetahuan yang sedia ada dan pengetahuan baru dilahirkan dan dibentuk. Proses ini sentiasa memerlukan kita berpandangan jauh dan sentiasa ke hadapan.

CIRI ORGANISASI PEMBELAJARAN

Terdapat empat ciri pada organisasi pembelajaran iaitu yang **pertama**, adanya budaya pembelajaran di mana wujudnya persekitaran pembelajaran yang positif bagi warganya. **Kedua**, adalah pada proses yang menggalakkan interaksi antara bahagian dalam organisasi tersebut. Proses ini tidak terhad kepada proses operasi kerja bahkan merangkumi infrastruktur, pembangunan dan proses pengurusan. **Ketiga**, pula perlu ada teknik dan alatan bagi memudahkan akses yang boleh membantu pembelajaran kepada seseorang individu mahupun kumpulan ke arah menggalakkan inovasi dan kreativiti. Manakala yang **keempat** pula perlunya ciri kepakaran dan motivasi untuk menggalakkan warganya mempelajari dan mengadaptasi kepada perubahan.

MEMUPUK BUDAYA PEMBELAJARAN

Dalam konteks organisasi pembelajaran, budaya yang harus dipupuk adalah bagi warganya berpandangan jauh serta peka kepada

dan mencadangkan sesuatu tindakan dengan semangat untuk mempertingkatkan keberkesanan organisasi kita secara kolektif.

Kita harus sentiasa menerima hakikat bahawa mempelajari daripada kegagalan adalah lebih efektif daripada menempa kejayaan kita. Kita boleh terima kegagalan dengan syarat kita mempelajari darinya. Ini yang dikatakan belajar daripada pengalaman yang lepas.

PROSES PENGURUSAN

Selain dari memupuk budaya pembelajaran dalam organisasi kita, pihak pengurusan TLDM kini juga sedang mengadaptasikan pendekatan kepada konsep perancangan yang lebih tersusun yang fokus kepada pemikiran strategik atau berfikir jauh. Warganya juga digalakkan untuk mencabar proses kerja serta konsep *going the extra mile* dan menggalakkan *thinking outside of the box*.

Selain dari itu, aspek perancangan keupayaan atau *Capability Planning* dan pengukuran prestasi juga penting diterapkan bagi meningkatkan keupayaan organisasi dalam penilaian menggunakan fakta yang nilaainya boleh diukur. Apa yang dimaksudkan dengan kenyataan ini adalah pentingnya sesuatu pencapaian atau hasil kerja kita diukur secara kuantitatif seperti masa, kos atau jumlah dan bukan setakat memberi kenyataan kualitatif seperti memberi catatan memuaskan ataupun baik.

pembelajaran secara *e-learning* berkonsepkan 2 pendekatan berikut:

- Latihan Berasaskan Komputer (LBK) atau **Computer-Based Training (CBT)** untuk pembelajaran secara masa sendiri.
- Kaedah **Computer Managed Instruction (CMI)** yang boleh mengurus secara automatik pentadbiran dan pengurusan prestasi dan peperiksaan pelajar.

CABARAN

Cabaran yang dihadapi oleh pengurusan TLDM masa kini adalah mengadakan usaha atau program pembangunan keupayaan secara berterusan bagi warga serta organisasinya. Proses pembelajaran dalam TLDM harus diintegrasikan dengan elemen aktiviti yang lain agar ia menjadi lumrah atau aktiviti harian. Aktiviti pembelajaran harus dirasakan sebagai aktiviti yang menyeronokkan, *energizing* dan *stimulating*. Budaya pembelajaran positif ini penting bagi kita menangani cabaran masa mendatang.

Jika direnung sejenak, konsep *Learning Organisation* ini tidak seharusnya terhad kepada organisasi kita di tempat kerja. Apabila kita kaji secara halus ia juga boleh dipraktikkan dalam organisasi keluarga kita di rumah. Konsepnya sama, hasilnya sebuah rumah tangga yang bukan sahaja bahagia tetapi ceria dan bertenaga. **S**



Hari Terbuka Armada

PELUANG ORANG RAMAI KENALI TLDM

OLEH: LK 1 RGR NORMAHAILY MOHD NOR

Ribuan pengunjung berpusu-pusu membanjiri Jeti Operasi Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Lumut baru-baru ini untuk menyaksikan sambutan Hari Terbuka Armada (HTA) yang berlangsung selama dua hari pada 8 dan 9 Mei 2004 di sini.

Walaupun dibakar terik matahari, namun keinginan untuk turut sama memeriahkan sambutan dwi tahunan itu tidak menghalang mereka untuk terus berada di celah-celah ribuan pengunjung lain. Di wajah mereka jelas terpancar perasaan kagum apabila dapat melihat dengan lebih dekat aset-aset canggih yang dipamerkan serta keseronokan berpeluang menaiki kapal, malah tidak menyangka akan berpeluang belayar dengan kapal perang! Kesempatan sedemikian mungkin sekali seumur hidup, jadi tidak hairanlah masing-masing dengan pelbagai aksi, seronok bercampur takut makub laut berebut-rebut apabila pihak kapal mengajak mereka untuk belayar ke tengah laut. Kesempatan itu sedikit-sebanyak menceritakan kepada umum sekitar gaya hidup anggota TLDM yang selama ini hanya dapat diselami di dada akhbar dan majalah mahupun di kaca televisyen.

Sambutan Hari Terbuka Armada sememangnya memberi peluang kepada orang ramai termasuk kaum keluarga warga TLDM sendiri untuk mengenali Armada TLDM dengan lebih dekat. Kesempatan itu juga dapat menerangkan kepada umum dengan lebih jelas akan peranan yang dimainkan oleh Armada TLDM ketika di laut walaupun bukan secara menyeluruh. Di samping itu juga, TLDM mengambil kesempatan ini untuk menarik muda-mudi menyertai TLDM suatu hari nanti. Bagi mencapai hasrat tersebut, jawatankuasa penganjur telah menyediakan pelbagai aktiviti menarik dalam bentuk demonstrasi dan pameran statik di sekitar jeti



Upacara perasmian Hari Terbuka Armada

operasi, juga di stesen udara TLDM iaitu KD RAJAWALI, dan buat pertama kalinya premis Pusat Selam TLDM telah dibuka untuk kunjungan orang ramai.

Yang menarik kali ini, TLDM memperkenalkan Badan Kesenianya (BAKES) buat julung kali kepada umum melalui persembahan Silat, tarian dan kugiran. Persembahan yang mempunyai keunikan tersendiri itu benar-benar memukau orang ramai yang tidak menyangka TLDM juga mempunyai badan seni yang boleh dibanggakan. Namun, penghargaan harus juga diberikan kepada

pihak Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia Cawangan Perak kerana turut sudi memeriahkan sambutan kali ini. Di samping itu, BAKES turut membuka gerai pameran yang mempamerkan hasil kreativiti ahli badan kesenian itu seperti lukisan, kraf tangan, peralatan Seni Silat dan juga gambar-gambar aktiviti badan tersebut.

Istimewanya, suasana menjadi lebih gamat dengan keriuhan ahli-ahli Badan Kebajikan Isteri Angkatan Tentera (BAKAT) Laut Lumut di gerai jualan, menggamit pengunjung sambil menawar

harga tanpa menghiraukan terik matahari. Meskipun nampak lesu terpaksa bermandi peluh sambil menyediakan persiapan untuk jualan, namun mereka tetap mesra melayani para pengunjung yang tidak putus-putus membanjiri gerai mereka.

Panglima Armada ketika itu, Laksamana Madya Datuk Ramlan Mohamed Ali turut melahirkan perasaan bangga dengan penganjuran Hari Terbuka Armada kali keempat ini.

"Saya cukup terharu dengan sambutan orang ramai terhadap acara yang TLDM anjurkan ini. Saya sendiri tidak menyangka kami akan menerima kunjungan tetamu yang sebegini ramai malah kita memang mengalu-alukan kedatangan mereka," ujar beliau sambil tersenyum bangga.

Menurut Datuk Ramlan lagi, selain memberi peluang kepada sanak-saudara warga Armada mengenali bagaimana suami atau anak mereka bertugas dengan lebih dekat dan memahami cabaran yang dilalui, HTA turut memaparkan keupayaan Armada TLDM bahawa aset yang dimiliki sama ada baru atau lama sentiasa digunakan bagi tujuan mempertahankan perairan negara.

Selain itu, ia juga mensasarkan matlamat untuk menarik minat generasi muda khususnya kaum bukan melayu untuk turut berkecimpung dalam industri pertahanan kerana apa yang didapati, golongan itu agak kurang berbanding golongan



Peluang orang ramai melawat kapal



Aksi penerjunan oleh anggota PASKAL



Meriah...



PLKN menunjuk minat

melayu yang lebih memonopoli bidang ini. Jelas dapat dilihat, sambutan dua hari itu bukan sahaja berjaya menarik ramai pengunjung berbangsa Melayu, bahkan kaum India dan Cina turut menunjukkan perhatian positif dengan membawa bersama keluarga masing-masing. Ini membuktikan bahawa tanggapan negatif segelintir mereka terhadap bidang ketenteraan sudah mula berubah.

Datuk Ramlan juga memberitahu bahawa penganjuran sambutan HTA juga banyak memberi impak positif di mana warga Armada berkesempatan mengeratkan hubungan kekeluargaan dan menghubungkannya dengan masyarakat awam serta mengeratkan silaturahim sesama mereka. Di samping itu, pendedahan yang diberikan mampu menarik minat generasi muda menyertai TLDM dan ianya menunjukkan peningkatan yang agak memberangsangkan.

Pada sambutan kali ini, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Kong Cho Ha turut melapangkan masa bersama-sama memeriahkan sambutan ini bersama isteri. Beliau merasa amat gembira dan terharu di atas sikap ambil berat dan keprihatinan pihak TLDM terhadap masyarakat sekitar di mana mereka memberi kelonggaran dari segi keselamatan tanpa mengenakan kawalan yang ketat kepada orang ramai untuk masuk ke Pangkalan TLDM. Dengan cara ini, ia bukan sahaja memudahkan orang ramai, malah ia juga dapat mengeratkan hubungan antara masyarakat luar dan TLDM sendiri.

Memandangkan Pangkalan TLDM Lumut merupakan pangkalan terbesar di dalam TLDM pangkalan ini dipilih untuk melaksanakan acara ini dengan penuh meriah dan gilang-gemilang serta dijadikan acara penting untuk TLDM. Tidak hairanlah ia menjadi tumpuan pengunjung seluruh negara apabila acara besar Armada itu dianjurkan.

Sebut sahaja Lumut, orang ramai sudah dapat

membayangkan akan perkampungan TLDM yang menawarkan pelbagai kemudahan dan infrastruktur yang mampu menampung keperluan kira-kira 15,500 warganya. Bukan itu sahaja, malah kemudahan tersebut juga disediakan untuk orang ramai seperti Kompleks *Armada Square* untuk mereka membeli-belah, Stesen Minyak, Masjid, Kompleks Sukan yang lengkap dengan kemudahan kolam renang serta kemudahan sekolah menengah dan sekolah rendah selain Hospital Angkatan Tenteranya (96 HAT) yang sudah tersohor seluruh negara.

Penganjuran HTA nampaknya berjaya pada kali ini dengan kedatangan pengunjung yang di luar jangkaan iaitu seramai kira-kira 50,000. Ini membuktikan pihak Armada berjaya mencapai matlamat untuk mempromosikan TLDM kepada masyarakat awam di samping merapatkan lagi hubungan mesra TLDM dan orang ramai. **S**



Badang TLDM!!!



BAKAT (L) turut menyumbang tenaga

SKUADRON KE 16 KAPAL OPV

OLEH: LT KAMARUZAMAN AHMAD TLDM MAWILLA 1

Malaysia dikelilingi oleh lebih kurang 686,500 km persegi kawasan laut yang merangkumi 2/3 dari kawasan negara Malaysia. Dengan dikelilingi oleh Selat Melaka, Laut China Selatan, Laut Sulu dan Selat Sulawesi keselamatan perairan negara menjadi kepentingan utama geopolitik, ekonomi dan keselamatan serantau. Selain Malaysia, Singapura, Indonesia dan Thailand juga mempunyai matlamat kepentingan yang sama dan pertindihan kepentingan ini menambahkan kekuatan ikatan hubungan dan kerjasama antara semua negara tersebut.

Oleh yang demikian, Skuadron ke 16 Kapal OPV ini mempunyai tugas dan tanggungjawab yang penting demi menjaga kedaulatan dan keselamatan perairan negara.

Skuadron ini berpangkalan di Markas Wilayah Laut 1 (MWL 1) di Tanjung Gelang, Kuantan, Pahang Darul Makmur. Skuadron ini terdiri dari dua buah kapal iaitu KD MUSYTARI dan KD MARIKH. Di antara tugas dan tanggung jawab skuadron ini adalah:

- Melaksanakan rondaan sekitar Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia.
- Menjaga keselamatan aset luar pantai Malaysia seperti pelantar minyak, kepulauan, terumbu karang dan kapal dagang.
- Menjaga keselamatan aktiviti perikanan di luar pantai.
- Mencegah dan mengawal tumpahan minyak dan pencemaran di laut.
- Memberi bantuan mencari dan menyelamat.
- Mencegah pencerobohan nelayan asing ke perairan negara.

Memandangkan kepada tugas dan tanggungjawab yang berat ini, skuadron OPV sentiasa melaksanakan berbagai aktiviti latihan dan ekseksais demi mempertingkatkan lagi keupayaan warganya untuk menghadapi cabaran yang mendatang.

KD MUSYTARI

KD MUSYTARI telah dibina di Korean Shipbuilding and Engineering Corporation di Busan, Korea Selatan. Ia telah dirasmikan oleh Datin Paduka Rafidah Aziz pada 14 Jul 1984 dan ditauliahkan ke dalam perkhidmatan pada 27 Nov 1985. Pegawai memerintah semasa pentauliahian ialah Komander Hamid bin Yaakub TLDM.

KD MARIKH

KD MARIKH telah dibina di Malaysian Shipyard Engineering (MSE) Johor Bharu pada 1983. Kapal ini telah dilancarkan oleh Dato Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah bte Mohd Ali pada 21 Jan 1985 dan ditauliahkan pada 9 Apr 1987. Nama kapal diambil sempena nama planet terhampir dengan bumi. Pegawai Memerintah semasa pentauliahian ialah Komander Mat Rabi bin Abu Samah TLDM.

Mulai 1 Feb 1988 skuadron ini telah diletakkan di bawah pemerintahan Markas Wilayah Laut 1. Sejak ditauliahkan skuadron ini telah melaksanakan tugas menjaga perairan negara dengan membanggakan. **S**



KD MUSYTARI



KD MARIKH



Tumpuan pelawat Hari Terbuka Armada



Data Kapal

Jenis	Offshore Patrol Vessel (OPV)
No pennant	161 KD MARIKH/ 160 KD MUSYTARI
Panjang	75 meter
Lebar	10.7 meter
Berat	1300 ton
Kelajuan maksima	20 knot.
Enjin	2 x SBV 12M 628 (Deutz)
Radar Navigasi	KH 1007
Radar persenjataan	Udara/permukaan DA 05
Sistem persenjataan	9LV 230
Meriam	100 cruesot loire, 30 mm emerlec.
Kekuatan anggota	10 pegawai dan 76 LLP.
Lain-lain	Mempunyai dek pendaratan helikopter.

Peraduan menulis artikel

Ceritakan **Pengalaman** anda bersama TLDM atau **Pandangan** anda tentang TLDM dan menangi hadiah-hadiah yang menarik.

3 Hadiah Artikel terbaik



1. Telefon Bimbit Berjenama



2. Permainan Cakera Padat



3. Periuk Nasi Elektrik



SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- Terbuka kepada semua pembaca **SAMUDERA** kecuali sidang redaksi
- Artikel hendaklah dari 600-1000 patah perkataan
- Besertakan gambar (sekiranya ada)
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Semua artikel menjadi hak milik TLDM
- Tarikh tutup penyertaan pada **30 November 2004**
- Keputusan Peraduan akan di umumkan pada keluaran **4-2004 (Disember 2004)**
- Hantarkan / e-mel penyertaan kepada:

Peraduan SAMUDERA
Cawangan Rancang dan Strategi
Markas Tentera Laut
Kementerian Pertahanan
50634 KUALA LUMPUR

E-mel: editorsamudera@yahoo.com



SME ORDNANCE SDN BHD

CHARGE DEMOLITION



HIGH EXPLOSIVES



CANISTER



LARGE CALIBRE AMMUNITION



CAST BOOSTER



MEDIUM CALIBRE AMMUNITION



NORMAHAILY BINTI MOHD NOR

5500341 PW II PRL

Pegawai Waren Tadbir

Sel Perhubungan Awam TLDM

Markas Tentera Laut

SMALL CALIBRE AMMUNITION



METAL AMMUNITION BOX



PYROTECHNICS



SME ORDNANCE SDN BHD (9046-U)

Lot 5065, Locked Bag No. 101, 48109 Batu Arang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel : 03-6035 2521 (Hunting Line) Fax : 03-6035 2029, 6035 2645



MPL TLDM “Kami Juara”

OLEH: LT MASLIZA MAARIS TLDM PRO NETC

Markas Pendidikan dan Latihan (MPL) TLDM meneruskan tradisi penguasaan mereka apabila sekali lagi muncul juara keseluruhan KEJOHANAN MINI OLIMPIK KE XVIII (KMO ke - 18) buat kali ke-lapan selepas berada di kedudukan teratas carta pingat dan mata di KMO ke - 18 yang melabuhkan tirainya pada malam 29 Mei lalu dalam satu majlis yang gilang-gemilang. Lebih 3,000 orang menyaksikan majlis penutupan itu yang menandakan tamatnya temasya sukan dwi tahunan itu secara rasminya bagi tahun 2004.

Majlis penutupan disempurnakan oleh Timbalan Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Madya Dato' Ilyas bin Hj Din di Stadium Pangkalan TLDM Lumut.

KMO ke - 18 yang bermula pada 20 Mei 04 dengan melibatkan 1600 atlet yang bersaing dalam 28 acara, iaitu jumlah acara terbanyak yang dipertandingkan pada KMO setakat ini.

Selain di sekitar Kompleks Sukan, semua acara berjalan lancar termasuk di dua lokasi berasingan iaitu di Yatch Club, Pangkalan TLDM bagi semua acara perahu layar dan mendayung serta acara golf yang diadakan di Damai Laut, Swiss Garden Resort.

Pada majlis penutup ini, para penonton dihiburkan dengan persembahan *Semaphore* dari Sekolah Komunikasi KD PELANDOK dan tarian dikir puteri serta 'poco-poco' dari 300 penari Badan Kesenian TLDM (BAKES).

Namun pada malam itu, acara yang paling mencuri perhatian penonton ialah persembahan gimnastik dan gimrama Tentera Udara Diraja

Malaysia (TUDM), Terdiri dari 250 orang anggota, pasukan gimnastik dan gimrama merupakan satu pasukan yang diwujudkan oleh TUDM yang menjadi pasukan kebanggaan mereka, seperti Tentera Darat Malaysia (TDM) yang terkenal dengan persembahan Wira Merah dan TLDM pula dengan Kawat Senyap.





Ahoy..., Make and mend..., Irish Pendant..., Matties...

Setiap profesi atau pekerjaan mempunyai jargon atau bahasa khas dan dalam hal ini Tentera Laut tidak dikecualikan. Dalam Tentera Laut kita menggunakan istilah *bulkhead*, *deck* and *overhead* dan bukan *wall*, *floor*, dan *ceiling*. Terdapat juga istilah nautika yang kini digunakan dalam pertuturan seharian.

Pemahankan anda mendengar perkataan atau istilah seperti yang dinyatakan di atas? Walaupun ia merupakan istilah Inggeris yang digunakan sejak beratus tahun dahulu semasa zaman Viking dan juga lanun di England dan banyak di antaranya masih digunakan dalam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) mahupun Tentera Laut negara lain. Penggunaannya begitu sinonim dan biasa dikalangan warga Tentera Laut. Ia adalah turun-temurun warisan sejarah serta kekayaan tradisi Tentera Laut.

Naval terms adalah istilah yang diguna dan dipertuturkan dalam Tentera Laut. Dalam bidang penulisan, penggunaan istilah begitu meluas bertujuan untuk memudahkan lagi pemahaman seseorang tanpa menggunakan perkataan sebenar yang mungkin lebih susah untuk diperjelaskan ertikatanya.

Banyak istilah atau *naval terms* yang masih diguna pakai dalam perkhidmatan TLDM terutamanya pada zaman era 1970an sehinggalah 90an. Ia sering didengar kerana dipertuturkan setiap hari. Tidak kira sama ada

anggota itu berkhidmat di kapal atau pangkalan. Sebut apa jua perkataan atau rangkai kata *naval terms*, pasti anggota akan memahaminya biarpun tidak secara terperinci atau asalnya. Dewasa ini generasi baru kalangan warga TLDM agak cetek pegetahuan berkaitan dengan *naval terms*, malah tidak keterlaluan dikatakan bahawa majoriti tak tahu langsung apa makna disebalik istilah itu sendiri. Hakikatnya diakui bahawa banyak istilah ini kini sudah jarang digunakan tapi tidak wajar pula jika ia dipinggirkan terus dari pengetahuan warga muda TLDM.

Untuk itu, untuk isu SAMUDERA kali ini, sebahagian dari usaha meningkatkan kesedaran serta memupuk budaya maritim di negara kita ingin kami berkongsi pengetahuan dengan memaparkan makna beberapa *naval terms* beserta sedikit sejarah asal usulnya untuk maklumat pembaca:

Ahoy - Panggilan atau teriakan tradisi untuk menarik perhatian bot atau kapal lain. Ia sebenarnya berasal dari teriakan perang bangsa Viking.

Adrift - Keadaan barang yang terjatuh di laut yang terapong akan ketinggalan kebelakang apabila kapal bergerak ke hadapan dipanggil *adrift*. Istilah ini digunakan untuk anggota yang tidak hadir tanpa cuti, lambat melapur dalam satu-satu perbarisan atau temujanji.

Barrack stanchion - *Stanchion* adalah merupakan pepagar kapal yang sentiasa terpasang disekeliling kapal bagi menghindari anggota jatuh laut manakala *barrack* pula adalah tempat kediaman tentera di pangkalan. Rangkaian istilah ini digunakan bagi anggota yang bertugas terlalu lama di pangkalan.

Bright work - anggota melakukan tugas-tugas mengilat tembaga yang terdapat di kapal atau pangkalan seperti tanda nama satu organisasi dan sebagainya. Ia juga boleh digunakan untuk barangan tembaga yang perlu dikilatkan.

Bundle man - anggota yang telah berkahwin terutamanya yang berkhidmat dikapal membeli barang keperluan rumah dalam kuantiti yang banyak sebelum belayar meninggalkan keluarga.

Crow's Nest - Burung raven atau crow (gagak) digunakan semasa zaman Viking sebagai bantuan navigasi. Burung ini dibawa dalam pelayaran dan dilepaskan bagi membantu mencari arah daratan terutama sekali dalam keadaan cuaca buruk. Sangkar burung tersebut diletakkan di bahagian paling atas tiang atau mast kapal. Kemudian apabila pemerhati digunakan untuk tujuan ini, sangkar yang digunakan oleh pemerhati kapal di bahagian atas mast utama kapal dipanggil *crow's nest*. Sekarang ini pemerhati masih memainkan peranan penting menentukan keselamatan kapal, tetapi beliau tidak lagi ditempatkan atas mast utama dan *crow's nest* cuma merupakan istilah zaman silam.



Eight Bells - Dulu kala dimana jam belum ada loceng dibunyikan bagi menandakan masa awasan atau *watch* di kapal. Dalam setiap *watch* (shift) atau awasan loceng dibunyikan sekali setiap setengah jam. Apabila awasan empat jam tamat, sejumlah lapan loceng telah dibunyikan dan ini memberi tanda kelegaan bahawa semua selamat dalam awasan tersebut dan diikuti dengan laporan *eight bells and all is well*.

Fathom - *Fathom* berasal dari perkataan Anglo-Saxon *faetm* yang bermaksud pelukan. Dulu kebanyakan ukuran menggunakan saiz bahagian badan manusia contohnya *foot* dimana sekaki panjangnya adalah 12 inci. Satu *fathom* mengikut panjang depa dari hujung tangan kepada hujung (dalam keadaan *outstretched*) adalah 6 kaki. Parlimen British mengistiharkan ukuran *fathom* sebagai 6 kaki bagi mengingatkan kita apabila kita memeluk orang yang disayang.



Forecastle - Sebutan bagi istilah ini adalah fo'ksul. Forecastle adalah bahagian depan dek utama kapal dan menurut sejarah zaman kapal layer Viking, struktur castle dibina di bahagian hadapan kapal dimana anak kapal yang ditugaskan untuk memanah atau membaling tombak ataupun batu ditempatkan.

Galley packet - *Galley* adalah merupakan istilah bagi rumah masak di kapal dan rangkaian istilah *galley packet* pula memberi maksud yang lain iaitu sesuatu khabar angin yang tak jelas kebenarannya dibualkan di kalangan anggota ketika makan.

Gangway - Istilah *gangway* ini bermakna jambatan sementara dan dalam kegunaan sekarang boleh juga dianggap sebagai tangga untuk tujuan laluan anggota masuki kapal dari jeti. Ia juga merupakan satu arahan atau amaran apabila anggota lebih kanan tiba dan anggota bawahan (junior) diminta memberi laluan. Biasa kita dengar teriakan *Gangway! The captain is coming*.

Sila nantikan isu SAMUDERA akan datang untuk kita mengenali dan mempelajari banyak lagi Naval Terms!



Kami berikrar...

Orang ramai yang memenuhi Stadium turut dihiburkan dengan *gimmick* larian maskot dari setiap kontinjen .

Klimaks temasya sukan ialah pengumuman juara keseluruhan dan penyampaian hadiah serta penganugerahan kecemerlangan sukan TLDM.

Atlet Terbaik Olahraga Lelaki/Olahragawan KMO ke - 18 telah dimenangi oleh APP TMM Hasdi B Hipni. Beliau berjaya merangkul johan bagi empat acara yang disertai iaitu dalam 400m, 400m lari berpagar, 110m lari berpagar dan 4 x 400m. Manakala LTM Salmila Suhaida Bt Mohamad Hair TLDM dinobatkan sebagai Atlet Terbaik Olahraga Wanita/Olahragawati KMO ke - 18 apabila beliau menggondol 4 pingat emas dalam 800m, 1500m, 5000m dan 4 x 400m.

KMO pada kali ini juga melakar sejarah apabila satu rekod baru dalam acara baling tukul besi berjaya dicipta oleh LKI RGR Gangga a/p Muthusamy dengan pencapaian rekod 24.53m mengatasi rekod lama sukan ATM iaitu 21.43m.

Secara keseluruhannya rata-rata ramai yang menyatakan kejohanan KMO kali ini berjalan dengan begitu lancar dan cemerlang. Pujian patut diberikan kepada lebih 500 anggota dari pelbagai peringkat pengurusan sukan TLDM yang dianggotai oleh perbagai jawatankuasa, pengurus dan setiausaha persatuan sukan TLDM. Begitu juga komitmen yang tidak berbelah bagi yang ditunjukkan oleh AJK Pengelola dan AJK Teknikal KMO ke - 18.

Tahniah dan syabas untuk semua yang terlibat menjayakan temasya sukan TLDM ini, dan kita akan bertemu lagi di KMO ke - 19 pada tahun 2006. **S**



Ish... Boleh kena ke ni???



Rampingnya pinggangku...



Pelayaran Kali Pertama

OLEH: LT MOHAMAD HAMDAN BIN MOHD SHAMSUDDIN TLDM

(Sambungan dari sesi yang lepas)

1. Pada kali ini pelayar-pelayar akan melakukan pelayaran pertama serta mempelajari cara-cara menurunkan bot ke air.

Sebelum itu beberapa perkara yang harus diberi perhatian ialah:

Perubahan tiupan angin

Apabila keadaan ini berlaku pelayar hendaklah memastikan **Bow** sentiasa menghala ke arah angin. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan bot layar dari mendapat tekanan kepada layar dan akan menyebabkan bot terbalik dan akan merosakkan layar.

Melonggarkan Rigging dan melepaskan Mainsheet

Keperluan di atas mesti dilakukan ketika bot berada di atas troli bagi mengelakkan layar dari mendapat sebarang tekanan angin disebabkan oleh perubahan arah angin yang tidak dapat dijangkakan.

Memeriksa dan memastikan semua keperluan ikatan dan rigging dalam keadaan baik, **buoyancy plug** dan **rudder** dipasang dengan betul.

Pelayar juga dikehendaki **memakai jaket keselamatan sebelum belayar.**

2. Pelayar hendaklah membuat pemeriksaan dan berpuas hati dengan bot dan juga peralatan yang digunakan sebelum menarik troli menuruni **slipway** yang disediakan ke air. Setelah bot mencecah air (iaitu pada kedalaman paras pinggang), pelayar hendaklah memegang **bow** untuk memastikan kedudukan bot berada di dalam keadaan **head to win** bagi mengelakkan sebarang tekanan pada layar sambil menarik troli ke hadapan untuk diletakkan di atas **slipway**. Pelayar naik ke atas bot dan memulakan pelayaran. Pelayar juga **DILARANG** sama sekali melepaskan bot ketika bot berada di air.

3. Untuk memulakan pelayaran ikut langkah-langkah berikut:


- a. Pastikan **rudder blade** ditolakkan sedikit ke dalam air.
- b. Tolakkan **bow** keluar sedikit dari arah angin dan tentukan **mainsheet** dilepaskan bagi mengelakkan sebarang tekanan pada layar.
- c. Naik ke dalam bot layar serta masukkan **Center Board/ Dagger Board** ke dalam **center board housing**. Ini adalah untuk mengelakkan bot dari dihanyutkan oleh pergerakan arus.

- d. Tarik **mainsheet** dan pastikan terdapat tekanan angin pada layar tersebut dan teruskan belayar ke hadapan dengan mengkoordinasi pergerakan **rudder blade**.
- e. Setelah berada lebih kurang 30m dari pantai, lepaskan **mainsheet** supaya bot berhenti. (Keadaan ini akan terjadi kerana tiada tekanan angin pada layar walaupun **bow** tidak menghala ke arah angin). Tujuan pelayar menghentikan bot ialah untuk menurunkan **Rudder** sepenuhnya ke dalam air sambil menarik **rudder sheet** dan diikat pada **tiller extension**. Ini adalah bertujuan untuk menentukan **rudder** tidak terangkat ke atas ketika belayar. Sekiranya keadaan ini terjadi, pelayar akan merasakan tekanan pada **rudder** dan akan lebih menyusahkan pelayar untuk mengawalinya.
- f. Setelah **rudder sheet** diikat dengan betul, teruskan belayar dengan menarik **mainsheet** serta memastikan arah bot (ditentukan oleh pergerakan **rudder**) berada di antara 70° hingga 45° dari arah angin (**up wind**) bergantung kepada **Points of Sailing** yang telah dipelajari. Pelayar-pelayar juga mestilah mengetahui bagaimana untuk mengkoordinasi kedudukan sudut layar dan arah bot daripada arah angin untuk mencapai **points of sailing** yang sebenar dengan melakukan latihan praktikal di laut.


Menukar Haluan

1. Ada beberapa cara bagi seseorang pelayar untuk menukar haluan. Pelayar yang baru akan merasa seronok dan ingin mengetahui dengan lebih lanjut lagi setelah dapat mengendalikan bot dalam satu arah. Sekarang tibalah masanya bagi pelayar untuk menukar haluan yang pertama dikenali sebagai **Tacking** dan yang kedua ialah **Gybing**.
- a. **Tacking** ialah satu cara menukar haluan iaitu dengan menolak **tiller extension** ke **Leeward**. Haluan bot akan menghala ke arah angin seterusnya **in Iron** dan melepasi arah angin. Apabila ini berlaku kedudukan layar akan berubah dari **Port** ke **Stbd** ataupun sebaliknya bergantung pada kedudukan bot sebelum melakukan **tacking** dan pelayar akan meneruskan pelayaran pada arah yang baru. Sebelum melakukan pergerakan **Tacking**, kaki pelayar yang berada di belakang hendaklah melepasi atau berada di luar **Hiking Strap** bagi memudahkan proses pergerakan semasa **tacking**. Ini akan membolehkan seseorang pelayar untuk menstabilkan bot sekira/ semasa tiupan angin kencang. **S**

- b. **Gybing** pula ialah cara menukarkan haluan dengan menarik **tiller extension** ke arah **windward**. Bot akan menghala keluar dari arah angin dan melepasi **Dead Run** dimana kedudukan layar akan beralih dari **port** ke **stbd** ataupun sebaliknya. Semasa proses melakukan **Gybing** pelayar hendaklah melepaskan **mainsheet** secara berkadar bagi mengurangkan tekanan pada layar dan memudahkan proses **Gybing** dilakukan.



Memerlukan kepakaran yang tinggi



Bersambung...





PEOPLE

THE TEAM





PENGURUSAN KONFLIK (CONFLICT MANAGEMENT)

NORMAHAILY BINTI MOHD NOR

5500341 PW II PRL

Pegawai Waren Tadbir

Sel Perhubungan Awam TLDM

Markas Tentera Laut

LT ABU YAZID BIN HAJI ABU BAKAR TLDM MED COUNSELING (UKM) BA PSYCHOLOGY (MICHIGAN)
PS PSIKOLOGI & KAUNSELING MTL

Kewujudan konflik dikenalpasti sebagai salah satu punca utama yang menyumbang kepada peningkatan tahap tekanan dalam diri seseorang individu. Konflik berupaya wujud dalam semua persekitaran kehidupan individu, di mana setiap individu berkemungkinan berhadapan dengan konflik di dalam kehidupan peribadinya di rumah, tempat kerja ataupun persekitaran interaksi sosial yang lain (sebagai contoh, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, sukan dan sebagainya). Dalam kehidupan seharian, konflik sentiasa wujud dan tidak boleh dielak; justeru, setiap konflik yang dihadapi perlu ditangani serta diuruskan dengan berkesan. Konflik yang diuruskan dengan baik mampu menjamin kesejahteraan hidup seseorang individu manakala ketidakupayaan seseorang individu menguruskan konflik berupaya meningkatkan tahap tekanan (*stress*) dalam kehidupan hariannya yang mempunyai kesan langsung terhadap kesihatan emosi dan mental beliau. Hakikat ini menjelaskan mengapa pengurusan konflik (*conflict management*) yang berkesan perlu berlangsung seiring dengan pengurusan tekanan (*stress management*) yang sempurna.

Menurut kelazimannya, konflik wujud akibat ketidakselarasan kehendak di antara dua individu yang saling berhubungan/berinteraksi dalam kehidupan seharian. Didorong oleh perbezaan ciri-ciri personaliti diri kedua-dua individu serta usaha/keperluan kedua-dua individu ini untuk memperoleh satu perkara yang sama ataupun mendapatkan persetujuan bersama ke atas sesuatu perkara dalam satu masa, konflik akhirnya sering tercetus disebabkan oleh pertelingkahan, perselisihan pandangan, percanggahan pendapat dan sebagainya. Konflik sering membawa kesan buruk terutama melibatkan jalinan perhubungan yang kebiasaannya terjejas, namun percambahan fikiran, pertukaran pendapat serta perkongsian idea dan maklumat yang seringkali berlaku semasa konflik tercetus (walaupun dalam keadaan yang tegang) berupaya membawa implikasi positif dalam bentuk pencapaian sesuatu keputusan yang lebih mantap.

Dalam membuat pemilihan ke atas strategi penyelesaian konflik yang ingin dilaksanakan, individu-individu yang terlibat dalam sesuatu konflik itu perlu mengambil kira berkaitan dua

perkara penting iaitu: (1) Matlamat yang ingin dicapai; (2) Status perhubungan/interaksi di antara kedua-dua pihak. Dengan mengambil perhatian terhadap kedua-dua isu ini, pihak yang berkonflik mempunyai pilihan untuk memilih salah satu daripada lima strategi penyelesaian berikut:

- Forcing** - Strategi ini diguna pakai apabila satu pihak (anda) meyakini bahawa matlamatnya adalah yang terpenting dan paling perlu dicapai berbanding pihak yang berkonflik dengannya. Strategi ini lazim dipraktikkan apabila anda menilai status perhubungan tidak penting dan tidak perlu dipelihara, serta anda mempunyai kuasa ke atas pihak yang berkonflik dengan anda. Tatacara pelaksanaan melibatkan tindakan di mana anda berusaha mencapai matlamat anda tanpa mengira risiko yang diambil, mengikut cara anda dan tanpa mempedulikan perasaan pihak yang berkonflik dengan anda.
- Smoothing** - Strategi ini diguna pakai apabila satu pihak (anda) meyakini bahawa matlamatnya tidak terlalu penting untuk dicapai dan boleh dikorbankan sebahagiannya berbanding matlamat pihak yang berkonflik dengan anda. Strategi ini lazim dipraktikkan apabila anda menilai status perhubungan dengan pihak yang berkonflik adalah penting dan perlu dipelihara. Tatacara pelaksanaan melibatkan tindakan di mana anda mengorbankan sebahagian matlamat anda bagi membolehkan matlamat pihak yang berkonflik dengan anda tercapai, asalkan perhubungan dengan pihak yang berkonflik kekal terpelihara.
- Compromising** - Strategi ini diguna pakai apabila satu pihak (anda) meyakini bahawa matlamatnya adalah penting untuk dicapai dan pada masa yang sama, merasakan perlu mengekal perhubungan baik dengan pihak yang berkonflik dengannya. Tatacara pelaksanaan melibatkan tindakan di mana anda berusaha secara halus mencapai matlamat anda tanpa disedari pihak yang berkonflik dengan anda. Pada akhirnya, matlamat anda tercapai manakala pihak yang berkonflik dengan anda tidak, tetapi

perhubungan tidak terjejas kerana kehalusan tingkahlaku dan tindakan yang anda lakukan tidak menyinggung perasaan pihak yang berkonflik dengan anda.

- Negotiating** - Strategi ini diguna pakai apabila kedua-dua pihak yang berkonflik meyakini bahawa matlamat mereka adalah sama-sama penting untuk dicapai. Strategi ini juga lazim dipraktikkan apabila kedua-dua pihak berpegang kepada kefahaman bahawa status perhubungan yang telah terjalin adalah sangat penting dan perlu terus dipelihara. Tatacara pelaksanaan melibatkan tindakan di mana kedua-dua pihak mencari jalan untuk bertolak ansur agar matlamat kedua-dua pihak tercapai (*win-win situation*). Walaupun seringkali matlamat kedua-dua pihak tidak dapat dicapai sepenuhnya, apa yang paling penting adalah perhubungan di antara kedua-dua pihak yang berkonflik kekal harmoni.
- Retreating** - Strategi ini diguna pakai apabila satu pihak (anda) merasakan matlamatnya serta perhubungannya dengan pihak yang berkonflik adalah tidak penting sama sekali. Justeru, apabila memilih strategi ini, anda berkecenderungan untuk mengalah secara keseluruhan dan tidak mempedulikan lagi tentang jalinan perhubungan dengan pihak yang berkonflik dengan anda. Strategi ini kelihatan agak negatif dan menggambarkan langkah penyelesaian konflik bercorak '*loss-win situation*'.

Kesimpulannya, aspek pengurusan konflik dalam kehidupan seharian menekankan agar individu tidak lari sebaliknya berani berhadapan dengan sebarang konflik yang timbul. Dalam erti kata lain, pelbagai cara dan langkah boleh diambil dalam usaha menyelesaikan konflik kehidupan asalkan setiap individu faham mengenai keutamaan yang harus didahulukan. Oleh itu, seandainya anda tersepit dalam konflik, anda boleh memilih untuk berkeras, bertolak ansur, berbincang, mengalah dan sebagainya...tepek dada tanya fikiran masing-masing...apa yang harus sentiasa diingat adalah setiap pilihan dan tindakan akan memberi kesan kepada diri anda, orang yang berkonflik dengan anda dan orang-orang lain yang berada di sekeliling anda. **S**



BENGENALAN

Perbincangan mengenai musibah peperangan sering menjurus kepada aspek kelengkapan persenjataan, kecanggihan peralatan, dan persediaan angkatan dari segi saiz dan kekuatan fizikal. Dengan perubahan masa dan perlumbaan teknologi di dalam pelbagai bidang, skop perbincangan mengenai sesuatu situasi peperangan telah diperluaskan dengan penumpuan terhadap dimensi-dimensi baru seperti elektronik (*electronic warfare*), teknologi maklumat (*IT warfare*), politik (*political warfare*) dan sebagainya. Di dalam erti kata lain, apabila membicarakan tentang persediaan dan kemungkinan menghadapi peperangan sama ada di darat, laut mahupun udara, aspek pertahanan berunsur fizikal atau material seringkali menjadi agenda penting yang diberi keutamaan tinggi di dalam penilaian keberkesanan serta kesiapsiagaan sesuatu bala tentera. Justeru, adakah benar dan relevan sekiranya penilaian ke atas keberkesanan sesebuah sistem pertahanan angkatan perang dibuat berdasarkan kelengkapan peralatan dan kemudahan persenjataannya semata-mata? Sejauh

bersenjata semata-mata. Strategi yang digunakan adalah untuk mempengaruhi pemikiran seluruh warga di pihak musuh melalui dua cara:

- menyebarkan persepsi negatif berkaitan aspek pentadbiran kerajaan, sosial, dan kemasyarakatan bertujuan menyuntik serta menyemai benih-benih penentangan dalaman.
- menampilkan imej positif pihak yang melancarkan peperangan psikologi bertujuan menarik sokongan warga musuh agar berpaling tadah.

Penggunaan dimensi peperangan ini secara kondusif akan mencambahkan perasaan tidak puas hati dan kecewa di hati seluruh ahli masyarakat pihak musuh, yang pada akhirnya, akan mencetuskan keinginan di luar sedar untuk melakukan pemberontakan atau sebarang tindakan yang diingini pihak yang memanipulasi mereka. Tindakan-tindakan berbentuk penentangan dari dalam ini bukan sahaja memberi sokongan tambahan kepada pihak yang melancarkan serangan

negatif. Dalam hal ini, media dalam pelbagai bentuk seperti TV, radio, internet, telefon, mesin faksimili, e-mail, buku, bahan-bahan bercetak dan lain-lain medium seumpamanya merupakan 'tools' penting dalam membantu menjayakan hasrat pihak yang menggunakan dimensi peperangan ini.

KESIMPULAN

Kejayaan Amerika Syarikat di dalam misi penaklukan Iraq pada tahun 2003 merupakan satu contoh di mana perancangan peperangan psikologi (*psychological warfare @ PSYWAR*) terlaksana dengan berkesan. Lama sebelum peperangan sebenar bermula, propaganda dan khabar-khabar angin mengenai kekejaman kerajaan pimpinan Saddam Hussein telah disebar di seluruh dunia. Isu-isu lain seperti pembinaan senjata berbahaya secara besar-besaran (*weapon of mass destruction*) dan hubungkait kerajaan Iraq dalam aktiviti-aktiviti keganasan (*terrorism*) turut dimainkan dengan meluas oleh pihak Amerika Syarikat dan dunia barat menerusi segala medium telekomunikasi dan peralatan canggih yang dimiliki mereka. Peranan

DIMENSI PEPERANGAN PSIKOLOGI (PSYWAR)

OLEH: LT ABU YAZID BIN HAJI ABU BAKAR TLDM
PEGAWAI STAF PSIKOLOGI & KAUNSELING

manakah benarnya kepercayaan bahawa semakin kuat dan besarnya sesebuah angkatan perang itu, semakin cerah dan meningkat peluangnya untuk berjaya di medan peperangan?

Di samping pelbagai dimensi peperangan sedia ada yang perlu dinilai di dalam merangka sistem pertahanan berkesan untuk menangkis setiap satu darinya, wujud satu lagi dimensi yang seharusnya diberi tumpuan tetapi sering kurang diberi perhatian. Dimensi yang dimaksudkan adalah dimensi peperangan psikologi (*psychological warfare*) yang turut dikenali sebagai 'PSYWAR'. Faktor kekurangan maklumat sering menjadi sebab dimensi peperangan ini tidak diberi tumpuan serius, tetapi hakikatnya ia membawa implikasi besar terhadap situasi menang atau kalahnya sesebuah angkatan bersenjata di medan perang. Justeru, penulisan ini ingin berkongsi maklumat dengan pembaca berhubung dimensi peperangan yang jarang didengar ini.

PERBINCANGAN

Peperangan psikologi (*psychological warfare @ PSYWAR*), secara umumnya, ditakrifkan sebagai penggunaan satu dimensi yang berfokuskan matlamat untuk menghancurkan semangat melawan musuh sebelum medan pertempuran sebenar bermula. Dalam erti kata lain, pendekatan peperangan psikologi mensasarkan untuk memanipulasi pemikiran masyarakat di dalam komuniti musuh secara negatif dan seterusnya meruntuhkan semangat melawan di pihak musuh.

Sasaran utama peperangan psikologi adalah kelompok masyarakat keseluruhan di pihak musuh, dan bukan hanya terhad kepada anggota angkatan

malahan telah meruntuhkan sebahagian sistem pertahanan pihak yang diserang (dari segi sokongan moral).

Di samping mensasarkan seluruh warga umum pihak musuh dalam rencana strategi untuk memenangi peperangan psikologi, pihak yang melancarkan dimensi peperangan ini akan turut mempengaruhi pemikiran, moral dan semangat anggota-anggota tentera musuh dengan menyebarkan ideologi-ideologi antaranya seperti berikut:

- Peralatan dan sistem persenjataan musuh adalah ketinggalan zaman dan tidak setanding dengan kelengkapan yang dipunyai pihak yang melancarkan peperangan psikologi.
- Angkatan perang musuh diketuai oleh Pemerintah yang tidak berkesan, tidak berpengalaman dan cetek ilmu pengetahuan terutama ilmu peperangan.
- Anggota-anggota tentera musuh telah dinafikan hak-hak serta keperluan-keperluan asas kemanusiaan oleh pihak atasan.

Elemen-elemen penting yang menyumbang kepada keberkesanan taktikal peperangan psikologi adalah penyebaran propaganda dan khabar-khabar angin. Oleh kerana sasarannya adalah manusia, kedua-dua elemen ini dimanipulasi sepenuhnya untuk mengganggu-gugat seterusnya melemahkan kestabilan mental dan emosi sumber tenaga manusia pihak musuh. Penggunaan media digunakan sepenuhnya dalam melaksanakan penyebaran propaganda, khabar-khabar angin dan ideologi-ideologi yang secara lazimnya bersifat

yang dimainkan oleh media-media barat seperti CNN, NBC, BBC dan penyemaian ideologi-ideologi negatif menerusi internet amat ketara sebelum, semasa dan selepas misi peperangan sebenar berlaku. Di samping itu, reputasi peribadi Saddam dan pemimpin-pemimpin Iraq yang lain turut diberi tumpuan, di mana segala keburukan dan kejelekan yang ada ditonjolkan serta diwar-warkan semaksimal mungkin. Kesannya, penentangan dari dalam (oleh puak-puak berhaluan kiri) dan keganasan awam meningkat, seterusnya kekuatan serta keampuhan angkatan bersenjata kerajaan Iraq hancur lebur sama sekali.

Kesimpulannya, apa yang membuatkan strategi peperangan psikologi ini amat berbahaya adalah keupayaannya meruntuhkan semua cabang perkhidmatan ketenteraan (darat, laut, dan udara) serta keseluruhan jentera perkhidmatan awam pada masa yang serentak. Di samping itu, ia turut menggugat ketenteraman awam secara menyeluruh. Oleh itu, ternyata dimensi peperangan psikologi ini sangat efektif untuk menjamin kejayaan sesuatu angkatan bersenjata, sekiranya dilaksanakan dengan perancangan yang teliti dan berhati-hati. *Psychological warfare* yang berkesan berupaya memanipulasi dimensi-dimensi peperangan yang lain (*electronic, IT dan political warfares*) untuk memastikan kejayaannya tercapai. Hakikat bahawa sasaran utamanya adalah sumber manusia (awam ataupun tentera) menjadikan ia lebih berbahaya, kerana kepincangan dalam menangani isu dan permasalahan semasa guna tenaga manusia bakal mempengaruhi keputusan; sama ada menang atau kalah sesuatu angkatan bersenjata itu apabila memasuki medan pertempuran sebenar. **5**

PATKOR MALINDO

84/2004

OLEH: LT KAMARUZAMAN AHMAD TLDM

Malaysia adalah sebuah negara maritim dan mengamalkan dasar berbaik dengan negara jiran. Oleh itu pendekatan pertahanan negara yang diambil adalah dengan kerjasama rondaan dan penguatkuasaan maritim bersama pihak berkuasa negara jiran.

Untuk itu, Patrol Koordinasi di antara TLDM dan TNI-AL (PATKOR MALINDO) untuk yang ke 84 telah diadakan mulai 26 Mei hingga 4 Jun 2004. Antara objektif utama PATKOR MALINDO ialah operasi bersama melibatkan kapal TLDM dan TNI-AL khusus untuk mengawal perairan sempadan kedua-dua buah negara. Kawasan operasi tertumpu di perairan Selat Melaka di atas dasar kepentingannya sebagai laluan antarabangsa yang paling sibuk di dunia dengan kapasiti lebih 50 ribu buah kapal menggunakannya setahun. Dengan peningkatan aktiviti perkapalan dan ekonomi, ianya telah mengundang ancaman subversif, jenayah laut dan domestik serta pelanunan.

Misi operasi kali ini adalah menguatkuasakan perundangan maritim antarabangsa melibatkan perairan Malaysia dan Indonesia agar bebas daripada aktiviti yang bertentangan dengan undang-undang maritim. Di antara objektif operasi ini adalah mengeratkan hubungan dan kerjasama di laut di antara kedua-dua buah negara khususnya TLDM dan TNI-AL, melaksanakan pencegahan penyeludupan, kegiatan pelanunan, kegiatan narkotik, pencemaran laut, pencerobohan, pengambilan harta karun, kesalahan pengangkutan sumber hutan di laut tanpa kebenaran dan melanggar undang-undang lalu lintas di laut antarabangsa. Semua objektif ini telah dapat dicapai dan hubungan antara kedua tentera laut telah dapat dieratkan melalui operasi ini.



Kapal TNI-AL telah bertemu dengan kapal TLDM di Pulau Pangkor dan kemudian merapat di Tambatan Pangkalan Lumut. Operasi selama satu minggu ini dirasmikan oleh Kept Ismail bin Hamzah TLDM. Selepas seminggu melaksanakan tanggungjawab terhadap negara, PATKOR MALINDO menamatkan operasinya di Jeti Lantamal, Belawan, Indonesia, di mana upacara penutup dilakukan. Antara kapal-kapal yang terlibat ialah KD BELADAU dan KD SRI NEGRI SEMBILAN bagi TLDM, KRI PULAU RONDO dan KRI SIBARAU bagi TNI-AL. Berbagai aktiviti riadah diadakan termasuk pertandingan Piala pusingan PATKOR MALINDO yang telah berpindah ke tangan TNI-AL setelah pasukan bola tampar pasukan TLDM tewas kepada pasukan TNI-AL.

Semua aktiviti ini telah dapat merapatkan jurang perbezaan antara kedua tentera laut dan ianya sekaligus membuktikan kerjasama yang erat antara kedua negara amat penting dalam menangani masalah keselamatan di Selat Melaka dan perairan sekitarnya. Sesungguhnya dengan jalinan persahabatan yang tersebut tugas menjaga keselamatan di perairan Selat Melaka akan lebih mudah dan terjamin.

PATKOR MALINDO ini juga membuktikan keupayaan TLDM dan TNI-AL untuk menjamin keselamatan Selat Melaka dari ancaman pelanunan dan pengganas. Operasi seperti ini wajar dipertingkatkan lagi demi mempertahankan kedaulatan negara dan bangsa Malaysia. **S**





SUKAN PETANQUE DAN PERKEMBANGANNYA DI MAWILLA 1

OLEH: LT KAMARUZAMAN AHMAD TLDM

Sukan Petanque telah diperkenalkan oleh Yang Dipertua Angkasa, Professor Diraja Ungku Aziz, pada pertengahan tahun 1989. Setelah beberapa bulan diperkenalkan, sukan Petanque telah diterima sebagai salah satu acara sukan baru di peringkat kebangsaan yang diikuti oleh pengiktirafan rasmi Kementerian Belia dan Sukan Malaysia pada tahun 1990.

Petanque mula dipertandingkan dalam Sukan Sea ke 21 pada tahun 2001. Pasukan Malaysia telah berjaya menunjukkan penguasaan dan pencapaian yang luar biasa. Majlis Sukan Negara (MSN) yakin Malaysia mampu maju lebih jauh lagi dalam sukan ini lantas memutuskan untuk memperkenalkan sukan Petanque ke seluruh negara termasuk jabatan kerajaan. Bagi menyahut seruan itu, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah mengambil langkah positif dengan menubuhkan Persatuan Petanque yang disertai oleh ketiga-tiga cabang perkhidmatan darat, laut dan udara.

Satu Klinik Petanque telah dianjurkan oleh Majlis Sukan Angkatan Tentera (MSAT) dari 23 hingga 25 Sep 2002 di MSN Taman Keramat bagi memperkenalkan sukan Petanque di kalangan anggota tentera. Persatuan Petanque Malaysia (PPM) yakin ATM mampu melahirkan pemain berbakat yang berpotensi untuk mewakili negara. Sebagai satu langkah susulan dari program yang dianjurkan oleh MSAT dalam sukan Petanque, Markas Wilayah Laut 1 (MAWILLA 1) telah terlibat secara langsung dalam memperkenalkan sukan ini pada 2002.

Menyahut cabaran PPM, MAWILLA 1 telah membina gelanggang Petanquanya sendiri pada awal tahun 2003. Selain dari itu, sukan ini turut dimasukkan dalam kalendar sukan tahunan Piala Dato' Rama yang diadakan oleh MAWILLA 1 untuk unit-unit di bawah naungannya. Bermula tahun 2003, dengan rasminya sukan Petanque dimasukkan sebagai salah satu acara baru dalam sukan Piala Dato' Rama di mana enam pasukan telah bertanding dan keputusan pertandingan bagi tahun 2003 adalah seperti berikut :

- | | | |
|------------|---|-------------------------------|
| a. Johan | - | KD SRI KUANTAN |
| b. N/Johan | - | MAWILLA 1 |
| c. Ketiga | - | Armada |
| d. Keempat | - | Probos Tentera Laut (PROTELA) |

Pertandingan Piala Dato' Rama telah dijalankan mengikut dua format iaitu acara Bertiga (Triple) dan acara beregu (Double). Pada pertandingan tersebut pejabat sukan telah meminta bantuan Jurulatih Petanque dari Persatuan Sukan Pahang bagi menunjuk ajar kepada setiap warga markas yang berminat mempelajari sukan Petanque. Program susulan adalah Klinik Petanque yang telah dijalankan selama dua minggu. Warga Markas telah menunjukkan minat yang tinggi untuk bermain. Buat masa kini Petanque telah menjadi salah satu acara kegemaran bagi warga markas. **S**





'Silancar' yang licik

OLEH: PW II KNA KAMAL BIN ABDUL MUID (KAMAI) - SEL PRIMA

*Ini lagu serampang laut... serampang laut... perahu kolek mudik ke hulu...
Kati terkenang mulut tersebut ...*

Demikian petikan dari seni kata lagu asli. Barangkali seni kata lagu ini dapat diaplikasikan dengan sejarah kecemerlangan dan kelicikan KD SERAMPANG, kapal ronda dari Kelas Kris (*Kris Class*) milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang sangat dibanggakan satu masa dahulu dan telah banyak menabur jasa kepada negara dan memainkan peranan penting terhadap keselamatan perairan negara, sekali gus membawa impak yang besar

kepada kemakmuran negara. Mengambil sempena nama senjata lama iaitu sejenis tombak yang bercabang diujungnya, kemampuan kapal adalah pelbagai.

DISINI BERMULA

Rentetan sejarah kapal bermula apabila kapal mula dibina syarikat perkapalan dari Itali Vosper Ltd, Portsmouth dan siap pada tahun 1965. Kapal telah ditauliahkan dan memasuki perkhidmatan TLDM pada 19 Mei 67. Kapal dinamakan KD

SERAMPANG mengambil sempena sejenis senjata lama yang digunakan oleh orang melayu dahulu. KD SERAMPANG berpangkalan di Lumut dan diletakkan dalam Skuadron Kapal Ronda Ke -12. Kapal ditugaskan sebagai kapal ronda peranan am (*general purpose patrol craft*). Antara tugas khas yang dilaksanakan adalah:

- melaksanakan penguatkuasaan undang-undang maritim tempatan seperti mengawal kegiatan pelanunan, pencerobohan nelayan asing dan pendatang asing dan pendatang tanpa izin, kegiatan yang tidak bertanggungjawab dan ancaman lain.
- melaksanakan operasi bersama dengan agensi penguatkuasaan maritim lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) Cawangan Marin, Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Kastam Eksais Diraja, Jabatan Laut sebagai contoh Operasi Samudera Gagah.
- melaksanakan penguatkuasaan Undang-undang Maritim antarabangsa bersama agensi-agensi negara luar seperti Indonesia, Thailand dan Indonesia seperti Operasi Patrol Koordinasi Malindo dan Operasi Patrol Koordinasi Optima.
- melaksanakan latihan yang dianjurkan oleh



Bekas Pegawai Memerintah



Lipatan terakhir



Warga kapal yang setia

TLDM seperti OSTEK (*Operational Sea Training Exercise*), Operasi TAMING SARI dan Eksesais KERISMAS.

- melaksanakan latihan yang dianjurkan bersama negara-negara luar seperti 'STARDEX' dan 'STARFISH'.

Pada awal perkhidmatan, kapal mempunyai senjata, peralatan radar dan *echo sounder* yang dianggap tercanggih pada masa itu. Kelajuan kapal yang boleh mencapai kelajuan maksimum 22 knot, memberi kelebihan kepada kapal memecut dan memintas bot atau anasir luar yang melanggar undang-undang maritim atau yang menceroboh perairan negara. Tidak hairan, jika ia digelar '*Silancar yang lalik*'. Kehadiran KD SERAMPANG sama ada dalam rondaan biasa, operasi atau latihan sangat digeruni oleh bot-bot nelayan asing yang cuba mengaut hasil perikanan negara. Aset TLDM ini menjadi cegah-rintang kepada mana-mana pihak yang ingin mengancam keselamatan perairan negara.

Masa terus berlalu peralatan kapal turut usang dan kemampuan kapal juga semakin terbatas.

Pada tahun 1991, kapal telah diubah peranan menjadi kapal latihan TLDM. Kapal kemudian memikul tugas sebagai kapal latihan untuk Pegawai Memerintah Muda, kapal latihan untuk Laskar Dalam Latihan dan kapal bantuan untuk memberi perkhidmatan kepada agensi-agensi awam seperti Jabatan Pemetaan Malaysia, Jabatan Perfileman dan Syarikat Perkapalan Malaysia seperti MISC.

Mengambil kira usia KD SERAMPANG kini yang menjangkau 36 tahun, ia telah dirancang untuk diserahkan ke Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang akan mula beroperasi pada Mac 2005. Oleh itu satu keputusan telah diambil untuk melucutkan tauliah dan menamatkan perkhidmatan KD SERAMPANG. Akhirnya pada Jan 2004 KD SERAMPANG telah dilucutkan tauliah dan ditamatkan perkhidmatan dari TLDM.

Catatan Pelaut Muda: Tugas '*lookout*' KD SRI SERAMPANG. 'Hujan masih turun, laut Selat Melaka bergelora, sekali sekala ombak besar datang melambung kapal, pastinya di daratan sana, di pulau yang indah, situasi ini berbeza, bersantai bersama-sama keluarga atau kawan-

kawan, sembang-sembang, menonton TV, berjumpa buah hati atau apa saja aktiviti dapat dilaksanakan dengan selesa, aman dan damai. Para usahawan dan ahli perniagaan dapat mengembangkan bisnes tanpa ragu-ragu. Di mana saja rakyat bebas bergerak pada malamnya tidur lena tanpa bimbang soal keselamatan atau dibayangi ketakutan, tetapi aku masih setia di sini. Aku ada wawasan dan misi, pendorong ku sepotong cogan kata **SEDIA BERKORBAN** membawa maksud *Siap atau sanggup untuk menghadapi sebarang kesukaran dan dengan sukarela kehilangan sesuatu, walaupun nyawa sekalipun, demi untuk kepentingan nusa dan bangsa*'.


Kedamaian dan kemakmuran yang dikecapi negara pada hari ini begitu berharga. Bagi mereka yang memahami pengorbanan pasukan keselamatan khususnya Tentera Laut Diraja Malaysia yang tidak dapat diukur dengan nilai wang ringgit. Sesungguhnya pengorbanan dan khidmat cemerlang KD SERAMPANG dan warganya amat disanjung dan dihargai. **S**

SPESIFIKASI KAPAL

• No. Pennant	: 41
• Panjang	: 31.3 meter
• Lebar	: 5.98 meter
• 'Draught'	: 1.7 meter
• Berat tanpa muatan	: 104 ton
• Berat muatan penuh	: 117 ton
• Perjawatan	: 27 peg/LLP
• Kelajuan Maksimum	: 22 knot
• Ekonomi	: 12 knot
• Senjata	: 2 x Meriam Bofors 40/70 mm
• Peralatan Navigasi	: Radar 'Racal Decca Arpa CH2616 GPS Nav Track XL Echo Sounder
• Radio	: VHF 1 x PRM 4700A 1 X ICOM Sealand UHF 1x ERM 8000 PAE 3000 HF FBU 351 ELMER
• 'Height of mast'	: 12.5 meter

PEGAWAI MEMERINTAH KD SERAMPANG 1982 - 2004

Nama	Perkhidmatan
Lt Shamsudin bin Abu Bakar N/401077	24 Mei 82 - 18 Okt 82
Lt Zainal Aziz TLDM N/401123	18 Okt 82 - 15 Jan 83
Lt Dya Saadon bin Daros N/401545	15 Jan 83 - 14 Mac 83
Lt Abd Aziz bin Idrus N/401545	14 Mac 83 - 12 Mac 86
Lt Rahim bin Jaafar N/401405	12 Mac 86 - 28 Jul 86
Lt Tan Lte Hin N/401409	28 Jul 86 - 19 Jan 88
Lt Mohd Zaman bin Ibrahim N/401403	19 Jan 88 - 4 Jan 89
Lt Mohamad Onn bin Khalil TLDM N/401530	4 Jan 89 - 26 Jun 91
Lt Mohd Salleh bin Mohammad N/401537	26 Jun 91 - 24 Okt 91
Lt Kdr Anuwi bin Hj Hassan N/401513	24 Okt 91 - 21 Feb 94
Lt Kdr Md Yusuf bin Hj Ismail N/401776	21 Feb 94 - 21 Sep 94
Lt Kdr Aris Adi Tan bin Abdullah N/401850	21 Sep 94 - 23 Jan 96
Lt Kdr Abd Rahman bin Ayob N/401989	23 Jan 96 - 11 Jun 97
Lt Kdr Noor Zukhi bin Harun N/402029	11 Jun 97 - 24 Jan 99
Lt Kdr Syed Zahrul Putra bin Syed Abdullah N/402094	24 Jan 99 - 7 Feb 2000
Lt Kdr Ameir Azmi bin Kamalul Ariffin N/402192	7 Feb 2000 - 27 Jul 2001
Lt Kdr Zulkifli bin Mohd Jamil N/402293	27 Jul 2001 - Jan 2004



Nostalgia 'Si pemburu'

OLEH: PW II KNA KAMAL ABDUL MUID (KAMAI) – SEL PR MTL

Gempar! semua serba tak kena, komunikasi terputus, sistem elektronik tidak berfungsi dan radar tidak lagi dapat mengesan sebarang objek semuanya *jammed*. Situasi inilah yang dialami oleh bilik kawalan radar sebuah negara jiran apabila sebuah kapal perang kelas frigat pelbagai guna milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) melalui selat tersibuk di dunia dalam rondaan biasa. Semuanya gara-gara 'Si Pemburu' gelaran yang sinonim dengan KD RAHMAT yang memiliki anak kapal terlatih dan bersemangat waja, radar canggih (*surveillance radar*), peralatan elektronik fungsi peperangan elektronik dan senjata pemusnah. Kisah berlaku pada tahun 70an dan senario ini memberi kesan psikologi dan cegah-rintang kepada pihak berkenaan. Demikian secebis dari kisah keperkasaan KD RAHMAT yang diceritakan oleh bekas anak kapalnya, seorang pesara TLDM berkepakaran Radar Plotter.

Belayar Pulang

Mengimbas kembali sejarah kegemilangannya, KD RAHMAT telah dibina pada awal tahun 1966. Pada mulanya, kapal ini dinamakan KD HANG JEBAT dan telah dilancarkan pada 18 Disember 1967 di Yarrow Ship Builders Ltd, Scotstown, Glasgow, Scotland oleh Puan Norhimah Jamil iaitu isteri kepada Tan Sri Abdul Jamil Rais, Duta Malaysia di United Kingdom pada masa itu. Pentauliahkan KD HANG JEBAT telah tergendala beberapa kali disebabkan pelbagai masalah terutama berkaitan jentera utama. Kapal ini akhirnya telah dinamakan semula sebagai KD RAHMAT pada tahun 1970 kerana kepercayaan ketika itu nama HANG JEBAT tidak serasi dengannya. Seterusnya kapal telah ditauliahkan pada 31 Ogos 1971 seterusnya menjalani Latihan Penyesuaian Laut di Portsmouth dan belayar balik ke tanah air pada 23 Okt 72. Kapal telah tiba dengan selamatnya di

Pelabuhan Klang pada 19 Disember 72. Kapal ini yang menggunakan *pennant number* atau nombor pengenalan **24** adalah prototaip yang diaplikasikan oleh kepakaran dari United Kingdom. Dengan panjang 93.3 meter dan lebar 10.4 meter, kapal digerakkan oleh 2 buah jentera utama jenis *Gas Turbine* dan Enjin Disel. Ia boleh mencapai kelajuan maksimum 26 knot dengan *Gas Turbine* dan 16 Knot dengan Enjin Disel. KD RAHMAT adalah satu-satu kapal yang digerakkan oleh sistem *gas turbine* dalam Armada TLDM sehingga tauliahnya dilucutkan.

Lembaran Baru

KD RAHMAT pada awal perkhidmatan sangat gah di perairan rantau ini. Dilengkapi dengan sistem persenjataan WM22, sistem peluru berpandu *Sea Cat*, meriam utama 4.5 inci, dua meriam 40L/70mm dan meriam anti kapal selam Mortar MK 10, dengan keanggotaan seramai 156 anak kapal, ia adalah kapal tercanggih dalam kelasnya. Kemasukan KD RAHMAT ke dalam Armada TLDM membawa lembaran baru kepada TLDM di mana kapal perang kita berkeupayaan melaksanakan peperangan anti udara, anti kapal selam, peperangan paras permukaan, perisikan, pemerintahan, kawalan dan komunikasi, operasi bantuan, mencari dan menyelamat dan pelbagai latihan di kapal. Dengan kelengkapan peralatan yang canggih dan komitmen padu warganya, KD RAHMAT telah membuktikan kemampuan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Kehadiran kapal ini memberi impak besar kepada pertahanan perairan negara. Keupayaan angkatan laut kita dipandang tinggi dan digeruni oleh negara jiran. KD RAHMAT sentiasa terlibat dalam pelbagai tugas operasi dan latihan sama ada di peringkat TLDM mahupun melibatkan ketiga-tiga perkhidmatan. Kapal ini juga telah memainkan peranan penting di dalam kerjasama pertahanan dengan negara serantau di mana ia turut serta dalam pelbagai operasi dan eksekusi bersama tentera

laut asing seperti United Kingdom, Australia, New Zealand, Amerika Syarikat, Thailand, Filipina, Singapura dan Indonesia.

Peningkatan keupayaan angkatan laut negara-negara jiran dan serantau yang memiliki kapal perang dan sistem persenjataan canggih dan terkini, turut diikuti oleh Malaysia yang tidak mahu ketinggalan dari kepesatan teknologi pertahanan dengan memperoleh kapal-kapal perang baru dan pemindahan teknologi pertahanan untuk memastikan kewibawaan angkatan lautnya sentiasa di hadapan dan relevan dengan keperluan semasa. Dengan peningkatan ini KD RAHMAT terpaksa menerima hakikat bahawa kelengkapan canggih yang amat dibanggakan suatu ketika dahulu semakin uzur dan ketinggalan. Sistem persenjataan WM22, *surveillance radar*, mortar MK10 dan sonar tidak lagi secanggih di waktu kegemilangannya.

Kapal Latihan TLDM

Perolehan kapal-kapal baru yang lebih moden dan canggih ke dalam perkhidmatan TLDM, turut mengambil alih tugas yang semakin mencabar dalam era peperangan moden. Secara perlahan-lahan KD RAHMAT mula diberikan peranan baru sebagai kapal latihan TLDM iaitu bermula tahun 1991, bersama KD HANG TUAH di dalam Skuadron Frigate Ke - 21. Walaupun tidak lagi bergelar kapal perang serba canggih, KD RAHMAT tetap komited dengan tugas baru yang diamanahkan. Ia telah menetapkan **Visi** iaitu "*Kapal latihan yang mampu memenuhi keperluan latihan laut bagi pegawai dan anggota TLDM*" dan **Misi** iaitu "*Sentiasa sedia untuk melaksanakan latihan di laut dengan efektif dan efisien*" yang ingin dicapai oleh warga kapal. KD RAHMAT telah melalui proses modifikasi dari semasa ke semasa sesuai dengan peranan barunya sebagai kapal latihan TLDM dengan menumpukan kepada pengubahsuaian infrastruktur dalaman agar berupaya memuatkan lebih ramai pegawai dan anggota dalam latihan serta menyediakan prasarana latihan yang sempurna. Ini termasuk penyediaan ruang penginapan, bilik kuliah, bilik persidangan, tandas dan bilik air. Dan di antara pengorbanan yang telah dilakukan untuk penyediaan keperluan tersebut termasuk mengeluarkan system persenjataan WM22, *surveillance radar*, mortar MK10, sonar dan sebagainya yang tidak lagi ekonomi diperbaiki.

Selama bertahun-tahun KD RAHMAT telah dijadikan platform latihan fasa laut kepada ribuan pegawai kadet dan pegawai kadet kanan, Siswa Kadet (SISKA) ATMA, Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) dan PSSTLDM. Begitu juga dengan pendedahan ilmu kelautan kepada ribuan warga lain-lain pangkat (LLP) dari ketiga-tiga kepakaran iaitu Kelasi, Teknikal dan Bekalan. Tidak dapat dinafikan, sumbangan besar KD RAHMAT di dalam perlaksanaan tugas sebagai kapal latihan ini telah dapat mengetengahkan pegawai-pegawai dan warga TLDM yang berkaliber dan berkualiti demi menggalas tugas murni yang telah diamanahkan.

KD RAHMAT telah menjayakan fungsi dan peranan TLDM ketika aman iaitu selain dari bersedia untuk perang, kapal turut membantu menguatkuasakan undang-undang maritim dan rondaan di Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE). Dalam konteks ini kehadiran kapal semasa latihan fasa laut telah mengurangkan aktiviti pelanunan dan seterusnya sebagai cegah-rintang kepada pihak yang boleh mengancam keselamatan perairan negara. KD RAHMAT telah berjaya melaksanakan tugas dengan cemerlang dalam melakukan rondaan sekitar perairan negara termasuk di Zon Ekonomi Eksklusif bagi menjaga kepentingan maritim negara, keselamatan dan pencegahan kemasukan

rakyat asing tanpa izin di dalam pelbagai operasi yang dilaksanakan.

Kecemerlangan KD RAHMAT dan warganya melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab tidak mampu menghalang hukum alam yang kekal dominan. KD RAHMAT yang semakin dimamah usia serta kesukaran mendapatkan alat ganti kerana telah *obsolete* menyebabkan KD RAHMAT tidak lagi boleh beroperasi seperti biasa. Peranan kapal sebagai platform latihan fasa laut telah menuntut kapal belayar dalam jangka masa yang lama. Destinasi pelayaran paling penting dan strategi ialah pelayaran ke wilayah Sabah dan Sarawak merentas Laut China Selatan yang terkenal dengan gelora lebih-lebih lagi pada musim monsun barat daya. Kebanyakan Tentera Laut negara maju lazimnya mengekalkan pengoperasian kapal perang mereka bagi tempoh tidak melebihi 30 tahun dan melupuskannya apabila sampai tempoh tersebut kerana tidak *cost effective* untuk mengekalkan operasinya. Satu hakikat atau kenyataan yang perlu diterima ialah KD RAHMAT sudah melampaui had kegunaannya "*exceeded her usefulness*", menamatkan perkhidmatannya satu pendekatan yang terpaksa dibuat oleh TLDM. Akhirnya keputusan

Masih berjasa...



dibuat untuk sampai masanya KD RAHMAT 'berehat' setelah hampir 32 tahun menerjah ombak dan badai berkhidmat kepada TLDM dan negara dengan megahnya. Pada 18 Disember 2003 kapal telah dilucutkan tauliah dalam majlis yang telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Laut, Laksamana Dato' Sri Mohd Anwar bin Hj Mohd Nor.

Kapal Latihan Statik

Cerita mengenai kecemerlangan pelaksanaan tugas KD RAHMAT sebenarnya masih belum selesai. Walaupun tidak lagi mampu 'bergerak' sendiri, tidak menghalang KD RAHMAT untuk terus mengekalkan kecemerlangannya dan menabur bakti tanpa penglibatan kos yang tinggi. Pelaburan semasa mengubahsuai kapal sebagai platform latihan terus dimanfaatkan. Kapal telah bertambat di sebuah boya di Selat Dinding untuk dijadikan Kapal Latihan Statik. Sejak 11 Jul 2002 kapal telah melaksanakan mandat baru iaitu sebagai platform Latihan Statik untuk pelaksanaan pelbagai latihan asas, memberikan pendedahan kepada beratus-ratus pegawai dalam latihan (PDL) dan laskar dalam latihan (LDL) terhadap ilmu kelautan dan pendedahan berhubung pelaksanaan tugas di kapal kepada warga muda TLDM. Program latihan ini dikendalikan Kolej Tentera Laut Diraja (KTLD), di antara latihan yang dilaksanakan adalah seperti prosedur menurun dan menaikkan bot, 'Boat drill', Mengawal Kerosakan dan Memadam Kebakaran, 'Gun Drill', Plottex dengan menggunakan bot-bot dan kapal-kapal yang melalui Selat Dinding dan 'terrestrial fixing', Penyusupan dan serangan bawah permukaan oleh Pasukan Penyelam dan PASKAL, 'Deck Landing Training' oleh juruterbang KD RAJAWALI, 'Quarter Master' dan 'Boatswain Mate' atau Petugas Titian, Pengawas Bilik Jentera dan 'Switchboard', Latihan kibaran bendera dan pancaran api ('Flag Hoist and Flashex'), 'Ships Husbandary' dan lain-lain latihan yang bersesuaian.

Tidak dapat disangkal lagi KD RAHMAT telah memberikan sumbangan yang begitu besar dalam pembangunan sumber manusia yang seterusnya mencapai wawasan TLDM. Sepanjang ditauliahkan di dalam perkhidmatan TLDM selama 32 tahun, KD RAHMAT telah diterajui oleh 17 orang Pegawai Memerintah yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi bagi memastikan KD RAHMAT mengekalkan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang cemerlang. Sepanjang perkhidmatannya KD RAHMAT telah mencapai jarak pelayaran sejauh 1,899,510.50 batu nautika. Bagi warga atau pesara TLDM yang pernah berkhidmat di KD RAHMAT, kapal ini umpama rumah kedua mereka. Kenangan pahit manis dan suka duka bersama KD RAHMAT sekali-sekala menerjah satu-persatu dalam ingatan setiap mereka.


Sesungguhnya pencapaian yang memberangsangkan dan khidmat bakti kapal dan warganya yang tidak terhingga kepada TLDM dan negara sewajarnya mendapat sanjungan, dikenang dan dihargai... **S**

Spesifikasi Kapal

Nama kapal:	KD RAHMAT
Pennant Number:	24
Tarikh Tauliah:	31 Ogos 71
Dibina oleh:	Yarrow Ship Builders Ltd, Glasgow, Scotland
Panjang:	93.9 meter
Lebar:	10.4 meter
Draught Hadapan:	2.9 meter
Draught Belakang:	4.5 meter
Sesaran:	1250 ton (Maksimun 1600)
Kelajuan maksima:	26 knots (Gas Turbine) 16 knots (main diesel)
Jentera Utama:	Crossley SEMP Pielstick 8PC 2V 400 Type Marine (Diesel Engine)
Keanggotaan:	Marinised Olympus Power Unit TM 1 Gas Turbinne
	156

PEGAWAI MEMERINTAH KD RAHMAT 1971-2003

Nama	Perkhidmatan
Laksamana Pertama (B) Malcom William Alvise	20.07.70 - 24.07.73
Kepten (B) Cheah Phee Cheng	25.07.73 - 03.08.76
Laksamana Madya (B) Dato' Haron bin Dato' (Dr) Mohd Salleh	04.08.76 - 22.01.78
Laksamana Pertama (B) Arasaratnam Kasinather	23.01.78 - 10.11.78
Laksamana Muda (B) Dato' Mohd Hussain bin Tamby	05.10.81 - 01.07.82
Laksamana Muda (B) Dato' Engku Zainal bin Hj Engku Ngah	02.07.82 - 22.06.84
Kdr (B) Lim Cho Chin	23.06.84 - 24.11.86
Laksamana Pertama (B) Dato' Ibrahim bin Md Jawi	25.11.86 - 05.01.88
Kepten (B) Ng Chin Phing	06.01.88 - 19.02.89
Kepten Mokhtar bin Abd Wahid TLDM	20.02.89 - 16.09.91
Kdr (B) Vijaya Rengan a/l Rajan	09.03.92 - 30.12.94
Kepten Nasir bin Adam TLDM	31.12.94 - 16.12.96
Kdr Chin Yoon Chin TLDM	17.12.96 - 31.03.96
Kdr Soundarajan a/l K.Kaliapan TLDM	01.04.99 - 11.01.01
Kdr Mamu bin Said Ale TLDM	11.01.01 - 19.08.02
Lt Kdr Stephen a/l Magimadas TLDM	20.08.02 - 20.12.02
Lt Kdr Low Mee Choy TLDM	21.12.02 - 18.12.03



CHAKRI NARUEBET OFFSHORE PATROL HELICOPTER CARRIER, ROYAL THAILAND NAVY

OLEH: LT KDR SAMSURI TLDM

The Offshore Patrol Helicopter Carrier, HTMS Chakri Naruebet, was constructed for the Royal Thai Navy (RTN) by Spanish shipbuilders Izar (formerly EN Bazan).

Under a contract signed in July 1992, the Chakri Naruebet was constructed at Izar's El Ferrol yard in Spain and commissioned in March 1997. With a design similar to that of the Spanish carrier Principe de Asturias, it is fitted with a 12° ski jump to enable the use of Harrier-style aircraft. The carrier is tasked with warfare/flagship command and control, air support for amphibious operations and the Thai surface fleet, EEZ surveillance and protection, search and rescue, and disaster relief. It is based in the Gulf of Thailand.

DESIGN

The ship is equipped with six multi-mission Sikorsky S-70B Seahawk helicopters, designed for use in an anti-submarine role. These are supplemented with six ex-Spanish Matador AV-8S (Harrier) short take-off/vertical landing (STOVL) aircraft. The Chakri Naruebet's 174.6m x 27.5m flight deck, which terminates in a 12° ski jump, can accommodate five simultaneous helicopter take-off/landings; the hangar provides space for ten medium helicopters or Harrier-sized aircraft. The carrier's maximum speed is 26 knots, with a cruise speed of 16 knots. Range is estimated to be 10,000nm at 12 knots. Two spade rudders and four hull stabilizers have been fitted.

COMMAND SYSTEM

The command and control system is made up of a combat information centre with seven Inisel consoles and an auxiliary console. The combat system is the AN/UYK-43C Lowboy with weapon systems integration carried out by FABA, Spain.

MISSILES

The ship has provision for one eight-cell Mk 41 vertical launch system (VLS) for the Seasparrow surface-to-air missile. Seasparrow uses semi-active radar guidance, has a range of 14km and a speed of Mach 2.5. The carrier has three MBDA (formerly Matra BAE Dynamics) Sadral six-cell launchers for the Mistral missile. Mistral is a short-range anti-aircraft missile able to intercept in-coming sea-skimming missiles. The Sadral six-cell launcher is a stabilised turret equipped with a television camera, which can be fitted with an infrared channel for target acquisition. The Mistral missile is equipped with an infrared homing head supplied by SAGEM and has a 3kg high-explosive warhead loaded with tungsten balls. Range is 4km.

WEAPONS

Four Raytheon/General Dynamics Phalanx Close-In Weapon Systems and two 30mm naval guns are yet to be fitted. Phalanx has a 20mm/53-calibre six-barrel gun capable of firing 3,000 rounds/min to a target range of 1.5km.

COUNTERMEASURES

Four BAE Systems Integrated Defence Solutions (formerly Tracor) Mk 137 chaff launchers, Indra Aldebaran electronic support measures (ESM) system and Raytheon AN/SLQ-32 radar jammer are yet to be fitted.

SENSORS

The ship is equipped with a Raytheon AN/SPS-52C 3-D medium range air search radar, operating at E/F band, Kelvin Hughes navigation and helicopter control radar, Kelvin Hughes I-band navigation radar, MX 1105 Transit/GPS Omega satellite navigation system and an URN 25 Tacan system. The Raytheon AN/SPS-64 I-band surface search radar and Thales Nederland (formerly Signaal) STIR I/J/K-band fire control radar are not yet fitted.

Provision has been made for a hull-mounted, medium frequency, active sonar system.

PROPULSION

Propulsion is by a Combined Diesel or Gas Turbines (CODOG) system which is made up of two pairs of GE LM-2500 gas turbines rated at 44,250hp with a power turbine speed of 3,600rpm and Izar-MTU 16V1163 TB83 diesel engines, each with an output power of 6,437hp at 1,200rpm, which will drive two variable-pitch five-blade propellers. (Thailand's two Naresuan Class frigates, which may escort the carrier, are also fitted with CODOG systems). **S**



HTMS Chakri Naruebet constructed by Spanish shipbuilders Izar.





PUSAT LATIHAN REKRUT TLDM

"Ke arah Melahirkan pelapis TLDM yang serba boleh"

OLEH: LK 1 KNA ISWARDI

NORMAHAILY BINTI MOHD NOR

5500341 PW II PRL

Pegawai Waren Tadbir

Sel Perhubungan Awam TLDM

Markas Tentera Laut



Sepanjang 70 tahun penubuhan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM), tidak dapat dinafikan bahawa pasukan ini telah banyak memberi sumbangan kepada pertahanan negara. Dengan gandingan bersama 2 lagi cabang perkhidmatan ATM iaitu Darat dan Udara, pasukan ini tetap mempunyai misi yang tersendiri di dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat sejagat terpelihara. Selain daripada itu, ianya juga memainkan peranan yang penting di dalam mempertahankan perairan serta sumber ekonomi maritim negara dari pencerobohan pendatang asing. Selaras dengan perkembangan pesat TLDM di zaman yang global ini, keperluan melahirkan anggota-anggota yang berkualiti dan berwibawa adalah kemestian yang perlu ditunaikan.

Pusat Latihan Rekrut (PULAREK) TLDM adalah sebuah organisasi yang bertanggungjawab melahirkan Perajurit Muda yang berkeelayakan dari kalangan anggota lain-lain pangkat (LLP). Pusat ini juga menjadi tunggak utama di dalam pembentukan disiplin serta semangat yang tinggi di kalangan anggota barunya melalui latihan asas ketenteraan yang telah dirancang. Disinilah titik permulaan bagi bakal pelapis TLDM untuk membentuk diri mereka supaya menjadi seorang anggota tentera yang bersemangat tinggi dan berjiwa kental, di samping dapat mengalas bebanan serta tanggungjawab sebagai perajurit negara satu hari nanti. Mereka

juga akan didedahkan dengan pengetahuan asas berkaitan ilmu pelaut di samping pengenalan terhadap tugas sebagai seorang anggota TLDM serta pengurusan dan disiplin diri. Selain daripada itu juga, beberapa siri latihan ketenteraan akan di ajar bertujuan untuk mengubah perwatakan diri mereka daripada awam kepada seorang tentera yang disegani. Latihan yang diberi amat penting untuk membina ketahanan mental dan fizikal yang mana ianya mampu untuk membentuk personaliti anggota menjadi tentera yang sihat dan mantap. Antara latihan-latihan wajib yang dijalankan di sini adalah seperti renang, kawad, pengenalan persenjataan, berjalan lasak, merempuh halangan dan sebagainya. Setelah mengalami beberapa perubahan struktur dan perpindahan tempat, PULAREK TLDM kini lebih matang dalam mencorakkan anggota barunya untuk menjadi seorang yang berdisiplin tinggi dan berpengetahuan.

Sejarah awal penubuhan PULAREK bermula setelah tertubuhnya TLDM pada tahun 1939 di mana seramai 30 anggota dipilih untuk bekerja sebagai Kelasi dan penjaga jentera di bawah kelolaan *Boon Defence Office* (BDO) di Loyang, Singapura. Penyertaan orang awam di dalam pasukan ini terus meningkat di mana menjelang penghujung tahun 1939, seramai 400 orang telah diserap dan berkhidmat dengan Pasukan *Royal Malay Navy*. Pada sekitar tahun 70an pula, sepasukan pegawai dari Bahagian Turus Tentera Laut telah membuat penyelidikan dan memilih Kem Khatib yang terletak di Sembawang, Singapura untuk dijadikan Pusat Latihan TLDM yang mana pada asalnya adalah Kem Tentera Darat iaitu Batalion Keenam Askar Melayu



Perbarisan tamat latihan

Diraja. Pemilihan kem ini adalah disebabkan kerajaan pada masa itu tidak mampu untuk menghantar anggota tenteranya ke luar negara memandangkan keadaan ekonomi yang tidak mengizinkan di samping kos perbelanjaan latihan yang amat tinggi semasa berada di luar negara. Pada tahun 1979, PULAREK telah berpindah tempat ke pangkalan TLDM di Lumut dan seterusnya ke Berek TLDM Woodlands, Singapura dalam tahun 1986. PULAREK pada masa itu telah dikenali sebagai Fakulti Rekrut. Setelah kerajaan Malaysia menyerah semula Berek TLDM Woodlands kepada kerajaan Singapura pada 31 Disember 1997, Fakulti Rekrut sekali lagi berpindah tempat ke unit tumpangan KD SRI KUANTAN di bawah naungan Markas Wilayah Laut 1 (MAWILLA 1). Walau bagaimanapun misi Fakulti Rekrut ini tetap diteruskan juga demi untuk melahirkan perajurit muda yang berwibawa dan berkebolehan.

Semasa berpangkalan di KD SRI KUANTAN, Fakulti ini sempat melatih dua kumpulan pengambilan rekrut di mana pada 1 Februari 1999, ianya sekali lagi telah berpindah ke tempat yang baru iaitu di PULAREK TLDM, Tanjung Pengelih, Johor. Namun perpindahan ini tidak lama kerana faktor keselamatan di samping kerja-kerja pembinaan yang belum siap sepenuhnya. Pada tahun yang sama, sekali lagi Fakulti Rekrut telah dipindahkan sementara ke KD PELANDOK yang berpangkalan di Lumut, Perak. Penempatan semula Fakulti Rekrut di bawah organisasi PULAREK TLDM, Tanjung Pengelih telah dilaksanakan sepenuhnya pada 26 Disember 1999 setelah kerja-kerja membaik pulih pusat latihan tersebut selesai dilakukan. Sehingga kini PULAREK TLDM Tanjung Pengelih terus mengalami perubahan dan pada tahun 2000, di mana Fakulti Rekrut telah sekali lagi ditukar namanya kepada Bahagian Latihan. Gelaran rekrut juga kini telah dimansuhkan dan digantikan dengan panggilan Perajurit Muda.

Dengan berlatarbelakangkan struktur tempat yang strategik dan kemudahan peralatan yang lengkap, PULAREK TLDM Tanjung Pengelih yang dianggotai seramai 468 orang anggota kini semakin giat melaksanakan pengambilan Perajurit Muda. Setakat ini saja PULAREK TLDM telah menerima lebih 5,000 anggota baru untuk menyertai pasukan ini dengan mengadakan dua kali pengambilan dalam setahun. Selain daripada melatih Perajurit Muda, peranan PULAREK TLDM kini telah berkembang dan menjadi salah satu Pangkalan Hadapan TLDM di bahagian Selatan Semenanjung Malaysia. Peranan dan sumbangan yang diberikan adalah dalam bentuk bantuan teknikal, pengurusan dan logistik kepada kapal-kapal TLDM yang beroperasi di kawasan selatan serta aktiviti pangkalan TLDM di Pasir Gudang, KD SRI MEDINI dan unit-unit tentera yang lain.

Dalam mendokong usaha TLDM untuk membentuk sebuah angkatan yang disegani, PULAREK TLDM kerap membuat pertukaran dari segi corak latihan ketenteraan di samping memberi pendekatan baru melalui latihan-latihan yang dijalankan sepanjang tempoh empat

Kuarters kediaman warga PULAREK



bulan. Justeru, penerimaan bakal-bakal Perajurit Muda yang ada sekarang bukan sekadar untuk memenuhi keperluan statistik, tetapi juga untuk dilatih menjadi seorang anggota TLDM yang berdedikasi serta sanggup menerima cabaran masa depan. Mereka akan dididik menjadi anggota yang serba boleh, bersedia menghadapi cabaran dan boleh digunakan untuk melakukan



Pemandangan PULAREK dari udara

apa-apa jenis tugas di dalam TLDM bersesuaian dengan kehendak piagam tugas PULAREK. Dengan adanya kemudahan yang dilengkapi dengan pelbagai peralatan terkini seperti Komputer, lapang sasaran, sistem kawalan elektronik, Kompleks Sukan, Kolam Renang bertaraf Olimpik, bangunan latihan dan sebagainya, PULAREK kini mampu melahirkan sebuah generasi TLDM yang bertamadun dan mengikut perkembangan semasa. Kepekaan Organisasi ini dalam mewujudkan pelapis yang berkecuali dan berpengetahuan pastinya akan menjadi kebanggaan kepada setiap anggota TLDM khususnya dan ATM amnya. **S**

OBESITI...

Adakah BMI Cukup Untuk Menilai Faktor Risiko?

OLEH: LT KOL DR MAZNORILA MOHAMAD
NUTRITIONIST, HOSPITAL ANGKATAN TENTERA LUMUT

Pengukuran Ketebalan Lipatan Kulit

Dalam membuat anggaran kandungan lemak, pengukuran ketebalan lipatan kulit merupakan kaedah yang agak popular dan banyak digunakan dalam penyelidikan. Ia dapat menganggar adipositi tubuh secara tidak langsung (Frisancho & Flegel, 1982). Walau bagaimanapun, kaedah ini tidak begitu sesuai untuk subjek yang terlalu obes (Garrow, 1982).

Durnin dan Rahaman (1967) mengukur ketebalan lipatan kulit subjek pada empat tempat yang berlainan dan dengan menggunakan formula persamaan mereka, anggaran peratus lemak tubuh dapat diperoleh dengan mudah. Berdasarkan bentuk tubuh yang nampak secara zahir, mereka mendapati lelaki muda yang obes mempunyai purata peratus lemak tubuh 23%, manakala wanita muda yang obes pula sebanyak 32%.

Analisis Bioimpedans (BIA)

Kaedah antropometri seperti BMI dan pengukuran ketebalan lipatan kulit tidak begitu tepat dalam menganggar komposisi tubuh dan menilai jumlah lemak tubuh. Pengukuran komposisi tubuh secara anthropometrik memberikan ralat sekitar 3-9% (Lohman, 1981). Oleh itu pengukuran anggaran komposisi tubuh yang menggunakan bioimpedans merupakan satu kaedah yang mudah dan cepat digunakan serta dapat menghasilkan keputusan yang tepat dan boleh dipercayai (Lukaski et al, 1986).

Kaedah bioimpedans memberikan ralat 2.7% (Lukaski et al, 1986) hampir sama dengan ralat pengukuran yang dihasilkan melalui kaedah densitometri iaitu 2.5% (Lohman, 1981). Anggaran jisim tanpa lemak melalui analisis bioimpedans pada subjek yang stabil berat badan mereka adalah tepat kerana ada korelasi yang tinggi di antara bioimpedans dengan pengukuran jisim tanpa lemak mengikut kaedah yang lain (Lukaski et al. 1986 dan Segal et al. 1988).

Buat masa ini tiada model BIA yang boleh diguna pakai sebagai piawai. Setiap model BIA yang digunakan kebiasaannya akan memberikan nilai komposisi tubuh yang agak berbeza di antara satu sama lain. Keputusan ini dipengaruhi oleh alat BIA, teknik, keadaan dan juga formula persamaan yang digunakan. Faktor-faktor lain yang mempengaruhi keputusan adalah posisi tubuh, status hidrasi, pengambilan makanan dan minuman sebelum ujian, suhu tubuh, udara keliling, aktiviti fizikal dan juga konduksi elektrik tempat pengukuran. Walau bagaimanapun ianya merupakan kaedah yang sangat cepat, tidak invasif dan selamat. Telah terdapat kajian yang menunjukkan ketepatan anggaran lemak tubuh

melalui kaedah ini (Segal et al, 1988, Lukaski et al, 1985 dan Khaled et al, 1988).

Nilai peratus lemak tubuh adalah berbeza bagi lelaki dan wanita, dan kandungan lemak tubuh bagi ahli sukan adalah jauh lebih rendah berbanding orang biasa. Nilai rujukan bagi orang dewasa adalah seperti berikut: Lelaki, di antara 15-20% dan wanita di sekitar 25-30% (McArdle et al, 1996)

Taburan Lemak Tubuh - Abdominal Obesiti

Bukan jumlah lemak sahaja yang menentukan risiko yang berkaitan dengan obesiti, malah taburan lemak pada abdomen atau lemak visceral (obesiti android) juga mempunyai hubungan dengan beberapa risiko kardiovaskular dalam sindrom metabolik seperti Diabetes Type II, Impaired glukose tolerance, hipertensi dan dislipidemia (tinggi trigliserid, rendah LDL kolesterol) (The Asia -Pasific Perspective, 2000). Ada bukti menunjukkan bahawa obesiti pada abdomen berperanan dalam pembentukan rintangan insulin (Seidell et al, 1990) dan dalam sindrom metabolik yang mengaitkannya dengan penyakit kardiovaskular (Depres et al, 1990).

Nisbah Pinggang-Punggung (Waist-Hip Ratio)

Ada perbezaan di antara prevalens obesiti dengan pengagihan lemak tubuh. Contohnya di kawasan Asia-Pasifik, di mana mereka yang tinggal di Selatan Asia (orang India) didapati mempunyai lebih pengumpulan lemak tubuh pada bahagian tengah badan dan nisbah pinggang dengan punggung mereka adalah lebih tinggi berbanding dengan orang Eropah pada ukuran BMI yang sama. (McKeigue et al, 1991).

Oleh yang demikian, kaedah pengukuran yang lain selain pengukuran BMI sangat penting untuk mengenal pasti individu yang mempunyai peningkatan risiko penyakit yang berkaitan dengan obesiti akibat dari pengumpulan lemak pada abdomen.

Nisbah pinggang-punggung yang tinggi (Lelaki WHR > 1.0 dan Wanita WHR > 0.85) telah diterima sebagai satu kaedah klinikal untuk mengenal pasti individu yang mempunyai obesiti pada abdomen (James, 1996).

Lilitan Pinggang

Walaupun bagaimanapun, ukuran lilitan pinggang lebih diterima sebagai kaedah pengukuran obesiti abdomen berbanding ukuran WHR (WHO, 1998). Ukuran pinggang sangat mudah dan ringkas dilakukan dan ianya tidak berkaitan dengan ketinggian (Han et al, 1997), berhubung kait rapat dengan BMI dan WHR (Lean et al. 1995) dan indeks

yang hampir dengan jisim lemak dalam abdomen (Han et al, 1995 dan Pouliot MC et al, 1994) dan jumlah keseluruhan lemak tubuh (Lean et al, 1996).

Kajian juga menunjukkan bahawa perubahan dalam pengukuran lilitan pinggang membawa kepada perubahan dalam faktor risiko penyakit kardiovaskular (Han et al. 1997) dan penyakit-penyakit kronik yang lain, sungguhpun risikonya agak berbeza dalam populasi yang berlainan.

WHO (1998) mencadangkan ukuran lilitan pinggang bagi lelaki adalah ≥ 94 cm (37 in) dan wanita ≥ 80 cm (32 in) sebagai titik pemisah peningkatan risiko mendapat komplikasi metabolik yang berkaitan dengan obesiti. Peningkatan risiko ini akan bertambah jika ukuran lilitan pinggang bagi lelaki adalah ≥ 102 cm (40 in) dan wanita adalah ≥ 88 cm (35 in). Mereka mencadangkan ukuran ini haruslah spesifik kepada populasi tertentu dan ianya bergantung kepada tahap obesiti dan juga pelbagai faktor risiko penyakit kardiovaskular dan diabetes mellitus type II.

Kesimpulan

Obesiti merupakan masalah yang harus dititik berat oleh ATM kerana ianya melibatkan kesiapsiagaan, imej dan juga faktor ekonomi. Walau bagaimanapun dalam mengawal isu tersebut kita tidak seharusnya begitu berkeras tentang nilai BMI yang tinggi semata-mata. Kita harus mengambil kira akan beberapa kaedah alternatif lain dalam penilaian obesiti. Agak malang sekiranya seseorang anggota itu sangat cemerlang melakukan tugas seharian tetapi perkembangan kerjaya mereka tersekat hanya semata-mata kerana mempunyai bacaan BMI yang tinggi.

Tidak dapat dinafikan bahawa BMI boleh digunakan untuk mengukur tahap obesiti individu, kerana ianya mudah dan murah. Walau bagaimanapun penggunaan pengukuran BMI semata-mata untuk membuktikan kelebihan lemak tubuh mungkin tidak begitu tepat. Ini kerana seseorang itu boleh mempunyai BMI yang tinggi sedangkan risiko mendapat penyakit kronik mungkin agak kecil sekiranya kandungan lemak dalam badan mereka adalah rendah.

Untuk menentukan tahap kandungan lemak badan, pengukuran melalui kaedah lipatan kulit dan bioimpedans dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang status kandungan lemak dalam badan seseorang individu. Dalam keadaan tertentu pengukuran taburan lemak tubuh juga perlu diambil kira seperti WHR dan lilitan pinggang kerana abdominal obesiti juga memberikan risiko kepada penyakit kronik seperti penyakit kardiovaskular dan diabetes mellitus. **S**



PIALA ZAIN

WIRA BOLA SEPAK MAWILLA 2

OLEH: LT CHE HANIFFA TLDM

Kepulangan Wira Bola Sepak MAWILLA 2 telah disambut dengan meriah di Lapangan Terbang Labuan pada 6 Mei 04. Ketibaan mereka lebih kurang jam 1600H telah disambut oleh Ketua Staf MAWILLA 2 mewakili Panglima Wilayah Laut 2. Setibanya mereka di Balai Ketibaan, kalungan bunga disempurnakan oleh Ketua Staf kepada semua pemain. Setelah itu mereka diiringi oleh lebih kurang 70 rombongan bermotosikal ke Pangkalan TLDM Tanjung Purun. Sesampainya mereka di Pangkalan TLDM Tanjung Purun, mereka diarak pula ke perkarangan SKTLDM Labuan diiringi paluan kompang dan bunga manggar. Begitulah meriah sekali sambutan kepulangan wira-wira bola sepak MAWILLA 2.

Mulai 8 Apr hingga 24 Apr 2004 merupakan tarikh yang memberi banyak kenangan manis dan pahit kepada wira-wira bola sepak MAWILLA 2. Ini kerana pada detik itu, mereka bermati-matian mengeluarkan keringat demi merebut PIALA ZAIN yang telah hampir 13 tahun tidak dimiliki. Sebanyak 16 pasukan yang mewakili formasi TLDM telah bertanding di dalam kejohanan ini. Pasukan MAWILLA 2 telah berjaya melepasi pusingan awal dengan begitu

menyerlah apabila membelasah pasukan-pasukan lawan dengan rekod tanpa kalah dengan purata jaringan 2 atau 3 gol tanpa balas. Pada peringkat suku akhir juga MAWILLA 2 menang dengan pasukan PASKAL melalui tendangan penalti 5-3 setelah seri 1-1 untuk ke separuh akhir dan seterusnya mengalahkan pasukan NETC A dengan jaringan 1-0 untuk ke perlawanan akhir.

Akhirnya di hadapan ratusan penonton dan Panglima Tentera Laut serta Panglima-Panglima Formasi termasuk Panglima Wilayah Laut 2 sendiri, MAWILLA 2 berjaya merangkul piala tersebut. Apa yang lebih menarik dan tidak dijangka ialah di mana, pada separuh masa pertama pasukan MAWILLA 2 telah ketinggalan jaringan gol 0-1 dengan pasukan ARMADA 'A'. Akhirnya dengan semangat yang kental dan setelah bertungkus lumus, pasukan MAWILLA 2 terus membelasah pasukan ARMADA 'A' dan kesudahan pertarungan itu, kemenangan berpihak kepada pasukan MAWILLA 2. Dengan penuh bergaya mereka merangkul PIALA ZAIN yang menjadi rebutan melalui jaringan 4 gol berbalas 1. Syabas kepada Wira-Wira Bola Sepak MAWILLA 2!!! **S**



Ketua Staf MAWILLA 2 mewakili PANGWILLA 2



Wira Piala Zain disambut megah



PELAKSANAAN **BALANCED SCORECARD** DALAM TLDM

OLEH: LT KDR ASMAYATIM TLDM MBA (Nottingham)

B

ermula dengan penubuhan Tim Pemandu **BALANCED SCORECARD** (BSC) melalui arahan memo Am TLDM 10/2003 bertarikh 15 Dis 04, TLDM mengorak langkah ke hadapan ke arah pelaksanaan sistem BSC dalam TLDM. Tujuan pelaksanaan BSC ialah untuk menjadikan TLDM lebih fokus kepada pencapaian misi dan visi serta mewujudkan pemahaman yang lebih baik di kalangan warga TLDM mengenai Visi, Misi dan Objektif Umum TLDM. Selain daripada berfungsi

sebagai alat pengukuran prestasi, BSC juga membolehkan TLDM menggunakan *scorecard* sebagai satu kaedah laporan yang berkesan terutamanya kepada pihak-pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) seperti Kementerian Pertahanan dan masyarakat umum. Ia akan menonjolkan kejayaan yang dicapai di samping mengukuhkan kedudukan TLDM serta matlamat kewujudan TLDM. Melalui BSC juga, TLDM dapat meningkatkan keberkesanan komunikasi dan ketelusan kepada warga TLDM sendiri dan juga kepada mereka di luar TLDM.

Langkah pertama dalam proses pelaksanaan BSC ialah mendapatkan khidmat nasihat pakar perunding pengurusan yang dapat membantu TLDM ke arah merealisasikan pelaksanaan BSC. Syarikat KPMG, yang merupakan sebuah syarikat ternama dalam bidang perunding pengurusan di peringkat antarabangsa telah dilantik sebagai juru perunding. KPMG bertanggungjawab memberi khidmat nasihat dan bersama-sama dengan Tim Pemandu BSC menyediakan *scorecard* untuk TLDM. Projek pelaksanaan BSC telah dilaksanakan secara berperingkat seperti berikut:

- **Pertincahan awal** Aktiviti ini melibatkan KPMG dengan Tim Pemandu BSC untuk mengenal pasti skop pelaksanaan BSC dan data yang perlu diperolehi.
- **Temu bual dan Analisis** Temu bual dengan pihak kepimpinan TLDM dibuat bertujuan untuk mengenal pasti isu-isu strategik TLDM. Analisis turut dilaksanakan ke atas dokumen-dokumen seperti Sasaran Kerja Tahunan, Pelan Rancangan Strategik TLDM, fail meja dan sebagainya.
- **Bengkel** Sebanyak 14 siri bengkel yang melibatkan MTL dan markas-markas formasi telah dilaksanakan untuk memberi penerangan mengenai kaedah penggubalan BSC dan membantu menyediakan *scorecard*.
- **Penyediaan Scorecard** Setiap bahagian di MTL dan markas-markas formasi menyediakan *scorecard* masing-masing dan proses penambahbaikan *scorecard* dilaksanakan beberapa kali melalui khidmat nasihat dan maklum balas dari perunding KPMG dan Tim Pemandu BSC.
- **Penghasilan Scorecard** *Scorecard* yang disediakan disemak oleh perunding KPMG dan Tim Pemandu BSC bagi memastikan setiap objektif menuju ke arah pencapaian misi dan objektif umum TLDM.


TLDM merupakan sebuah organisasi yang besar. Strategi yang paling sesuai ialah untuk memulakan projek ini secara berperingkat. Dalam fasa pertama pelaksanaan, BSC dilaksanakan di 3 peringkat seperti ditunjukkan dalam Jadual 1:

PERINGATAN	PENGLIBATAN
I - Korporat	Markas Tentera Laut
II - Bahagian di Markas Tentera Laut dan Markas Formasi Utama	- Bahagian Sumber Manusia - Bahagian Rancang dan Operasi - Bahagian Tadbir dan Sekretariat - Bahagian Logistik - Markas Armada - Markas Pendidikan dan Latihan TLDM - Markas Bantuan TLDM
III - Markas Formasi	- Markas Sistem Armada - Markas Wilayah Laut 1 - Markas Wilayah Laut 2

Jadual 1. Peringkat Yang Terlibat Dalam Pelaksanaan BSC TLDM

Proses Penghasilan BSC

Penghasilan *scorecard* secara ringkasnya perlu melalui proses seperti ditunjukkan dalam Gambarajah 2. Aktiviti yang terlibat dalam proses ini diterangkan secara terperinci dalam perenggan berikutnya.



Gambarajah 2. Ilustrasi menunjukkan hubungan peta strategi dan *scorecard* setiap peringkat organisasi TLDM ke arah mencapai Misi dan Visi TLDM Dengan Sokongan Nilai-Nilai Yang diamalkan dalam TLDM.

Langkah 1. Penetapan Misi, Visi, dan Objektif Umum

BSC merupakan satu kaedah melaksanakan strategi sesebuah organisasi dan strategi organisasi perlu disandarkan kepada visi, misi dan nilai seperti ditunjukkan dalam Gambarajah 3 di bawah:



Gambarajah 3. Kaitan Antara Misi, Visi, Nilai dan Strategi dengan BSC. (Niven R. Paul, *Balanced Scorecard for Government and Non-Profit Agencies*, p.101)

Gambarajah 3 menunjukkan fungsi BSC sebagai alat (tool) yang menterjemahkan misi, visi, nilai dan strategi kepada objektif dan seterusnya pelan tindak yang boleh dinilai prestasinya dengan jelas. BSC bertindak sebagai alat yang menyelaraskan dan menjajarkan objektif dan pelan tindak yang digubal di semua peringkat dalam organisasi ke arah pencapaian misi dan visi.

Misi

Misi ialah satu kenyataan yang menerangkan tugas teras atau peranan utama sesebuah organisasi. Misi TLDM ialah:

"MENYEDIA DAN MENGATUR GERAK ANGKATAN LAUT UNTUK MELINDUNGI KEPENTINGAN MARITIM MALAYSIA SEMASA AMAN DAN MEMASTIKAN KEMENANGAN KETIKA PERANG"

Visi

Visi merupakan gambaran yang menunjukkan di mana sesebuah organisasi ingin berada di masa hadapan dan ini menjadi asas kepada sesebuah organisasi menggubal strategi dan menetapkan objektif. Visi TLDM ialah:

"MENJADI TENTERA LAUT YANG BERKUALITI"

(Yang Bermaksud Kecemerlangan Operasi Untuk Menjadi Deteren Yang Kredibel Dan Mempunyai Kelebihan Kompetitif)

Penyataan Nilai

Nilai bermaksud pegangan atau prinsip yang secara umumnya diamalkan di dalam sesebuah organisasi. Nilai didemonstrasikan melalui gelagat dan karenah para pekerja serta bagaimana sesuatu tugas dilaksanakan dalam organisasi tersebut. Nilai dalam organisasi juga merujuk kepada satu set tingkah laku yang memberikan identiti tersendiri kepada sesebuah organisasi dan ianya unik kepada organisasi tersebut. Nilai organisasi adalah tali yang menghubungkan setiap individu dalam organisasi tersebut. Nilai teras yang menjadi identiti kepada TLDM ialah:

- Kerja Berpasukan
- Beretika
- Penyayang
- Kecemerlangan
- Menepati masa

Berdasarkan misi, visi dan nilai tadi, pihak pengurusan tertinggi TLDM seterusnya telah menetapkan 5 matlamat umum (over-arching goals) yang perlu dicapai oleh TLDM. Matlamat umum digubal dengan mengambil kira keperluan dan kehendak pihak-pihak yang berkepentingan TLDM dan apakah yang mereka perlukan dari TLDM. Matlamat umum TLDM adalah seperti berikut:


Matlamat Umum TLDM

- Kesediaan
- Tenaga Kerja Berkualiti
- Pengurusan Keupayaan.
- BERSAMA
- Rakan Nasional & Antarabangsa

Langkah 2. Pemetaan Strategi


Penjajaran (alignment) objektif dihasilkan menggunakan konsep yang dinamakan pemetaan strategi (strategy mapping). Setiap objektif yang digubal perlu mempunyai hubungan kait antara satu sama lain dan impaknya mestilah memenuhi kehendak pihak-pihak yang berkepentingan (atau pelanggan, sama ada secara langsung atau tidak langsung). Setiap peringkat yang lebih bawah harus menyokong ke arah pencapaian objektif di peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya memastikan objektif umum korporat dicapai. Kaitan peta strategi setiap peringkat dalam organisasi seperti ditunjukkan dalam Gambarajah 4 dan 5. Penjajaran dan hubungan berlaku dalam 2 tahap seperti berikut:

- Penjajaran dan hubungan kait antara perspektif.** Seperti yang pernah diterangkan, BSC mengukur prestasi berdasarkan 4 perspektif. Gambarajah 4 menunjukkan perspektif yang digunakan oleh TLDM di peringkat korporat dan contoh penjajaran dan hubungan kait (hubungan sebab dan akibat) antara satu strategi yang digubal bagi memenuhi keperluan sesuatu perspektif dengan yang lain.



Gambarajah 4. Contoh Menunjukkan Sebahagian Pemetaan Strategi Peringkat Korporat TLDM, Key Result Areas dan Hubungan Sebab dan Akibat (Cause and Effect relationship).

- Penjajaran dan Hubungan Kait Antara Peringkat Dalam Struktur Organisasi TLDM.** Umumnya, strategi dan objektif di peringkat bawah sesebuah organisasi harus digubal supaya ianya menjurus kepada pencapaian matlamat umum organisasi di peringkat korporat dan seterusnya menyumbang ke arah pencapaian misi dan visi. Hubungan kait dan penjajaran menggunakan BSC seperti ditunjukkan dalam Gambarajah



Gambarajah 5. Ilustrasi menunjukkan hubungan kait antara Peta Strategi setiap peringkat dalam organisasi TLDM

BERSAMBUNG...

NGPV - THE CHALLENGE

BY: CAPT SYED ZAHIRUDDIN PUTRA RMN
PG Dip EBM (UTM) MGMT HRM (UNSW) MMIHRM



The First of Class of the New Generation Patrol Vessel (NGPV) will be commissioning soon and by then would be a regular feature in the many yearlong activities of the Armada. In fact it would be a turning chapter in the RMN history as these new generation ships, 27 in all will invariably storm an impact significantly in the very way we conduct our business in the fleet today. Without a doubt the NGPV, the latest edition of our Surface Fleet is very close to what we envisage a Smart Ship to be. From Electronic Chart Display and Information System (ECDIS) to Ship Management and Information System (SMIS), the ship is all about automation, effectiveness and efficiency. Obviously and admittedly there are hiccups and gaps that need to be ironed out as far as this project is concerned. However with positive and constructive engagement and going along Smart Partnership with PSC-ND, these issues could be harmoniously and easily resolved. On a different front, what could pose a paramount challenge is the receptiveness and readiness of all quarters involved in the operational and supply chain in the RMN to accept, adapt and sing along the tune that will soon hit the waves. It is the intention of this article to cursorily draw what will be the issues involved to give a glimpse to relevant stakeholders what is in store and what is expected. Subsequently it is the onus of parties involved then

to take heed of it and react accordingly.

Most importantly the one that deserve a special mention and attention are issues specifically pertaining to processes and procedures in operating these new generation ships. Many of the traditional manning practices and procedures will have to be revisited. Navigational, Warfare, Defense Control Fire Fighting (DCFF) or even routine ones will have to take a different form. There are so much sophistication and automation onboard that it would be a grave sin not to optimise the capability and the utilities of systems in placed. Hand in hand with this is the Navy thrust towards being a Lean and Mean entity. This, being reflected by the number of appointed crews onboard, a lean figure of 10 officers, 30 senior rates and 28 junior rates. Even though not mean yet, it is already lean compared to similar class of ships like the Offshore Patrol Vessel (OPV) with a crew of 86. Even that, remarks has been passed that it should be further reduced to a slimmer figure. Tough indeed, but that is the challenge.

As a consequence, some of the specific issues in hand that evolves around processes and procedures that need to be addressed would be:

• Bridgemanhip and Navigational Practices

This is one area that has been demanding the best and nothing less from everybody. Here we are definitely talking about safety of the ship and the very established traditional procedures that has been implanted for good in every seaman

officer in the name of navigational safety. Pilotage in restricted waters to transiting a swept channel has its laid procedures that call for standard manning requirements and Bridge Teams with designated tasks that could require up to with 5 personnel on task. With ECDIS, auto plot table, forward-looking sonar, ARPA and DGPS of an accuracy of 5 – 30 m, approximately 0.15 cables, the intended objective could be achieved comfortably by just the Navigator and the Officer of The Watch (OOW). Next to ponder is the need for maintaining the OOW note book and the manual chart. With everything recorded in the ECDIS and the auto plot, from alteration of course and speed to breakdown and activities conducted, what then would the OOW note book or even the ship log needed and the paper chart fixed for. With only 3 RPs on board, a PO and 2 LR definitely some procedures and requirements will have to go.

• CIC Operations

The next one in mind is the way business will be conducted in the heart of the ship and in the heat of the battle, the Combat information Centre (CIC). With big screen display, multifunctional consoles and redundancy as well as automatic backup with excellent recording and large print facilities for tactical analysis, manual tactical plot will be history. Again with only 3 RPs onboard, they will be better employed doing more worthy roles, as APC, SPC and the ORS doing just that, supervising the combat scenario. It is high time too, that the new generation GI is to be trained to

be the WFC operator rather than hanging around the open bridge doing nothing at the pretext of supervising the gun crews.

• Engineering and DCFF Practices

With the Ship Control and Monitoring System (SCAM), engineering and DCFF practices is also taking a turn. With close circuit TV, reliable state-of-the-art sensors, a glance at the SCAM display, the crew will be able to tell what is working and what is not. Learning and understanding the ship's engineering configuration is made easy through a superbly designed user-friendly interactive layout. With extensive gauges, duty watch in MCR will not be expected to do hourly reading rounds. Reading rounds will only be conducted once in day as the purpose of the rounds then is not to take down readings literally but more so for the purpose of comparing readings with gauges at the MCR. As far as the hourly safety rounds is concerned, it will still be practiced as it is imperative that such safety rounds should not be compromised as it will be the only means left in ensuring nothing is left to chance. DCFF is also exercised from the SCAM, there will not be a manual plotted Incident Board as it is catered for in the SCAM.



In fact less personnel is required as recording and updating of the DCFF incidents is all done from the MCR and is transmitted automatically to all stations including FWD and AFT DC. Besides, activation of fire fighting facilities will be automatic. However there are sufficient safety measures that are incorporated to prevent false alarm. What all this means, is that engineering practices onboard is made much easier, faster, practical and safer.

• Ships Husbandry

With minimum crew of 13 seaman ratings inclusive of Radio Operators, they are all in for a hard time. Out of the box initiatives has to be sought after to take on the laborious task of ship husbandry. It is timely then to be thinking of Value Chain Analysis by outsourcing such task. At the same token ownership too will have to play centre stage. Crew must be responsible for their part of ship and must treat and take care of all equipment, facilities and areas designated to them with pride as though they own it. A balance must be strike then between outsourcing and ownership. A compromise could be to outsource services that are very laborious and tedious in nature for e.g. periodical thorough cleaning of engine and auxiliary compartments, the ship as a whole internally and major ship husbandry tasks. All these maintenance so called should be listed in the PMS so that it could be conducted just like the other routine maintenance.

• Administrative Matters

Even though administrative issues sound trivial nonetheless it really does matters in the long run. Non-value added administrative practices and its related processes should not corrupt the systems onboard. The Ship Management and Information System (SMIS) that are linked up to all the supply and operational chain is reckon to stimulate precedence in workflow and processes. The whole idea is this generation of ships and crew should be striving for a paper less E-Organization. Among the many administrative activities involved that would need to be overhauled and that will need to take new approaches are:

Demands, job cards, defect reports, logs and records, even for the Captain's signature and returns will be formatted in the SMIS. Definitely there will still be some manual records and log maintained but it will be reduced dramatically.

Personnel data and records will be linked to an internal Human Resource information System (HRIS). Service document will be in E-form. When drafted out to non SMIS unit, documents will be printed out. The

HRIS, which is part and parcel of the SMIS, will be interfaced with the TLDmnet.

Correspondence onboard is by Electronic Data Management System (EDMS). Basically all correspondence will be done through the local area network (LAN), from incoming to outgoing letters. No files and 'sampul kecil' will be sighted. Communication with officers will all be through the LAN.

Last but not least, the issue that really is a concern is strength and composition of the duty watch from Quarter Master/Boatswain Mate to the fire fighting team and communal duties. With a lean crew, a different approach has to be adopted in managing the problem. There is no solution reached yet, but PV 1 is thinking very hard how to go about this problem. With state-of-the-art Ship Control and Monitoring Systems (SCAM), fire fighting facilities, close circuit TV, ingenious solution is needed by best utilizing all the facilities available onboard. That in a way drives a message



that these new generation ship will not be operating and running like any other ship, anticipating the outcome, it will give rise to new standards, requirements, procedure, manning and routines.

In conclusion the NGPV is about transformation. It is about new generation crew. It is also about a shift in culture, tradition and organizational behaviour. Many are oblivious of the momentous task ahead. Its success does not hinges on the crew of the first PV or even the Project Team alone. Eventually one way or rather soon we will see everybody will have a role to play in this national project. The core issue that is pivotal to the success of the new generation ship is the readiness and the receptiveness of the RMN at large to adapt and react. Changes will be inevitable, we must not be too possessed with the way we have been doing things. What is more important is the clear objective of what is to be achieved and why it is done so. The critical success factor of these new generation vessels is optimising the capabilities and the sophistication of the vessel to its fullest. In other words the crew must subscribe and operate the system onboard in total. There should not be duplication in work and processes by practising both automated system and traditional procedures. It has been many times proven in many ships and organization that such an approach is doomed to fail. As the commanding officer of the first vessel and the Squadron Leader to be of the first batch of these new generation vessels, I am compelled to go all out to ensure that running these generation of vessel will never be the same. The NGPV is about the future and the future starts with this squadron. To that end the motto of the Squadron is **Swift and Sure** (Pantas dan Pasti), Swift in its action and Sure of its destiny in this context as the unprecedented Smart Ship in the annals of RMN history. The challenge ahead is momentous, to see it through is self-fulfilling but ultimately the success of it depends entirely on every stakeholder to passionately contribute to this significant cause. **S**

171 KEDAH



Kebangkitan CHINA dan Niat AMERIKA di SELAT MELAKA

Mokhzani Zubir (Penyelidik), Centre for Maritime Security and Diplomacy, Maritime Institute of Malaysia (MIMA)

Pada 27 Oktober 1994, kapal pengangkut pesawat Amerika Syarikat iaitu USS Kitty Hawk yang sedang melakukan operasi rutin meronda perairan antarabangsa di Laut Kuning, bertembung dengan kapal selam berkuasa nuklear China dari kelas Han. Serentak itu Amerika menghantar pesawat S-3 untuk memantau kapal selam China tersebut. Namun China dengan terlebih dahulu menghantar dua buah pesawat pejuang F-6 untuk mengekori dan memantau pesawat S-3 Amerika. Dalam suasana tegang di laut, seorang atase Amerika di Beijing dimaklumkan bahawa China "akan mengambil tindakan mempertahankan diri yang sepatutnya jika berlaku pencabulan ke atas ruang udara dan perairan mereka". Peristiwa ini memberi isyarat bahawa China telah mula menghantar armada tentera lautnya untuk beroperasi di laut lepas melangkaui pesisiran pantainya, di mana sebelum ini laut lepas didominasi dan dikuasai hanya oleh Tentera Laut Amerika.

Semasa Perang Dingin, China menumpukan keupayaan pertahanan maritim mereka terhadap pertahanan di pesisiran pantai. Tentera Laut PLA (People's Liberation Army) mengadaptasikan doktrin peperangan dari Kesatuan Soviet. Doktrin ini menumpukan kepada penggunaan "kapal selam pesisir pantai (coastal submarine), bot torpedo, dan lain-lain kapal pesisir pantai, yang disokong oleh pesawat udara tentera laut yang beroperasi di pantai." Setelah tiga dekad berlalu, Tentera Laut PLA berjaya membina suatu "dinding maya di laut" iaitu kekuatan tentera laut yang terdiri daripada beratus-ratus kapal perang yang kecil.

Pemodenan armada laut China mula dilaksanakan secara serius selepas tamatnya Perang Dingin dan ketika China mula mengadaptasikan ekonomi pasaran bebas sejajar dengan dasarnya meluaskan pertahanan maritimnya, daripada pertahanan pesisiran pantai ke pertahanan hadapan (forward defense) yang jaraknya melangkaui beratus-ratus batu dari pesisir pantainya. Ini jelas menunjukkan China telah berubah kepada "strategi pertahanan aktif". Ini juga bermakna kapal-kapal Tentera Laut PLA berupaya untuk meronda di perairan antarabangsa yang jauh dari Tanah Besar dan ini juga bermakna China mampu untuk meronda di

Laut China Selatan. Menurut Ji Guoxing, pembangunan dan pertumbuhan ekonomi China yang sedang giat dilaksanakan memerlukan persekitaran yang tenang dan tenteram. China tidak mempunyai sebarang niat untuk meluaskan pengaruhnya, dan tidak bercadang untuk membina hegemoni di Laut China Selatan dan Asia Tenggara. Apa yang China mahukan ialah persekitaran yang aman dan stabil di sebelah selatan wilayahnya. China risau tentang keselamatan maritimnya di wilayah tersebut terutama sekali kemungkinan wujudnya ancaman dari Asia Tenggara dan Laut China Selatan.

Import Minyak dan Laluan Perkapalan

Berdasarkan kepada kadar pertumbuhan ekonomi China dalam dua dekad yang lepas, RAND Corporation menganggarkan keluaran ekonomi China akan mengatasi Amerika iaitu sebanyak US\$11.3 trillion berbanding Amerika US\$10.7 trillion pada tahun 2010. Sejalan dengan pertumbuhan ekonominya yang tinggi, Beijing turut meningkatkan bajet pertahanannya. Pada Mac 2004 China mengumumkan peningkatan sebanyak 11.6% dalam perbelanjaan pertahanannya yang berjumlah sebanyak US\$25 billion. Pentagon bagaimanapun berhujah bahawa jumlah itu tidak mengambil kira keseluruhan bajet pertahanannya di mana ia tidak termasuk penyelidikan dan pembangunan senjata dan pembelian senjata dari pihak luar. Pentagon menganggarkan perbelanjaan pertahanan China adalah di antara US\$50 billion hingga US\$70 billion, menjadikan ia bajet pertahanan yang ketiga terbesar di dunia, mengatasi Jepun dan di belakang Amerika dan Rusia.

Pembangunan ekonomi yang rancak memaksa China untuk menggunakan bahan mentah seperti minyak dalam kadar yang tinggi. Bermula pada tahun 1993, China terpaksa mengimport minyak mentah dalam kuantiti yang tinggi demi untuk memenuhi keperluan domestik dan permintaan daripada sektor perkilangan terutamanya. Permintaan minyak mentah China untuk tahun 2004 sahaja dijangkakan melebihi 100 juta tan. Ketika ini 32% daripada permintaan minyak mentah China adalah diimport. Laporan dari Agensi Tenaga Antarabangsa menjangkakan bahawa menjelang tahun 2030, import minyak oleh China akan menyamai import minyak Amerika pada hari ini. Tanpa bekalan minyak yang mencukupi, ekonomi China pasti akan terjejas sekaligus membantutkan usaha para pemimpinnya untuk memajukan China. Meskipun pelbagai usaha dilakukan untuk mempelbagaikan sumber-sumber asli, China akan terus bergantung kepada minyak dari Timur Tengah. Ketika ini, 58% daripada import minyak China datang dari Timur Tengah. Menjelang 2015, import minyak dari Timur Tengah akan terus meningkat kepada 70%.

Bekalan minyak yang diimport dari Timur Tengah akan melalui Selat Melaka. Selain itu, Selat Lombok dan Selat Sunda juga boleh dilalui oleh kapal-kapal tangki untuk menghantar minyak ke China, selain ke Jepun, Korea Selatan dan Taiwan. Namun Selat Melaka adalah laluan yang menjadi pilihan kapal-kapal tangki dan dagang untuk menghantar kargo. Selat Melaka merupakan laluan perkapalan utama bagi perdagangan dunia, di mana lebih satu pertiga daripada jumlah dagangan dunia melalui Selat Melaka. Adalah jelas bahawa Selat Melaka merupakan *arteri* kepada pertumbuhan ekonomi dan perdagangan dunia. Memandangkan hidup mati dan *survival* China bergantung kepada keselamatan laluan perdagangan di Selat Melaka dan Laut China Selatan, tidak hairanlah China bertegas untuk meluaskan operasi rondaan kapal-kapal perangnya di kawasan tersebut.

Beijing dengan tegasnya menyatakan bahawa ia akan mempertahankan laluan perkapalan utama yang penting kepadanya. Kerajaan China baru-baru ini menegaskan bahawa China mempunyai kepentingan strategik ke atas laluan bekalan minyak dan akan menggunakan kekuatan tentera lautnya untuk mengawal laluan perkapalan yang kritikal. Menurut Zhan Yuncheng, seorang pakar di Institute of Contemporary International Relations, China akan menghadapi krisis tenaga jika laluan bekalan minyaknya diserang. Zhang merumuskan bahawa mana-mana pihak yang menguasai Selat Melaka dan Lautan Hindi boleh menggugat laluan pengangkutan minyak China. Presiden China Hu Jintao berkata bahawa "Malacca dilemma" atau dilema Melaka adalah kunci utama kepada keselamatan tenaga China. Menurut Hu, beberapa kuasa (Amerika Syarikat) telah berusaha untuk meluaskan kekuasaan dan menguasai navigasi melalui Selat Melaka.

Pertumbuhan ekonomi yang rancak dan peningkatan ketara dalam kuasa ketenteraan menyaksikan China muncul sebagai pencabar kepada Amerika untuk muncul sebagai pemimpin

global. Menurut George Modelski sesebuah negara akan menjadi pemimpin global apabila:

- berjaya melalui empat fasa proses pembelajaran iaitu penetapan agenda, membina pakatan (coalition building), keputusan makro (macrodecision) dan pelaksanaan (execution)
- memiliki atau mempamerkan kualiti dan kelayakan untuk menjadi pemimpin global iaitu politico-strategic organization for global reach, ekonomi yang mendahului negara lain dan bertindakbalas terhadap masalah global.

Selepas Perang Dunia Kedua 1945, Amerika muncul sebagai pemimpin global. China adalah satu-satunya negara yang boleh menandingi Amerika untuk menjadi pemimpin global. Soviet muncul seketika cuba menandingi Amerika namun ia kecundang. Persaingan untuk menjadi pemimpin global ini menyaksikan Amerika bertindak pantas untuk menyusun dasar strategiknya di Asia Timur dalam usaha mengekang China. Salah satunya ialah menguasai laluan dan 'choke point' strategik di Asia Tenggara terutamanya kerana penguasaan mutlak ke atas laluan perkapalan utama akan menyebabkan kedudukan China menjadi goyah.

Ancaman di Selat Melaka

Benarkah kapal-kapal tangki dan dagang yang belayar melalui Selat Melaka terdedah kepada ancaman serangan penganas? Anehnya persoalan ancaman ini tidak pula ditujukan kepada Selat Lombok, Selat Sunda dan Selat Makassar yang juga merupakan laluan kapal dagang dan kapal tangki. Ketiga-tiga selat ini juga terdedah kepada ancaman penganas, malah ancamannya lebih besar kerana berada di dalam perairan Indonesia, sebuah negara yang dihuni oleh penganas Jemaah Islamiah yang masih gagal ditangani oleh pihak berkuasa Indonesia. Jika Amerika dan Singapura khuatir tentang pengebom berani mati yang menyerang kapal seperti yang berlaku ke atas kapal perang USS Cole dan kapal tangki SS Limburg, sepatutnya amaran mengenai teknik serangan yang sama yang bakal berlaku di Selat Melaka telah lama dikeluarkan. Namun amaran mengenai serangan ke atas kapal di Selat Melaka hanya timbul setelah lebih dua tahun peristiwa tersebut berlaku dan hanya timbul pada bulan Mac 2004. Sebenarnya Amerika sendiri mengetahui bahawa para penganas (jika wujud) di Indonesia tidaklah secanggih atau *sophisticated* seperti penganas di Timur Tengah. Penganas JI pasti akan terlebih dahulu menyerang kapal-kapal yang belayar di Selat Melaka kerana kawalan keselamatan Selat Melaka di bahagian Indonesia adalah lemah dan longgar. Dengan mudah para penganas boleh menyamar sebagai nelayan lalu mendekati dan meletupkan mana-mana kapal yang belayar di Selat Melaka. Kapal-kapal ini boleh disifatkan sebagai 'turkey shoot' atau sasaran mudah yang boleh diserang dan hampir pasti serangan tersebut akan berjaya. Yang pasti sehingga kini

tiada kes serangan penganas ke atas kapal di Selat Melaka. Yang ada hanyalah serangan rompakan bersenjata dan serangan 'lanun' (menurut tafsiran sesetengah pihak). Sesetengah kes serangan 'lanun' pula diragui kerana operasi serangan tersebut berlaku dengan pantas. Lanun mempunyai senjata api yang canggih, cekap dan pantas bertindak menaiki kapal menuju ke kabin kapten dan kabin-kabin tertentu, mengetahui dengan tepat laluan ke bilik navigasi dan pantas menyelesaikan operasi. Seolah-olah lanun ini mendapat latihan ketenteraan yang mencukupi dan mempunyai stamina ahli komando.

Setakat ini kekhuatiran Amerika dan Singapura hanyalah bersifat andaian yang telah diperbesarkan semata-mata. Kedua-dua pihak ini juga berhipotetikal tentang serangan penganas yang boleh mengganggu laluan perkapalan utama di Selat Melaka itu dengan menenggelamkan kapal yang diserang atau dengan memuatkan kapal dengan bahan letupan dan menjadikan kapal tersebut sebagai bom bergerak dan meletupkannya di pelabuhan. Andaian menakutkan yang diperbesar-besarkan ini hanyalah bertujuan sebagai alasan untuk menjustifikasikan kehadiran Amerika di Selat Melaka.

Apa yang perlu Malaysia buat? Malaysia perlulah bertegas menolak kehadiran sebarang kuasa asing (Amerika) di Selat Melaka atas alasan mengancam kedaulatan negara. Setakat ini alasan kedaulatan merupakan alasan yang paling baik untuk diberikan kepada Amerika. Selain itu, Malaysia perlu terus memberi jaminan bahawa Selat Melaka adalah selamat untuk kapal-kapal dagang belayar kerana keselamatan perairan itu dikawal oleh dua agensi iaitu Polis Marin dan Tentera Laut Diraja Malaysia. Malah kawalan keselamatan di Selat Melaka bakal diperketatkan lagi dengan penubuhan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Dalam masa yang sama Malaysia perlu mengadakan rundingan dengan Indonesia untuk mencapai kata sepakat menolak kehadiran Amerika. Ini kerana jika Indonesia berlembut dan membenarkan Amerika hadir di Selat Melaka pada perairan Indonesia, maka strategi Amerika untuk menguasai dan mengawal Selat Melaka telah berjaya. Selat Melaka boleh digunakan oleh Amerika untuk 'mencekik dan melemaskan' ekonomi China. Kapal-kapal dagang dan tangki ke China yang kononnya disyaki membawa bahan terlarang dan membawa ancaman boleh diperiksa dan kemungkinan diarah berpatah balik. Selat Melaka merupakan 'choke point' yang strategik dan kapal-kapal boleh dipintas dengan mudah kerana laluanannya yang sempit. Amerika boleh menggunakan sekatan di Selat Melaka untuk memberikan tekanan kepada China jika berlaku sebarang pertelingkahan mengenai isu *Theatre Missile Defense*, proliferasi nuklear, kemerdekaan Taiwan dan lain-lain lagi. Laluan-laluan perkapalan alternatif di Indonesia iaitu Selat Sunda, Lombok dan Makassar akan mudah dikuasai Amerika dengan menggunakan tekanan politik dan ekonomi ke atas Indonesia melalui isu-isu pencabulan hak asasi manusia, demokrasi, terrorisme dan lain-lain lagi. Jika perkara ini terjadi, rantau Asia Tenggara, Selat Melaka dan Laut China Selatan akan dirundung konflik ketenteraan dan mampu bertukar menjadi krisis bahkan merebak kepada peperangan. China akan sedaya upaya memastikan bekalan minyak, bahan mentah dan eksportnya tidak diganggu gugat, tidak terjejas atau diugut untuk diganggu atau dihentikan. Selain melalui saluran diplomatik, China pasti mengerahkan seluruh kekuatan armada lautnya mengawal keselamatan kapal-kapal dagangnya. Jika terdesak, China pasti akan 'menawan' dan mengambil alih Selat Melaka dan Laut China Selatan dengan kekuatan senjata. Pertembungan antara dua kuasa laut ini pasti akan berlaku dan tidak dapat dielakkan lagi. Peperangan atau tembak menembak antara Amerika dan China biarpun terhad pasti menggerunkan kerana masing-masing ingin menunjukkan kekuatan. Amerika pasti akan menunjukkan kekuatan persenjataannya sebagai isyarat bahawa sebagai *superpower*, ia tidak boleh diancam dan disaingi. Bagi China pula, kemenangan biarpun kecil ke atas Amerika akan memberi moral dan isyarat bahawa China adalah kuasa baru dan bakal muncul sebagai *superpower* menggantikan Amerika. Jika situasi ini terjadi, Malaysialah negara yang akan menerima kesan yang paling buruk sekali. Ini kerana pelabuhan-pelabuhan utama negara berada di sepanjang Selat Melaka, bandar-bandar utama yang menggerakkan aktiviti ekonomi berada di sepanjang dan berhampiran Selat Melaka. Eksport negara, di mana lebih 90% adalah melalui jalan laut pasti akan terjejas teruk. Malaysia juga akan berada dalam dilema kerana kedua-dua negara pasti akan memaksa Malaysia membuka ruang udara dan perairan kepada mereka sahaja dan tidak kepada musuh masing-masing. Tekanan diplomatik, ekonomi dan ketenteraan pasti akan dikenakan ke atas Malaysia oleh Amerika dan China.

Amat menarik untuk diperhatikan bahawa tekanan Amerika ke atas Malaysia memuncak ketika Perdana Menteri Malaysia membuat kunjungan ke China. Tekanan diplomatik ini dibuat oleh Donald Rumsfeld ketika beliau berada di atas kapal perang yang berlabuh di Singapura, satu simbol dan situasi yang menjelaskan *superiority* armada laut Amerika yang tidak boleh diancam, dan supaya Malaysia mendengar dan mematuhi tekanan Amerika yang berada di lokasi yang begitu hampir dengan Malaysia. Ketika ini China sudah pasti sedang memerhatikan dengan serius usaha Malaysia menghalang penguasaan Amerika ke atas Selat Melaka. Apa yang perlu Malaysia lakukan kini ialah meneruskan hubungan baik dengan Amerika dan mengukuhkan lagi hubungan baik dengan China. Dalam masa yang sama Malaysia perlu memaklumkan dan memberi jaminan kepada China bahawa arteri kepada ekonominya tidak di ganggu gugat. Keselamatan, kemakmuran, kesejahteraan dan kestabilan rantau Asia Timur bergantung kepada kebijaksanaan Malaysia menangani Selat Melaka dalam mengimbangi sifat hegemoni Amerika dan kehadiran China sebagai sebuah kuasa. **S**

PBS DAN PBK

Kesinambungan Latihan dan Kerjaya Memantapkan Peperangan Bawah Permukaan

OLEH :BK PBS (I) SABARUDIN

Bila disebut dan bercerita tentang kepakaran Peperangan Bawah Permukaan Senjata atau singkatannya PBS dan Peperangan Bawah Permukaan Kawalan atau singkatannya PBK di kalangan anggota TLDM, pastinya akan tergambar dan terbayang rupa bentuk kapal selam dan situasi kerjaya yang begitu mencabar di bawah permukaan air berbeza dengan bayangan sebuah kapal perang. Itulah persepsi kebanyakan orang, namun sebenarnya anggota kepakaran ini masih tak terlibat secara langsung kerana TLDM masih belum mempunyai kenderaan perang bawah air itu.

Sekolah Peperangan Bawah Permukaan (PBP) adalah salah satu sekolah yang melatih anggota kelasi dalam bidang tugas dan kepakaran PBS dan PBK. Sekolah Peperangan Bawah Permukaan adalah salah satu cawangan di bawah naungan Fakulti Kelasi di Markas Pendidikan dan Latihan. Sekolah ini diketuai oleh Lt Kdr Mohd Faizal Hamza TLDM dan dibantu oleh 8 orang jurulatih. Berfungsi dalam melatih dan melahirkan anggota-anggota yang berkemampuan dan berkemahiran


melaksanakan tugas berkaitan dengan peperangan bawah air seperti mengesan dan melancarkan serangan ke atas kapal selam.

Di sekolah ini anggota dilatih dalam pengendalian senjata bawah air, pemusnahan bom dan periuk api serta pengendalian Sonar untuk tujuan pengesanan kapal selam. Berupaya melatih seramai 120 anggota dalam satu semester dan berupaya menampung 280 sehingga 300 pelatih dalam tempoh setahun. Kursus yang

dijalankan di sini meliputi kursus dari peringkat permulaan (asas) sehingga ke peringkat profesional (jurulatih).

Bermula dari perajurit muda yang telah selesai menjalani latihan asas di Fakulti Rekrut, PULAREK, anggota yang terpilih untuk diserapkan ke cawangan PBS dan PBK ini akan terus di hantar untuk menjalani kursus Kelas III selama 4 bulan di sini. Di sekolah ini, anggota akan diajar dengan silibus yang berkaitan kepakaran mengikut Rancangan Latihan (RALA). Setelah selesai kursus dan lulus Kelas III, anggota akan menjalani latihan sambil belajar (LSK) selama 6 bulan di kapal TLDM. Sepanjang tempoh tersebut, anggota akan didedahkan dengan kerja berkaitan kepakaran dan juga kerja sebagai pelaut.

Bagi anggota kepakaran PBS, kebanyakan mereka ditempatkan di kapal *Mine Counter Measure Vessel* (MCMV). Antara tugas yang dilaksanakan meliputi bidang kerja berkaitan dengan pengendalian Sonar, Pengesanan Periuk Api, Pembersihan dan penyapuan Periuk Api, Pelancaran dan pengendalian PAP ECA OLISTER iaitu sejenis kenderaan untuk pemusnahan Periuk Api. Seseorang



Kerja-kerja menurunkan PAP Eca Olister

anggota PBS ditugaskan untuk mengendalikan Sonar TSM 2022 untuk mengesan Periuik Api dan mengklasifikasikannya. Anggota juga dilatih dalam kerja penyapuan dan pemusnahan Periuik Api bagi memastikan perairan negara bebas dari ancamannya.

Periuik Api yang berjaya dikesan sama ada *Ground Mine* atau *Bouyant Mine* akan dimusnahkan menggunakan kenderaan PAP 104 yang membawa *Charge* dan diletupkan. Segala pelaksanaan tugas anggota di kapal akan di bantu oleh seorang penyelia kepakaran iaitu *Buffer* (Serang) selain dari bantuan pegawai-

lain. Setiap Lasykar Dalam Latihan cawangan ini akan diberi pendedahan khusus dan menitikberatkan terhadap kerja kepakaran teori dan amali di samping tugas lain sebagai anggota Kelas biasa sehingga menjadi seorang pelaut yang mahir dan melayakkannya untuk mengikuti kursus peringkat yang lebih tinggi (Kursus LK I sehinggalah peringkat Jurulatih).

Sekolah PBP umumnya menyediakan Sukatan Pelajaran yang telah ditetapkan mengikut Sistem Latihan TLDM. Silibus-silibus yang terkandung di dalam pembelajaran antaranya seperti *Sonar*, *Torpedo*, *Danbouy*, kapal selam, *XBT*, *Towed*

memantapkan lagi tahap kebolehan dan prestasi anggota dari masa ke semasa bagi memastikan anggota PBS dan PBK lebih terampil dan berkemampuan. Selari dengan wawasan TLDM sendiri dalam misi untuk memastikan perairan Maritim negara sentiasa terkawal, pembelian **Scorpene** adalah titik permulaan era baru peperangan bawah permukaan TLDM.

Sekolah ini telah melahirkan ramai anggota kepakaran PBS dan PBK yang berkemahiran tinggi sejak dahulu hingga sekarang dan tidak keterlaluan dikatakan bahawa merekalah yang bakal mengendalikan kapal selam pada masa



Menyediakan torpedo A244S untuk penembakan



Ledakan periuik api

pegawai dan anggota lain. Penyelia yang berpangkat Bintara Muda atau Bintara Kanan berperanan melatih serta mendidik dalam memastikan anggota Lasykar Dalam Latihan ini mendapat pengalaman dan pengetahuan yang maksimum di samping menekankan aspek keselamatan semasa bekerja.

Selain kapal MCMV, anggota PBS juga dihantar menjalani latihan sambil kerja di kapal lain antaranya kapal kelas Laksamana dan Kelas JEBAT yang dilengkapi dengan torpedo jenis A244S, Kelas Kasturi dilengkapi dengan Anti Submarine Rocket Launcher (ASRL) dan juga kelas Frigat (dulunya terdapat Mortar MK10), semua itu adalah antara senjata Bawah Permukaan yang perlu dikendalikan. Bagi anggota berkepakaran PBK pula, anggota akan ditempatkan di kapal-kapal yang mempunyai Sonar bagi didedahkan dengan tugas mengendalinya untuk tujuan pengesanan kapal selam. Tugas dalam mengenal pasti sesuatu objek yang terdapat di dalam lautan sememangnya satu tugas yang memerlukan latihan khusus dan kepakaran yang maksimum. Bukan setakat itu saja, anggota juga dilatih dan diajar mengendalikan alat perhubungan seperti *Underwater Telephone*, kaedah mendapatkan bacaan suhu air laut, kerja-kerja pemasangan dan pemusnahan bahan letupan, cara pemasangan alat penandaan di laut iaitu *Danbouy* dan lain-

Decoy, *Underwater Telephone*, *Casex*, *ASW*, *Oceanography*, *MSS*, *ASRL*, Periuik Api dan Operasi Janggal. Selain dari itu, terdapat pelajaran yang berkaitan dengan Ilmu Kelautan dan Laberang iaitu kemahiran dalam kerja tali-menali dan *wire strop*. Kemahiran ini penting bagi setiap anggota PBS dan PBK kerana anggota perlu melaksanakan kerja berkaitan seperti membuat tali tambatan kapal manakala *wire strope* pula adalah bagi kegunaan semasa latihan di laut, semua kerja ini akan dilakukan oleh anggota bagi memenuhi keperluan kapal bila diperjawatkan di Bengkel *Riggers*.

Sebagai anggota kepakaran PBS dan PBK, kemahiran dalam tugas memainkan peranan penting dalam melaksanakan kerja berkaitan tidak kira sama ada berkhidmat di kapal atau pangkalan. Seiring dengan wawasan dan matlamat Pucuk pimpinan tertinggi TLDM sendiri yang mahu melahirkan anggota yang berkualiti dan berkaliber, sekolah PBP mengambil langkah ke arah itu dengan memberi penekanan secara lebih khusus terhadap silibus yang diajarkan kepada anggota yang mengikuti kursus peringkat Lasykar Kanan, Bintara Muda dan Jurulatih. Banyak silibus tambahan selain dari kepakaran sendiri diterapkan bermula dari peringkat kursus Lasykar Kanan antaranya Pengurusan, Kaedah Mengajar, Komputer dan sebagainya dalam proses



Anggota PBK menjalankan tugas

depan. Bagi kursus peringkat yang lebih tinggi seperti jurulatih (TAS) ada di antaranya dihantar keluar negeri untuk kursus lanjutan. Pembelian kapal baru serta kapal selam yang lebih menjurus kepada peperangan global, anggota PBS dan PBK bakal diperjawatkan bagi menyumbangkan tenaga dan kepakaran ke arah pertahanan maritim negara. Dalam mengimbangi situasi kekurangan anggota mahir kepakaran ini, pelapis perlu sentiasa di beri pendedahan dan kursus tambahan dalam meningkatkan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang berkaitan selaras menampung anggota PBS dan PBK yang telah dan akan bersara. **S**

Hanya Kerana Coklat...

Oleh: **Noor Aishah binti Ibrahim**
Pembantu Tadbir

"Ish, lambat lagi...!" Kelam-kabut Sofiah berjalan ke pintu pejabatnya. Takut-takut bos sudah sampai mendahuluinya. Walaupun usianya sudah jejak separuh abad namun dia masih boleh berjalan dengan cepat bahkan berlari pun dia masih mampu lagi, kerana dia sudah lali situasi sebegitu. Lagipun Sofiah selalu berjoging bersama suaminya setiap hujung minggu. **"Fuh...lega....nasib baik bos tak sampai lagi,"** bisik hatinya.

Selepas menandatangani buku kedatangan, dia bergegas turun ke Pusat Komunikasi, ambil kawat kemudian berjalan semula masuk ke pejabatnya.

Sedang dia menuju ke mejanya, tiba-tiba kakinya terhenti di suatu sudut lalu menoleh ke arah beberapa bungkusan hamper yang dipenuhi dengan makanan ringan bersama-sama kad-kad ucapan sempena Tahun Baru 2004. Jari-jemarinya membelek hamper-

hamper itu **"Kaulah aku punya hamper ni kan ke best, eeeeeii !!!.... seronoknya, beruntung sungguh jadi bos"** hati kecilnya berbisik sendirian. Sedang leka membelek-belek, tiba-tiba pandangannya terhenti ke sebuah bakul comel. Di dalamnya tersusun indah kotak-kotak kecil berbentuk kiub dengan balutan berwarna-warni keperakan. **"Coklat...!!!"** Hanya itu sahaja perkataan yang keluar dari bibirnya bersama mata yang sedikit besar dari kebiasaannya. Coklat sememangnya menjadi kegemaran setiap wanita terutamanya wanita yang separuh abad seperti Sofiah.

"Wow.... Banyaknya coklat impot," hatinya berbisik. **"Ah... ini bos punye. Mana boleh ambil....."**, sambung bisikan itu lagi. Dia terus ke meja dan memulakan kerjanya...

Saban waktu, matanya pasti merenung tajam ke arah bakul comel itu. Hatinya tidak senang selagi tidak dapat menikmati coklat di dalamnya. Dia bingkas bangun dan terus ke arah longgokan bakul hamper semula.

"Ambil saja.... tak siapa yang tahu.... bukan senang nak dapat menikmati kelazatan coklat impot ini, lagipun, kalau engkau ambil satu atau dua, takkan bos nak perasan," tiba-tiba saja suara 'cik hati' yang

memainkan peranan sebagai pendakwaraya mengusik pintu hatinya.

Terngiang-ngiang pula suara 'cik akal' yang berperanan sebagai peguambela membantah. **"Jangan, Sofiah! Tuhan melihat apa yang engkau lakukan. Kalau engkau dapat menikmati coklat itupun, engkau telah memakan sesuatu yang haram."**

Kemudian suara-suara 'cik nafsu-nafsi' yang menjadi juri-juri telah menyokong pendakwaraya. **"Ambil saja.....ambil....jangan jadi bodoh...sedap tu.....!! sedap.....!"**

Tiba-tiba hakim berteriak **"Jangan ambil.....!, jangan sekali engkau ambil....."**. Siapakah hakimnya.....? Siapa lagi kalau bukan dirinya sendiri. Oleh kerana dia seorang 'hakim yang adil', keputusan dibuat bahawa kes ini telah dimenangi oleh pihak peguambela. Itulah mahkamah kecil milik jasmani dan rohaninya.

Sofiah mengangkat satu persatu bakul hamper itu ke dalam bilik bosnya. Dia baru saja mendapat berita dari Pegawai Bertugas bahawa bosnya sambung cuti sehari lagi. Bermakna esok baru bosnya mula bekerja setelah bercuti sebulan keluar negara. Dia sungguh yakin bahawa bos pasti bagi coklat itu padanya sebagai tanda terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikannya sama seperti yang diterima dari bos-bosnya yang sebelum ini. Tudung dari Brunei tembikar dari Sabah, kerongsang dari Indonesia... macam-macam lagi. Dengan hadiah-hadiah itulah yang menjadi penambah semangat untuk dia terus bekerja bersungguh-sungguh sebelum bersara tidak lama lagi.

Tang.....Tang.....bunyi ketukan loceng oleh pengawal. **"Dah pukul dua,"** dia melihat jam tangan yang sudah usang.... tapi kelihatan baru kerana jam itu telah dijaga dengan rapi. Sofiah mengemas meja, kemudian bergegas ke bilik bos mematikan suis lampu dan suis pendingin udara, kakinya terhenti dan berpatah balik ke bakul-bakul hamper itu. Dia membisikkan sesuatu dengan penuh senyuman. **"Aku pasti dapat rasa coklat ini esok"**, dia benar-benar menaruh sepenuh harapan.

Keesokan harinya, Sofiah datang awal ke pejabat. Dia merasa lega tidak terperangkap seperti semalam dengan





kesesakan deretan kereta di pintu masuk utama pangkalan ini. Seperti biasa setelah menandatangani buku kedatangan dia terus ke pejabatnya, menyimpan beg tangan terus ke Pusat Komunikasi ambil kawat. Dia mengetuk pintu bilik bos – lega bosnya belum sampai lagi Tiba-tiba badannya tidak stabilterperanjat. Terkejut dengan ketiadaan bakul-bakul hamper semalam di atas meja. Hatinya resah tidak menentu – **“ke mana hilang barang-barang ni – siapa pulak yang mengambil bakul-bakul hamper tu”**. Dia bergegas keluar mencari Pegawai Bertugas mahukan kepastian. Keresahan dan kekeliruan sudah terjawab bahawa bosnya datang ke pejabat petang semalam dan mengambil semua barang-barang tersebut. Lega rasa hatinya cuma dia harus menunggu kedatangan bosnya yang akan membawa dua atau tiga butir coklat untuknya. Hatinya resah tidak menentu, tak selesa, bayangan hamper coklat menghantui fikirannya.

Dia bertekad untuk kali kedua bahawa bosnya akan menghulurkan coklat itu. **“Bos yang bukan Melayu pun aku dapat merasa takkan sesama bangsa pun nak berkira, Alah.....dia mesti bagi kat aku.....jangan susah hati...”** pujuk rayu hatinya. Walaupun perasaannya tidak senang, namun dia dapat menyelesaikan kerjanya dengan tenang.

Hari berlalu begitu pantas. Tiada cerita hamper dari bosnya, seolah-olah bosnya tidak pernah menerima apa-apa hadiah. Sofiah menanti dengan penuh kesabaran dengan segunung harapan semoga bos tidak lupa kepadanya. Dia memberanikan diri untuk bertanya bakul-bakul hamper itu, dek kesibukan

dengan tugas harian dan mesyuarat sepanjang hari maka berkemungkinan bosnya lupa. **“Ya, saya dah ambil”**. Dengan penjelasan yang diterima Sofiah dapat merasakan bahawa dirinya sudah tidak dihargai lagi, dadanya tiba-tiba menjadi sebak, perasaannya tercalar dia juga pasti bahawa impian untuk menikmati coklat hanya tinggal idaman. Air mata tergenang di bibir matanya.....

Cuti Sabtu datang lagi.....dia ke KL bersama dua orang anaknya Azir dan Azirah. Di sana dia akan berjumpa ibu tercinta dan dua lagi anak-anak yang dirindunya selalu. Bagi meredakan sebak di dada, dia telah meluahkan segalanya pada ke empat-empat orang anaknya. Di atas permintaannya, Azlan, anaknya yang sulung membawa Sofiah ke pasar raya hanya untuk mencari coklat yang diidamkannya. Sofiah yang dibantu oleh anak-anaknya pergi mencari coklat yang serupa di serata Kuala Lumpur. Namun, coklat yang diidamkan tak dapat dicari, tiada dalam pasaran. Azwan, anak kedua memujuk dengan membelikan coklat impot yang mahal tapi tak sama sebagaimana yang diidam-idamkan. Dia pulang dengan seribu kehampaan.....

Sehingga kini, sikap bosnya itu kekal menjadi satu memori dendam. Tiada pula niat buruk untuk ‘mengenakan’ bosnya. Tetapi, Tuhan itu maha adil dan Dia saja yang menentukan segalanya. **“Mengapa aku jadi begini.....mustahil aku mengandung....”** Bakul comel coklat masih menghantui fikirannya, bukan wanita hamil sahaja yang punya perasaan ‘teringin’, malah wanita seperti dia yang sudah separuh abad pun mengidamkan sesuatu yang sukar untuk dimiliki. Tak sangka bos yang selalu dihormati, bos yang sentiasa ditabik, bos yang telah menjadi teman sekerjanya telah menghiriskan perasaannya bagai sembilu hanya kerana coklat. **S**



'Nasi Tomato Pulau Jarak'

OLEH : ABOY, PR FOC RMN



erhari-hari bersaah di Pulau Jarak bukan satu tekanan bagi warga kapal KD PERANTAU kerana ada sesuatu yang 'istimewa' menanti mereka di galley sebagai 'upah'.

'Nasi Tomato Pulau Jarak' sememangnya sudah sinonim dengan warga kapal KD PERANTAU

kerana masakan itu satu-satunya makanan yang paling istimewa dan enak dinikmati apabila berada jauh di tengah laut. Keenakan dan keunikan rasanya benar-benar menjadi penawar ketegangan. Disebabkan sering dilabuhkan di Pulau Jarak untuk tugas 'survey', kemudiannya dihidangkan pula dengan masakan tradisi Nasi Tomato, nama unik tersebut terus bermain di bibir warga kapal KD PERANTAU sehingga kini sekaligus gelaran itu mempopularkan kapal kelas Hidrografi ini.

Dalam situasi begini, tukang masak memegang watak utama. Bagi LK 11 BDI Aiman bin Mohd Shah, 23, yang bertanggungjawab memperkenalkan menu tersebut, tugasnya sebagai tukang masak di kapal yang menampung seramai lebih 150 anggota itu agak mencabar. Tambahan pula beliau merupakan anggota paling muda di situ. Namun, kepercayaan pihak kapal untuk beliau mengendalikan 'dapur' dianggap Aiman satu penghargaan paling besar dan tanggungjawab itu perlu dilaksanakan sebaik mungkin walaupun pada mulanya beliau ragu-ragu.

Berasal dari Felda Palong 3, Gemas Negeri Sembilan, Aiman yang merupakan anak bongsu dari 6 adik-beradik ini memang mahir dalam bidang memasak. Pengalaman memasak dan sering membantu keluarga di kampung mendorong Aiman

berjinak-jinak dengan suasana dapur dan ternyata, beliau seronok melakukan tugas tersebut.

'Adik bongsu' KD PERANTAU ini sebenarnya lebih meminati malah berkebolehan mengendalikan tugas-tugas teknikal dan bercita-cita untuk menjadi juruteknik. Sebelum menceburi TLDM, Aiman telah mengikuti kursus di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuantan selama satu tahun dan berjaya memperoleh sijil MLVK. Selain itu, beliau berpengalaman bertugas sebagai teknisyen di sektor swasta. Walau bagaimanapun, bagi Aiman, keputusan memilih bidang memasak sebagai '*profession*' tidak pernah dikesalnya apabila tiada pengambilan kepakaran teknikal semasa pemilihan rekrut pada tahun 2001.

Pengalaman banyak membantu Aiman dalam kerjayanya. Beliau tidak malu digelar



Resipi Nasi Tomato

Bahannya:

- Beras
- 4 Ulas Bawang Putih
- 6 Ulas Bawang Merah
- 6 Biji Bunga Lawang
- 6 Biji Bunga Cengkih
- 6 Biji Buah Pelaga
- 2 cm Kulit Kayu Manis
- 2 cm Halia

Semua bahan di atas hendaklah ditumis.

- 1 Tin Susu Cair
- 7 Sudu Besar Tomato Puri
- 3 Batang Daun Pudina
- 3 Batang Daun Sup
- 3 Helai daun Pandan
- Bawang Goreng dan Minyak sapi secukupnya.

Cara Membuatnya:

1. Panaskan minyak, tumis bahan penumis hingga kekuningan, masukkan air dan daun pandan serta tomato puri.
2. Selepas itu, masukkan beras, apabila kuning masukkan susu cair dan tutup. Masak menggunakan api perlahan.
3. Setelah masak, taburkan daun sup, daun pudina dan tutup semula.

Menu Nasi Tomato Pulau Jarak

- Nasi Tomato
- Ayam Masak Merah
- Dalca
- Acar Bombay
- Papedom
- Kari Daging
- Manisan Sagu
- Buah Tempatan



'tukang masak' malah berbangga kerana baginya tidak ramai yang berpeluang berada ditempatnya sekarang. Ilmu yang diperolehi selama 6 bulan mengikuti Latihan Sambil Kerja (LSK) di UiTM Shah Alam awal tahun lalu dipraktikkan sebaik mungkin.

Benih yang baik, dicampak ke laut menjadi pulau. Aiman kini boleh tersenyum apabila disuruh membuat '*pastry*' atau merekabentuk '*ice carving*' dan tidak teragak-agak menghasilkan ukiran yang cantik dan unik untuk '*fruit carving*'. Istimewanya, Aiman pernah meletakkan TLDM di tempat kedua di pertandingan *Food Institute Of Malaysia (FIM)* di Kelana Jaya semasa sedang mengikuti LSK di UiTM Shah Alam.

Pastinya buah tangan Aiman seperti **Nasi Tomato Pulau Jarak** menyuntik semangat rakan-rakan seangkatannya untuk terus memperjuangkan status tukang masak ke tahap yang lebih tinggi. Kalau dulu ada segelintir daripada mereka yang 'lari' ke cawangan lain disebabkan malu digelar tukang masak, kini persepsi terhadap bidang itu telah berubah malah ramai yang berlumba-lumba memilih tukang masak sebagai kerjaya kerana ianya dilihat mempunyai potensi untuk diketengahkan. **S**



Peradaban

OLEH: USTAZ KPL ALIYAS BIN ABDUL RAHMAN

Bagaimana Kita Memilih Sahabat

Dalam pergaulan sehari-harian, kita akan bertemu dengan tiga golongan manusia. Mereka ialah sahabat, kenalan dan orang ramai. Ketiga-tiga golongan ini mempunyai caranya yang tersendiri untuk kita bergaul dan bercampur dengan mereka. Mengikut pendapat Imam Ghazali, iaitu seorang ulama Islam yang sangat terkenal, ada lima perkara yang perlu diambil perhatian ketika kita memilih sahabat.

Berakal

Sahabat yang dipilih itu hendaklah orang yang berakal. Berfikir yang waras. Tidak ada gunanya kita bersahabat dengan orang yang bodoh, kerana walaupun hanya berniat baik sekali pun, sedikit sebanyak ia akan mudah terdedah kepada keburukan disebabkan kebodohnya. Sayidina Ali R.A pernah berpesan: **"Jangan kamu bersahabat dengan orang yang bodoh. Jangan Kamu berdamping dengannya. Sudah berapa ramai orang yang bodoh dapat merosakkan diri dan akhlak orang sopan ketika berkawan"**.

Berakhlak Mulia

Sahabat itu hendaklah seorang yang mempunyai peribadi serta berakhlak yang mulia. Jangan kita mencari atau bersahabat dengan orang yang akhlaknya buruk, kerana orang yang akhlaknya buruk tidak dapat mengawal dirinya, sering kali mengikut kehendak hawa nafsu pada setiap tindak tanduk dan pekerjaan yang dilakukan, yang mana sentiasa saja mendorong hatinya untuk melakukan kerja-kerja dan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah s.w.t. Sayidina Ali pernah berkata: **"Saudaramu yang sebenar ialah siapa yang selalu bersamamu, yang sanggup berkorban apa saja demi kebahagiaanmu. Seandainya jika ada sesuatu yang berlaku dan menimpa dirimu, ia sanggup meninggalkan sesiapa pun untuk bersama denganmu"**.

Baik Hati

Jangan mengambil orang yang suka membuat perkara-perkara yang jahat dan maksiat sebagai sahabat. Yang mana melakukan perkara maksiat dan jahat itu adalah suatu perbuatan yang dibenci dan dikutuk oleh Allah s.w.t serta mendapat balasan dosa yang besar di sisi Allah s.w.t. Oleh yang demikian, jika kita hendak memilih sahabat sejati untuk diri kita, hendaklah membuat pilihan yang betul dan sebenar-benarnya, bahkan carilah orang yang sentiasa beriman kepada Allah s.w.t. Sudah pastinya sesiapa yang beriman kepada Allah, ianya tidak akan melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah. Kalau kita berbaik dan bersahabat dengan orang yang tidak baik hatinya, kita juga akan menjadi lemah melihat perkara-perkara dan perbuatan-perbuatan buruk yang dilakukannya, malah kemungkinan juga suatu hari nanti kita akan turut sama terlibat dalam melakukan perkara-perkara tersebut.

Bercakap Benar

Janganlah memilih sahabat yang suka bercakap dusta atau lebih dikenali dengan nama pembohong. Orang yang suka bercakap dusta atau pembohong diumpamakan seperti cahaya yang menyilaukan mata dari jauh. Ia akan menyilaukan pandangan mata hati kita dari pendekatan hati dan diri kita terhadap Allah s.w.t. Orang yang selalu bercakap dusta ini, tidak akan merasa segan dan malu untuk melakukan serta mengeluarkan dan sering kali mereka-reka berbagai-bagai cerita-cerita dongeng yang kononnya berlaku, sedangkan apa yang diceritakan itu tidak berlaku, bahkan tidak pernah wujud pun. Oleh itu jika kita hendak memilih sahabat, janganlah kita memilih sahabat yang sentiasa bercakap dusta dan selalu berbohong pada setiap percakapan dan perilaku yang ditunjukkannya. Malah suatu hari nanti kita juga akan turut sama mengikut jejak langkahnya.

Cenderung Kepada Akhirat

Kita sebagai insan dilarang sama sekali bersahabat dengan orang yang hatinya senantiasa cenderung ke arah duniawi semata-mata. Kerana orang yang sedemikian rupa dianggap sebagai racun yang boleh membunuh. Memilih sahabat seperti ini, sedikit sebanyak akan mendorong kita untuk terikut-ikut dengan tabiat dan kelakuannya. Yang mana tabiat kita juga akan berubah dengan secara sadar atau tidak sadar, lebih-lebih lagi ada yang mendorong dan mengajar kita untuk mengikutinya. Kalau kita bersahabat dengan orang yang membuat kebaikan, kita akan bersama-samanya melakukan perkara kebaikan. Kerana yang demikian ini akan lebih menambahkan lagi tahap kedudukan dan ketakwaan serta iman kita terhadap Allah s.w.t.

Kesimpulan

Setiap makhluk yang dijadikan oleh Allah s.w.t di atas muka bumi ini, dikurniakan hati dan perasaan serta naluri yang berbeza-beza diantaranya. Maka ianya terletak pada diri dan pentadbiran kita sama ada untuk menjadikan ianya baik atau sebaliknya. Hati yang dianugerahkan Allah kepada kita adalah ibarat seorang raja yang memerintah dunia. Jika pemerintahnya ke arah kebaikan, maka baiklah semuanya, jika sebaliknya maka buruklah semuanya. Samalah juga dengan diri kita, kalau hati kita baik maka baiklah semuanya, jika sebaliknya maka buruklah.

Demikianlah sedikit pengajaran dan panduan yang dibawa oleh Imam AL- Ghazali untuk kita jadikan pegangan bagi kita memilih sahabat pergaulan kita semasa hidup di dunia ini. Mudah-mudahan dengan panduan dan pengajaran ini akan memudahkan kita mencari sahabat yang sejati dan sebenar-benarnya. **S**



Adakah itu suaranya Ibonda

*Semakin jauh kaki berlari
semakin laju keringat mengalir
semakin bergetar dada berdebar
sayup suara itu kedengaran*

NORMAHAILY BINTI MOHD NOR
5500341 PW II PRL
Pegawai Waren Tadbir
Sel Perhubungan Awam TLDM
Markas Tentera Laut

*Itukah suara Bondaku
itukah juga suara Ibuku
mungkin sirna kan menjadi sinar*

*Yang telah lama tenggelam
dek keganasan ombak di lautan
yang telah lama kesuraman
dek cahaya yang tidak bersinar*


*Belantan di tangan dalam genggaman
keris disisi bagai pahlawan
berkelana mencari erti hidup*

*Kuterpegun seketika
sayunya suara itu
mendayu dan membuai
kuingin mempertahankannya
kuingin berjuang deminya*

*Ibunda...
selangkah kakiku ke depan
takkan mungkin berpaling kebelakang
demimu Bonda tercinta
Demi Nusa dan Bangsa*

YATI, MTL

Surpassing threats now and in the future



Bofors 40 and 57 Mk3 naval guns together with the technologically unparalleled 3P ammunition ensure tactical freedom on all levels of conflict.

www.boforsdefence.com

 **BOFORS**
DEFENCE

NORMAHAILY BINTI MOHD NO
5500341 PW II PRL
Pegawai Waren Tadbir
Sel Perhubungan Awam TLDM
Markas Tentera Laut

Partnership in Action



BAE SYSTEMS

www.baesystems.com